

## BAB V

### IMPLIKASI TERHADAP SISTEM SOSIO-POLITIK MELAYU.

#### 5. 1 Dinamisme Pola Politik Melayu.

Pada asasnya sistem politik<sup>1</sup> Melayu hanya mengenal satu bentuk pemerintahan yang dinamakan sistem monarki.<sup>2</sup> Di alam Melayu, hanya terdapat dua institusi yang menjadi tonggak kepada sistem monarki berkenaan iaitu raja sebagai pemerintah dan rakyat sebagai yang diperintah (Mahadzir Khir 1997:1-3). Rakyat sebagai pengikut menganggap raja adalah berkedudukan tinggi dan segala perintahnya ditaati. Dalam sistem politik Melayu tradisional kuasa pemerintahan tertinggi terletak di tangan raja.<sup>3</sup> Raja akan pula dibantu oleh para pembesar bangsawan yang ditauliahkan surat perlantikan (Gullick 1978: 30-31). Para pembesar Melayu ini akan menjadi pemerintah di daerah yang diberikan wewenang oleh raja.<sup>4</sup> Dalam konteks politik tradisional strata pemerintah memegang dua kuasa iaitu politik dan ekonomi. Zaman kesultanan Melayu Melaka dan

---

<sup>1</sup> Sistem politik secara umumnya merujuk, "...kehidupan politik melalui penelitian historis dan melalui pengamatan situasi politik yang sedang berlangsung...digambarkan sebagai penelitian terhadap tertib kekuasaan, negara, kebijaksanaan umum, pembuat keputusan, monopolii kuasa dan penggunaannya secara sah..." (Easton 1988: 73), lihat juga Bottomore (1983: 62-64), Dahl (1985: 87-89).

<sup>2</sup> Sistem monarki bererti kerajaan di bawah perintah oleh seorang raja. Pemerintah tersebut dipercayaai asal-usulnya daripada Tuhan. Oleh yang demikian mereka dikatakan mempunyai keistimewaan (Ramanathan 1992: 158-159), lihat juga Minogue (1986: 85), Rodee (1988: 64-66).

<sup>3</sup> Tiga klasifikasi kekuasaan iaitu pertama; kekuasaan tradisional atas dasar suatu kepercayaan yang telah ada (*established*) pada kesucian tardisi kuno, kedua; kekuasaan rasional berdasarkan undang-undang (*legal*) atas dasar hak dan peraturan bagi mereka yang memegang kedudukan, berkuasa untuk mengeluarkan perintah-perintah dan ketiga; kekuasaan karismatik atau peribadi (Weber 1947: 328).

<sup>4</sup> Tugas seorang pembesar dalam daerahnya ialah menjalankan pentadbiran, keadilan, pertahanan, memungut hasil dan sebagai pemimpin umum setempat. Beliau hanya mempunyai sedikit sahaja tugas istiadat (Gullick 1978: 31, Jamaie 1993: 68-69)

abad ke-19 membuktikan bahawa kondisi politik dan ekonomi menjadi milik mereka secara mutlak. Daerah yang mempunyai potensi ekonomi dan hasil bumi seperti pusat persinggahan, pusat jual-beli dan kawasan bijih timah, “...if a term is to be coined, perhaps ‘insular’ or maritime may suit the nature of Malaccan commercial activities. Undoubtedly the barter nature of the trade was still important if only on a more systemic basic...” (Wan Abdul Rahman 1999: 47), raja melantik pembesar sebagai pengawal dan mengaut kekayaan terhadap semua hasil-hasil berkenaan (Gullick 1978: 31).

Sebelum kolonialisme kuasa raja dan pembesar Melayu dalam bidang politik tidak tergugat. Rakyat sebagai pengikut yang taat tidak mahu melanggar adat dan pantang, jika tidak mereka dan anak cucu mereka akan menerima akibat (Yusuf Hasyim 1996: 15-17).<sup>5</sup> Keadaan ini menjadikan politik Melayu unik kerana konsep daulat dan durhaka<sup>6</sup> serta pantang Melayu durhaka masih kuat (Ramlah Adam 1996: 262). Di kalangan rakyat, wujud konsep siapa yang berkuasa dan berpengaruh maka ia ditaati (Atory 1993: 187). Pengaruh kolonialisme telah melunturkan kuasa raja yang sekian lama

<sup>5</sup> Konsep taat setia rakyat terhadap raja menurut politik tradisional Melayu bermula di zaman Sang Sapurba dan pembernasnya Demang Lebar Daun yang dinamakan waadat. Dalam mengkaji sistem politik Melayu tradisional adalah menjadi kekurangan jika konsep waadat ini diabaikan. Antara mereka berdua telah berwaadat; maka sembah Demang Lebar Daun, “...Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan menjadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia perbaiki oleh anak cucu Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besarnya pun, jangan difadhihatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuhi, itupun jikalau berlaku pada hukum syarak...”. Maka titah Sang Sapurba, “...Akan pinta bapa itu hamba kabulkanlah, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba...”. Maka Sembah Demang Lebar Daun, ...”janji yang mana itu, Tuanku?...”. Maka titah Sang sapurba”...Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekeri sekalipun...” Maka sembah Demang Lebar Daun “...Baiklah ,Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah...” (Shellabear 1977: 19-20).

<sup>6</sup> Kedua istilah ini merupakan kunci dalam budaya politik Melayu tradisional. Ia mempunyai unsur fizikal dan spiritual. Fizikal bermaksud sebagai keseluruhan dalam menjalankan kuasa dan spiritual berkait rapat dengan berbagai cara dan muluk-muluk keghaiban yang dikaitkan dengan seorang raja (Yusuf Hasyim 1996: 15).

menjadi pusat politik Melayu.<sup>7</sup> Kuasa tunggal raja Melayu telah dihakis apabila kuasa mereka dibataskan melalui Sistem Residen (Mahadzir Khir 1997: 5-6). Kedatangan Inggeris telah menamatkan tradisi raja mutlak. “... *Historically, access to political power in Malaya has been crucial in determining who gets what out of development...*” (White 1997: 104). Raja hanya tinggal simbol kepada pertuanan Melayu dengan kuasa politik berada ditangan Inggeris melalui penasihat, gabenor atau residen yang ditempatkan di negeri-negeri Melayu sejak 1874 ( Ryan 1976, Emerson 1979, Andaya 1982). Apabila mereka keluar dari Tanah Melayu, kuasa politik tidak dikembalikan semula kepada raja Melayu tetapi telah diberikan kepada sekelompok elit Melayu sehingga Tanah Melayu merdeka. Institusi raja tetap wujud tetapi kuasa mereka dalam bidang politik telah dibatasi dengan hanya sebagai simbol negara dan tidak lagi seperti sebelumnya.<sup>8</sup> Kuasa politik diberikan kepada rakyat yang harus bersaing sesama sendiri dan harus pula berada di dalam mana-mana pertubuhan yang boleh diwakili untuk mereka mendapatkan majoriti kuasa bagi memerintah negara.<sup>9</sup> Situasi dan kondisi sedemikian telah diisi oleh UMNO yang merupakan pertubuhan dominan orang Melayu (Chamil 1985: 80-81). Dinamisme pola politik Melayu dilihat dalam tiga era iaitu era 1940-an-1950-an, 1960-1970-an dan 1980-1990-an.

<sup>7</sup> Kedatangan pengaruh kuasa asing melalui tiga saluran iaitu pertama; mereka datang sebagai pedagang terutama ketika kemuncak Zaman Kesultanan Melayu Melaka (Yusuf Hasyim 1972 & 1989, Asmad 1976). Kedua; pihak asing dijemput datang oleh raja-raja Melayu yang meminta perlindungan politik untuk menjaga kepentingan politik peribadi (Andaya 1982, Khoo Kay Kim 1984, Buyung Adil 1985). Sinkon ini dapat dilihat ketika awal abad ke-19 dan ketiga; pihak asing memaksa raja-raja Melayu berada di bawah perlindungan mereka jika tidak takhta dan kedudukan raja berkenaan akan diganti oleh pihak lain (Emerson 1964, Cowen 1970, Winstedt 1986).

<sup>8</sup> Institusi raja masih dipelihara tetapi bidang kuasa mereka dibatasi sebagai ketua dan pemimpin agama serta adat istiadat Melayu (Hussain 1989: 87).

<sup>9</sup> Salah satu saluran untuk mendapatkan kuasa ialah melalui pilihanraya yang biasanya diadakan untuk tempoh lima tahun sekali (Hussain 1987). Di samping itu terdapat cara lain untuk mendapatkan kuasa iaitu melalui warisan, perlantikan, cooption dan paksaan (Nordin Selat 1978: 158).

Dalam era 1940-an - 1950-an merupakan tahap awal perkembangan UMNO. UMNO adalah satu-satunya parti yang mewakili etnik terbesar di Tanah Melayu yang diterima oleh Inggeris untuk bekerja sama dengannya.<sup>10</sup> Inggeris beranggapan UMNO adalah parti yang sederhana justeru itu ia mudah dibawa ke meja rundingan terutama berkenaan Malayan Union dan Kemerdekaan (Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafiee Saat 1991). Berbeza dengan parti lain yang dianggap sebagai berhaluan kiri yang mendesak Inggeris memberi kemerdekaan tanpa syarat serta kalau perlu Tanah Melayu merdeka dengan pertumpahan darah. Parti-parti berhaluan kiri ini dianggap telah mendapat pengaruh dari perjuangan kebangkitan kebangsaan model Indonesia (Ahmad Boestamam 1972).<sup>11</sup> Memandangkan UMNO masih baru wujud dan sebelum kedatangan penjajah, orang Melayu sangat taksub dan menghormati raja dan golongan bangsawan maka kepimpinan UMNO pada tahap berkenaan dipenuhi dari golongan aristokrat. Onn Jaafar sebagai pemimpin pertama UMNO adalah anak seorang bangsawan dari Johor (Ramlah Adam 1996: 235). Kemudian kepimpinan UMNO berubah kepada Tunku seorang putera raja Kedah. Status keturunan kepemimpinan UMNO ini menjadi faktor orang Melayu menerima sebagai pemimpin. Bagi masyarakat bawahan selagi elit pemerintah itu dapat dianggap menjadi pelindung mereka selagi itulah mereka akan patuh (Atory 1996: 56). Tambahan pula yang menjadi pemimpin berkenaan adalah dari keturunan raja atau bangsawan yang dianggap paling

---

<sup>10</sup> Organisasi yang mereka pimpin bukanlah satu pertubuhan yang unggul dan paling awal tetapi kerana di dalamnya terlibat pemimpin di kalangan bangsawan dan aristokrat Melayu yang berwibawa, bertahan dan mampu pula mengatasi kumpulan-kumpulan politik yang ditubuhkan sebelum dan selepasnya..." (Hussain 1988: 9).

<sup>11</sup> Untuk melihat sejarah pengaruh politik Indonesia terhadap politik Melayu sila lihat Mohd. Aris Othman (1985: 107-116).

tinggi kedudukan mereka. Di tahap ini, pendidikan seseorang pemimpin tidak dipertikaikan kerana secara tidak langsung mereka sebagai anak bangsawan mendapat kemudahan untuk mendapat pendidikan Inggeris, iaitu satu-satunya bentuk pendidikan yang disediakan khusus untuk golongan bangsawan (Jomo 1991: 86-87).

Keahlian diperingkat Negeri dan Bahagian, pada tahap ini memperlihatkan golongan elit menguasai hirarki dalam UMNO. Terdapat dua golongan yang menguasai UMNO di peringkat berkenaan iaitu golongan yang berkedudukan di dalam sesebuah kampung seperti ketua kampung,<sup>12</sup> pemuka agama atau ulama<sup>13</sup> dan pemilik tanah yang besar (Hussain 1977: 104-106, Syed Husin 1977: 148-161).<sup>14</sup> Golongan kedua ialah mereka yang bekerja dengan kerajaan yang terdiri dari kerani dan guru sekolah rendah (Fungston 1980). Golongan kedua ini terbatas kepada dua kumpulan kerana ketika itu pendidikan yang ada hanya di peringkat sekolah rendah sahaja (Jomo 1991: 85), serta pekerjaan yang dianggap paling tinggi yang boleh dipegang oleh orang Melayu ialah kerani.<sup>15</sup> Di tahap ini peranan guru-guru Melayu adalah penting dan golongan ini yang

<sup>12</sup> Seorang ketua kampung dikatakan bersaudara dengan separuh daripada penduduk mukimnya dan dia sudah tentu dipilih di kalangan penduduk kampung dan kalangan pemilik tanah di kampung tersebut (Gullick 1978: 50).

<sup>13</sup> Pemuka agama dan ulama terdiri dari imam, lebai atau ustaz yang dianggap warak dan dihormati oleh penduduk kampung (Syed Husin 1977: 159-160). Dalam kehidupan masyarakat kampung, agama memainkan peranan penting yang menentukan tingkah laku dan corak hubungan sosialnya. Seseorang yang pernah menuaikan haji adalah satu golongan yang amat dihormati dan disegani. Mereka diberi keutamaan dalam majlis-majlis sosio-agama (Hussain 1977: 104-106), lihat juga Mazidah (1967: 183), Roff (1975: 10-11), Mohd. Aris (1985: 128).

<sup>14</sup> Golongan pemilik tanah yang menguasai ekonomi sesebuah kampung, akan mempengaruhi penyewanya untuk menyokong atau menentang sesebuah parti politik. Dengan kedudukan yang lebih baik itu, tuan tanah biasanya menjadi saluran untuk golongan pemimpin parti yang lebih tinggi bagi mendapatkan sokongan dari golongan petani dan penyewanya (Hussain 1977: 106).

<sup>15</sup> Sekolah Melayu banyak tersebar di kawasan luar bandar. Dan di sanalah kelompok guru-guru dan kerani dihantar untuk berkhidmat. Keadaan ini memberi peluang yang amat besar bagi mereka untuk menjadi pemimpin kerana persaingan untuk menjadi pemimpin adalah kurang (Aziz Mat Ton 1993: 83).

paling ramai terlibat dalam politik. Kedudukan sosial mereka yang dihormati, terpandang dan dipercayaai golongan ini juga yang lebih ramai dan berani dalam perjudian politik ketika itu (Aziz Mat Ton 1993: 94). Keahlian diperingkat bawahannya pula kebanyakannya adalah mereka yang bekerja dengan kerajaan manakala golongan petani dan buruh tidak ramai menjadi ahli. Namun, secara keseluruhan anggota biasa seperti petani, nelayan dan buruh jumlah mereka adalah lebih ramai dari golongan pemimpin tetapi mereka tidak ada keupayaan untuk mengambil alih kepimpinan di mana-mana bahagian. Ini kerana mereka rata-rata berada di bawah paras kemiskinan dan cukup makan (Ungku Aziz 1969, Syed Husin 1979: 95), dengan demikian masa dan tumpuan mereka adalah kepada untuk memenuhi keperluan asas seperti mencari makanan, tempat tinggal dan pakaian. Tetapi mereka dipercayaai tetap mendukung perjuangan UMNO terutama dalam perjuangan menolak Malayan Union dan seterusnya untuk mencapai kemerdekaan.<sup>16</sup>

Era 1960-an - 1970-an, pola politik Melayu tetap mempunyai perubahan apabila di peringkat kepimpinannya, UMNO bukan sahaja dimonopoli oleh golongan bangsawan tetapi juga turut disertai oleh golongan menengah Melayu (teknokrat) (Atory 1997: 46). Ini disebabkan pendidikan telah diperluaskan tidak kepada tahap sekolah rendah Melayu tetapi juga hingga sekolah menengah Inggeris yang sebelum ini dikhususkan untuk

---

<sup>16</sup> Ketika situasi mendesak, soal remeh harus diketepikan supaya perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dapat berjalan lancar. Dalam pengalaman politik Indonesia, ketika Jepun menjanjikan kemerdekaan kepadanya, bangsa Indonesia diminta menyediakan satu garis besar konstitusi negara. Dalam usaha mempersiapkan konstitusi berkenaan, Soekarno mengarahkan BPUPKI (Badan Penyelidik Usaha-Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia) dan PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia) menolak soal-soal yang boleh melambatkan siapnya draf konstitusi berkenaan. Antara perkara yang tidak perlu dipersoalkan ketika itu ialah agama apa yang harus diletakkan di tempat pertama, bangsa apa yang hendak diutamakan dan bahasa apa yang perlu ditempatkan di kedudukan teratas dalam konstitusi berkenaan. Atas kesepakatan pemimpin proklamasi mereka telah berhasil melahirkan Pancasila yang ringkas tetapi padat dengan hala tuju negara yang bakal merdeka (Nugroho Notosusanto 1984: 66-67).

golongan bangsawan sahaja. Ketika ini 80 peratus pemimpin UMNO mendapat pendidikan Inggeris hingga ke England terutama dalam bidang perundangan dan sebahagiannya pula mendapat pendidikan tinggi agama hingga ke Timur Tengah (Fungston 1980).<sup>17</sup> Tetapi majoriti yang menguasai kepimpinan UMNO adalah mereka yang mendapat pendidikan Inggeris. Di peringkat negeri dan bahagian pula kepimpinan UMNO dipenuhi oleh golongan menengah Melayu yang terdiri dari guru dan pegawai kerajaan yang berijazah (Aziz Mat Ton 1993: 83). Guru dan pegawai kerajaan ini dianggap sebagai agen perubahan yang mampu mencorak pembangunan masyarakat setempat dan pembangunan negara (Firdaus 1985: 168). Memandangkan era ini adalah era negara sedang membangun oleh yang demikian peranan mereka sangat diperlukan. Namun, satu hal yang ketara di peringkat ini orang masih lagi tidak berminat untuk menjadi wakil rakyat atau memegang jawatan dalam UMNO kerana ganjaran tidak seberapa. Ini disebabkan pada era 1970-an adalah era pembangunan luar bandar dan kerajaan tidak menekankan tentang kepesatan sektor industri. Ketika ini kedudukan ketua kampung, kerani, guru sekolah rendah mula kurang mendapat tempat dalam kepimpinan UMNO. Hal ini disebabkan rata-rata dari mereka mendapat pendidikan rendah yang dianggap sebagai kurang menunjang untuk memegang jawatan tinggi dalam kepimpinan UMNO.<sup>18</sup> Akan tetapi kedudukan ketua kampung, pemilik tanah dan pemuka agama masih dihormati oleh masyarakat kampung sebagai kesinambungan

---

<sup>17</sup> Mereka yang berpendidikan Timur Tengah cenderung berada dalam kelompok radikal dan sebahagian besarnya menyertai PAS iaitu sebuah parti serpihan UMNO yang lahir dari Bahagian Ehwal Agama UMNO yang dipimpin oleh Tuan Hj. Ahmad Fuad (Tunku 1979: 114).

<sup>18</sup> Dengan berkembangnya sistem pendidikan moden yang diwarisi dari zaman kolonial, pendidikan Inggeris secara tidak langsung telah menerapkan kemajuan dan teknologi serta pengetahuan moden model Barat. Dengan sendirinya mereka yang mendapat pendidikan Inggeris telah meletakan model Barat sebagai sumber inspirasi, dalam keadaan ini Barat dianggap telah berjaya mengeksplotasikan kelemahan minda penduduk di bekas koloninya (Wan Abdul Kadir 1990: 4-5).

interaksi sosial (Syed Husin 1977: 148-169).<sup>19</sup> Keahlian di peringkat ini mula berubah di mana golongan kelas bawahan<sup>20</sup> yang terdiri dari petani, nelayan dan kaum buruh mulai ramai menyertai UMNO. Perubahan ini disebabkan mereka pernah mendapat pendidikan paling tidak di peringkat sekolah rendah di aliran Melayu atau Inggeris yang dianggap sebagai agen perubahan (Mohd. Nur Ali 1979: 104). Berbanding pada era 1940-1950-an dahulu walau pun ada alam persekolahan, tetapi sistem pendidikan adalah hanya untuk mengenal huruf dan untuk menjadi petani yang lebih baik dari ibu bapa mereka. Golongan menengah Melayu pada tahap ini bukan lagi mendominasi keahlian UMNO kerana ianya telah diatasi oleh kelas bawahan.

Era 1980-1990-an perubahan yang lebih ketara berlaku dalam pola politik Melayu di mana politik berasaskan *tradisional based relationship* iaitu politik naungan<sup>21</sup> yang berasaskan hubungan yang terjalin antara ahli politik dengan masyarakat biasa telah berubah kepada *business based relationship* atau hubungan politik dengan perniagaan (Atory 1997: 46). Sebelum 1980-an, pola politik Melayu banyak berasaskan kepada unsur tradisi seperti pengikut akan berlindung di bawah elit politiknya selagi elit politik berkenaan masih berkemampuan melindunginya (Syed Husin 1977: 195-198). Hubungan

<sup>19</sup> Berkenaan kedudukan ketua kampung pada pandangan masyarakat kampung, Swettenham menyatakan ; "...jawatan itu mungkin diwarisi dari bapanya ataupun dari keluarga yang terdekat. Orang kampung bersimpati dengannya, dia secara peribadi dikenali semua orang, mempunyai ramai saudara mala. Pengaruhnya terletak kepada banyak atau sedikitnya kaum keluarga atau bilangan pengikutnya, pada wataknya, pada lamanya ia memegang jawatan, pada kedudukannya menurut pandangan raja dan seberapa banyak pula harta yang dimilikinya..." (Gullick 1978: 50).

<sup>20</sup> Sarjana sosial di negara ini mempunyai kecenderungan membahagikan keahlian UMNO kepada tiga kategori iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan (Chamil 1985: 85).

<sup>21</sup> Dalam masyarakat Melayu hubungan penaung-dinaung ini telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Penaung ini bercorak patrimonial tradisi iaitu raja dan kerabatnya sebagai penaung kepada rakyatnya. Sedangkan penaungan berbentuk patrimonial moden adalah pergantungan telah berubah kepada ahli-ahli politik atau pegawai-pegawai kerajaan (Norazit 1983: 151-159), lihat juga Critchley (1978).

timbal balik ialah cht berkenaan akan terus mendapat sokongan dari orang yang dinaunginya (Norazit 1983: 150-151). Perubahan besar ini berlaku disebabkan empat faktor. Pertama, perkembangan pendidikan yang menyebar kepada semua rakyat Malaysia terutama melalui kelebihan kouta bumiputera serta biasiswa kerajaan. Kedua; perubahan struktur ekonomi yang tidak lagi berasaskan kepada ekonomi agraria tetapi telah berubah kepada bentuk ekonomi berasaskan industri yang menyebabkan sebahagian besar orang Melayu telah keluar dari sektor sara diri kepada sektor ekonomi perniagaan (Fauzi 1994: 218).<sup>22</sup> Ketiga, kepimpinan UMNO, terutamanya diperingkat pusat tidak lagi dimonopoli oleh golongan bangsawan atau aristokrat tetapi oleh golongan menengah yang berpendidikan tinggi. Keadaan ini sudah tentu akan membuka ruang kepada orang Melayu yang menjadi ahli UMNO untuk berpeluang menjadi pemimpin. Dan Keempat; perubahan terhadap pola politik Melayu itu sendiri, di mana ahli politik dan kepimpinan politik telah mula menjauhkan diri dari pengaruh politik Melayu tradisi iaitu hubungan langsung antara pembesar dan rakyat.

Kejayaan DEB menghasilkan ramai usahwan Melayu adalah satu hakikat bahawa DEB telah membawaikan golongan peniaga Melayu dan sebahagiannya turut menjadi pemimpin UMNO. Ini membuktikan bahawa di kalangan orang Melayu yang menjadi ahli UMNO pada tahun 1970-an adalah kerana ingin mendapatkan peluang yang tersirat di sebalik pelaksanaan DEB (Abu Hassan 1994: 163). Kelompok ini telah kurang bergantung kepada penaung tradisi politik Melayu. Sebelum ini penaung tradisi politik

---

<sup>22</sup> Untuk melihat bagaimana terjadi proses perubahan secara teoritikal dari bentuk ekonomi sara diri kepada ekonomi industri atau perniagaan sila lihat Jan Pluvier (1977: 56-58).

Melayu dianggap berpengaruh untuk mendapatkan peluang ekonomi dan perniagaan. Dalam konteks politik tradisi Melayu, penaung atau pemimpin mempunyai wewenang untuk memberikan peluang ekonomi kepada kelompok naungannya. Dan lebih penting lagi, penaung atau pemimpin ketika itu hanya menguasai politik semata-mata. Tetapi mulai pertangahan 1980-an, keadaan ini telah berubah kerana penaung atau pemimpin berkenaan turut mempunyai kepentingan malahan sebahagiannya kepimpinannya turut pula terlibat dalam bidang perniagaan. Kesannya kepada kepimpinan politik peringkat atasan ialah jawatan-jawatan penting dalam parti mulai diminati oleh golongan korporat dan ahli perniagaan. Dengan demikian, hampir semua jawatan-jawatan dalam parti mula menjadi rebutan baik di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri atau Pusat.

Fenomena merebut jawatan sedemikian tidak pernah berlaku ketika dekad 1970-an sebagaimana yang dinyatakan oleh Mustafa Jabar<sup>23</sup> seorang veteran UMNO; "... pada masa itu, hampir semua orang enggan memegang sebarang jawatan, apatah lagi bertanding dengan kawan kerana tidak mahu menyakitkan hati orang lain. Mereka dipujuk dan dipaksa memegang jawatan..." (Jomo 1986: 73). Melalui jawatan berkenaan mereka boleh mempergunakannya untuk kepentingan perniagaan masing-masing. Peniaga Melayu yang kuat pengaruhnya dalam UMNO secara tidak langsung mampu memperolehi keuntungan besar dari pembelian tanah, projek pembangunan harta tanah, kontrak pembinaan serta juga saham-saham dalam pengurusan semula syarikat (Fo'ad

---

<sup>23</sup> Bekas Setiausaha Agung UMNO, bekas ahli Parlimen Sabak Bernam dan pernah menjadi Menteri kabinet di zaman Tun Razak dan Hussein Onn.

1988: 86). Jawatan-jawatan berkenaan yang sebelum ini sentiasa diisi oleh guru, kerani, pegawai kerajaan, ketua kampung, ulama dan petani mulai terpinggir. Di sini kita dapat melihat terdapat dinamisme pola politik Melayu sejak kuasa politik mula diberikan kepada rakyat bukan kepada raja oleh pihak kolonial. Perkembangan pola berkenaan sentiasa merubah gerak dan kematangan UMNO sesuai dengan peredarannya. Konsep politik kini tidak lagi bertujuan memperjuangkan kebebasan atau untuk membentuk pemerintahan sebagai satu konsep utama tetapi ia kini lebih terarah kepada untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh. Dengan memiliki kuasa dan pengaruh, mereka boleh melakukan perubahan di dalam kehidupan mereka sendiri, walaupun dengan apa cara sekalipun.

## **5. 2 Dinamisme Dalam Dimensi Pola Kepimpinan Politik Melayu.**

Sub bahagian ini akan mengupas pula bagaimana bentuk perubahan terhadap kepimpinan tertinggi dalam politik Melayu iaitu dengan merujuk kepimpinan UMNO.<sup>24</sup> Maksud tinjauan dalam analisa ini ialah cuba melihat sejauhmana terdapat perubahan pola kepimpinan<sup>25</sup> dalam berbagai sudut yang telah berlaku ketika era Tunku, Tun Razak,

---

<sup>24</sup> Kepimpinan ialah hubungan peribadi yang menunjukkan kuasa dan pengaruh yang diagihkan secara yang tidak sama rata sehingga seorang individu boleh mengarah dan mengawal tindakan terhadap orang lain (Fiedler 1967: 11). Manakala kepimpinan dalam tamadun Melayu bermaksud "...berpegang tangan dengan yang dipimpin, kalau tegak sama tegak, tanpa tangan terlucut dari pegangan yang merangkaikan semua yang memimpin menjadi satu rumpun yang masyarakatnya bergerak dengan pemimpin..." (Ghazali Shafie 1995). Lihat juga Pigie (1972) dan Herman (1977).

<sup>25</sup> Kepimpinan secara umum dapat diertikan sebagai, "...a function of group process, personality or effects of personality, the out of inducing compliance, the exercise of influence, a form of persuasion, a set of acts or behaviours, a power relationship, a instrument of goal achievement, an effect of interaction, a differentiated role and the initiation of structure (Hasan Ali 1984: 42).

Hussein Onn dan Mahathir.<sup>26</sup> Tinjauan ini tidak lagi melihat perubahan kepada akar umbi politik Melayu, iaitu kepimpinan peringkat bawahan tetapi cuba menganalisa secara dekat tindakan dan pendekatan yang diambil oleh mereka selaku presiden UMNO dan Perdana Menteri. Tindakan dan pendekatan itu tentunya mempunyai sebab dan faktor yang menjadi dasar pelaksanaannya. Di mana pola kepimpinan diantara keempat-empat presiden UMNO yang merangkap Perdana Menteri, mempunyai perbezaan dan perubahan dalam gaya kepimpinan masing-masing. Keupayaan kepimpinan politik menjadi asas sesebuah sistem politik yang stabil apabila merangsang perubahan pembangunan negara.<sup>27</sup> “...for the last two decades, UMNO leader have used state power to spur rapid economic growth and deep social change...” (Case 1993: 119). Sebagai teraju utama pemerintahan negara mereka dipertanggungjawabkan terhadap segala apa yang berlaku dalam aspek politik, sosial atau ekonomi (Atory 1996: 2-4).

Pasca kemerdekaan, tanggungjawab yang besar menanti kepimpinan Melayu ialah mengisi kemerdekaan berkenaan. “...The Malay states lost their independent status, and formal sovereignty was transferred from the rulers to the monarch...” (Hari Singh 1995: 189). Keinginan tinggi untuk memerintah negaranya sendiri telah diberikan kepada mereka (ATMA 1998). Keinginan itu dibuktikan melalui komitmen yang tinggi serta konsisten dalam mendukung kepimpinan Melayu ketika menentang Malayan Union.

---

<sup>26</sup> Pemilihan keempat tokoh ini dibuat kerana kajian ini bertujuan untuk menganalisa pola kepimpinan mereka yang bertolak dari tahun 1957 hingga tahun 1990-an. Keempat tokoh ini dianggap berperanan besar dalam mewarnai corak politik Malaysia pasca merdeka.

<sup>27</sup> Model sistem politik manapun yang dipakai tidak akan berjaya dikembangkan sebagai sistem yang diterima umum oleh masyarakat sekiranya kepimpinan politik itu lemah, korup, dan tidak mempunyai komitmen yang kuat terhadap kepentingan bangsanya (ATMA 1998: 89).

Hasrat itu dilanjutkan lagi menerusi sokongan padu untuk menyokong kepimpinan Melayu bagi menuntut kemerdekaan.<sup>28</sup> Kepimpinan Melayu merujuk kepada Tunku yang ketika itu sebagai presiden UMNO yang mengantikan Dato' Onn.<sup>29</sup> Sebagai pemimpin tertinggi kerajaan yang baru merdeka, Tunku berhadapan dengan tugas yang sangat mencabar.<sup>30</sup> Penerimaan rakyat terhadap kepimpinan Tunku pada waktu itu tidak berbelah bahagi malah mereka lebih mengagumi Tunku sebagai seorang putera raja yang sanggup bersusah payah untuk menjadi seorang pemimpin bagi sebuah negara yang baru dilepaskan oleh pihak kolonial (Hari Singh 1995). Sebagai seorang dari kerabat raja, segala kemewahan boleh diperolehi dengan senang tetapi Tunku memilih jalan sebaliknya. Ini membuktikan beliau memiliki model kepimpinan karismatik yang tinggi. Kedudukannya dari strata tertinggi dalam hirarki masyarakat Melayu meletakkan beliau sebagai seorang pemimpin yang terpandang dan berpengaruh.<sup>31</sup> Boleh dikatakan bahawa ketika itu konsep sistem politik Melayu tradisi masih belum beralih arah. hal ini kelihatanya masih wujud ketika zaman Tunku, bila mana kerabat diraja menjadi ketua bagi sekalian rakyat di Tanah Melayu. Tunku tidak pula menjalankan cara pemerintahan

<sup>28</sup> Hak dan kedudukan orang Melayu perlu mendapat perhatian yang bermakna dari pemimpin negara ini. Perasaan dan semangat nasionalisme begitu tebal sehingga mereka memikirkan organisasi politik itu hendaklah dipegang dan dikuasai sepenuhnya oleh orang Melayu (Hussain 1977: 112).

<sup>29</sup> Tunku menggantikan tempat Dato' Onn sebagai Presiden UMNO pada penghujung 1951 (Ramlah 1998: 126). Beliau telah dipilih dengan 57 undi dalam Mesyuarat Tahunan UMNO pada 26 Ogos 1951 (Yusof 1991: 101). Ketika Dato' Onn keluar dari UMNO untuk kali yang kedua (1950), sepatutnya Tun Razak yang ketika itu sebagai Timbalan Presiden UMNO mengambil alih tempatnya, tetapi atas alasan masih kurang berpengalaman beliau telah memujuk Tunku yang ketika itu sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Pejabat Peguam Negara Kuala Lumpur. Pada mulanya Tunku menolak tetapi setelah menimbangkan beliau lebih tua serta bersemangat patriotik beliau telah menerima (Shaw 1977: 114). Tun Razak mempunyai tiga sebab untuk memilih Tunku bagi mengantikan tempat Dato' Onn. Kedudukan Tunku sebagai putera raja, Tunku bekas presiden Pelajar Malaya di London dan aktif berpersatuan dan beliau adalah kenalan baiknya (Shaw 1977, Yusof 1991).

<sup>30</sup> Kepimpinan Tunku dianggap sebagai, "...gave birth to an entirely different and distinct party...he embarked new life into the party..." (Shaharuddin 1988: 116).

<sup>31</sup> Seorang pemimpin yang dikagumi ialah apabila mereka mempunyai autoriti untuk menggunakan sumber dan memilih matlamat unit politik dan kemudian memberi kesan kepada polisinya (Herman 1977: 2).

yang tegas dan keras terhadap rakyatnya. Satu sikap yang diambil oleh Tunku dalam kepimpinannya ialah beliau suka berkompromi dengan lain-lain etnik terutama orang Cina (Chamil 1985 & Yusuf Harun 1991). Dalam banyak hal Tunku sentiasa berlembut dengan kehendak orang Cina yang dianggapnya sebagai kaum yang perlu diberi perhatian bukan ditekan.<sup>32</sup> Bagi Tunku, orang Melayu biarlah menguasai sistem politik sahaja, ini kerana dengan menguasai politik bermakna kuasa akan terus kekal di tangan orang Melayu. Begitu juga dalam soal ekonomi, Tunku meletakkan dasar ekonomi liberal dengan setiap individu atau etnik berhak untuk memiliki. <sup>33</sup> Orang Melayu nampaknya tidak diberatkan dalam soal memperjuangkan kedudukan ekonomi mereka. “...*Many Malays, suddenly fearing that their community would have neither political nor economic power, looked upon (Mahathir 1982) the celebrating Chinese as if they were to have both..*” (Case 1991; 461). Beliau tidak meletakan satu dasar yang membolehkan kerajaan secara langsung terlibat untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu. Ini mengakibatkan usaha untuk mengintegrasikan orang Melayu ke dalam ekonomi moden sukar dilakukan (Sanusi Osman 1998). <sup>34</sup> Malah syarikat asing dan tempatan yang dimiliki oleh bukan Melayu enggan melibatkan orang Melayu dalam kegiatan perekonomian mereka dengan alasan kurang kemampuan dan tidak berkelayakan untuk menerokai kegiatan ekonomi komersial.

---

<sup>32</sup> Sewaktu British hendak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu, mereka telah menyerahkan kuasa kepada orang Melayu yang sanggup menerima orang bukan Melayu sebagai rakan kerjasama. Asas kerjasama Melayu dengan bukan Melayu itulah yang membolehkan negara ini merdeka (Chamil 1987: 72).

<sup>33</sup> Amalan politik akomodasi, dianggap kerap memaksa kerajaan mengambil sikap bertolak ansur (kompromi), ini menyebabkan matlamat utama sesuatu dasar itu apabila dilaksanakan tidak dapat dicapai sepenuhnya (ATMA 1998: 98).

<sup>34</sup> Sanusi Osman (Dr.), bekas Setiausaha Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan kini sebagai Timbalan Pengurus PRM dan aktif dalam kegiatan NGO.

Dasar ekonomi yang diterapkan oleh Tunku masih mewarisi model ekonomi neo-klasikal<sup>35</sup> dengan membenarkan potensi ekonomi untuk dimiliki atau dimonopoli oleh semua orang. Maknanya walaupun orang Melayu yang ketika itu sangat mundur, mereka perlu bersama merebut peluang berkenaan. Soalnya, sebagai bangsa yang ketinggalan dari segi pendidikan dan dipisahkan oleh lokasi geografi model penjajah<sup>36</sup> bagaimanakah orang Melayu boleh turut sama bersaingan dengan kapitalis Cina dan Eropah. Tidak dinasikan melalui dasar ekonomi di bawah Tunku pendapatan negara bertambah dua kali ganda antara tahun 1957-1969 (Ghapa & Nik Annuar 1996: 5), tetapi faedah yang diharapkan dari peningkatan itu tidak diperolehi oleh orang Melayu. Keuntungan dan faedah berkenaan dimonopoli oleh orang asing yang terdiri dari orang Cina,<sup>37</sup> orang Eropah dan sebilangan golongan bangsawan Melayu. Tindakan Tunku terhadap dua aspek ini banyak dikritik oleh intelektual Melayu dan kepimpinan UMNO peringkat bawahannya terutama oleh Mahathir dan Aziz Ishak (Fo'ad 1988, Yazid 1992).<sup>38</sup> Untuk mengelakan supaya kedudukannya dalam kepimpinan politik UMNO tidak tergugat, pengkritik yang dianggap sebagai menentang ideanya itu sebaiknya akan

<sup>35</sup> Model ekonomi neo-kolonial atau neo-klasikal merujuk "...Malay was first and foremost a farmer and was regarded as incapable of wage labour in either the tin mines or in nascent plantation network...Chinese and Indian immigration was therefore encouraged in response to the capitalist imperative which demanded lodged, malleable workers..." (Cleary & Shaw 1994: 83).

<sup>36</sup> Lokasi geografi model penjajah yang dimaksudkan ialah pengenalan kaum berdasarkan kedudukan kawasan di mana orang Melayu identiknya tinggal di kampung-kampung terpencil dari pembangunan, orang India tinggal di estet dan orang Cina di bandar (Shamsul 1976, 1982, E.K. Fisk & Osman Rani 1983).

<sup>37</sup> Peluang yang lebih terbuka dimiliki oleh orang Cina untuk memonopoli perniagaan lantaran sikap Tunku yang lebih menyenangi kaum berkenaan. Beliau rela kehilangan semua kerusi dari kehilangan persahabatan dengan orang Cina. Ini disebabkan itulah satu-satunya jaminan bagi kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran (Tunku 1979: 105).

<sup>38</sup> Mahathir disingkir oleh Tunku kerana menulis surat terbuka kepada Tunku tentang kegagalannya mengatasi masalah 13 Mei 1969 (Morais 1982, Leon Comber 1985). Manakala Aziz Ishak pula telah dipecat dari jawatan Menteri Pertanian kerana membelakangi Tunku yang dianggap merugikan orang Cina. Di mana tindakan beliau yang telah membatalkan 350 permit mengilang beras milik orang Cina, hal ini yang menyebabkan Tunku tidak menyenanginya (Yusof 1991: 201).

digugurkan atau dipecat dari jawatan masing-masing, suatu model yang diamalkan oleh kepimpinan Mahathir hari ini. Walaupun beberapa pendekatan kepimpinan Tunku <sup>39</sup> yang tidak disenangi oleh pemimpin bawahannya, akan tetapi Tunku lebih prihatin dengan keadaan masyarakat luar bandar. Untuk menyediakan mereka dengan sedikit kemudahan, kerajaan telah menekankan pembangunan infrastruktur di luar bandar. <sup>40</sup> Namun, pelaksanaan pembangunan yang sedemikian dianggap sebagai mewarisi tradisi penjajah dengan tidak membawa masyarakat luar bandar keluar dari sektor ekonomi tradisi (Shaharuddin 1988: 125). Ini disebabkan usaha meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam bidang ekonomi semasa tidak dijalankan secara lansung oleh Tunku. Era 1957 - 1969, adalah waktu yang padat dengan berbagai polimik yang menjadi cabaran yang cukup sulit yang terpaksa dihadapi oleh Tunku. Negara menghadapi berbagai peristiwa yang menjadi tanggungjawab Tunku untuk mengatasinya. <sup>41</sup> Ancaman komunis yang merupakan masalah yang diwarisi sejak zaman koloni lagi. Dalam mengatasi masalah ini, jelas sikap kompromi Tunku digunakan dengan cuba memberi pengampunan kepada semua komunis yang ada dengan syarat meletakan senjata dan bubarkan PKM. Masalah penubuhan Malaysia yang berlanjutan kepada konfrantasi oleh Indonesia dan masalah keluarnya Singapura dari Malaysia.

---

<sup>39</sup> Gaya kepimpinan Tunku boleh digolongkan sebagai model *traditionalistic nationalism* (Hussain 1989: 89).

<sup>40</sup> Pembangunan infrastruktur dan stabiliti ekonomi yang diamksudkan ialah di satu pihak kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kampung-kampung khusus untuk orang Melayu sedangkan Tunku membiarkan orang Cina dan orang asing memonopoli sektor berkenaan. Dengan pengendalian yang cekap dan teratur tanpa diganggu oleh orang Melayu yang dianggap tidak berkemampuan dalam aspek perniagaan, ekonomi negara akan dianggap stabil dan seimbang.

<sup>41</sup> Waktu itu Tunku banyak menghadapi masalah seperti konfrantasi, pemisahan Siungapura, Penubuhan Malaysia, 13 Mei 1969 serta ancaman komunis (Shaw 1977: 245)

Akibat tidak meratanya pencapaian ekonomi di kalangan etnik di Malaysia maka pada 13 Mei 1969 terjadilah rusuhan kaum. Peristiwa ini membawa perubahan kepada kepimpinan politik UMNO dan negara, Tun Razak telah diberi kepercayaan oleh Tunku untuk menjadi pengurus MAGERAN. Selaku pengurus MAGERAN, “...during the 21 month emergency interlude, Tun Razak prepared new programs to regain Malay support...” (Case 1991; 462). Ekoran tragedi 13 Mei, berbagai pihak dalam UMNO dan kerajaan sendiri telah mendesak supaya Tunku meletakkan jawatan. Sebenarnya mulai saat itu Tunku sudah tidak lagi memainkan peranan sebagai kepimpinan politik Malaysia. Secara resminya Tun Razak menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri pada 22 September 1970 (Ghapa & Nik Annuar 1996: 4). Berdasarkan pengalamannya sebagai pegawai tadbir di zaman kolonial<sup>42</sup> dan pada zaman darurat sebelum merdeka, Tun Razak membawa model teknokratik dalam kepimpinannya. Model ini penting dalam usaha beliau untuk memulihkan semula legitimasi dan meningkatkan semula keupayaan kerajaan yang dianggap runtuh akibat insiden 13 Mei, serta untuk membolehkannya melaksanakan perubahan baru ke atas dasar dan struktur ekonomi dan politik negara (Fungston 1980). Beliau menghadapi tiga masalah besar iaitu kemunduran ekonomi orang Melayu, penguasaan ekonomi oleh orang asing dan masalah etnik yang belum reda. Langkah pertama yang dilakukan di bawah kepimpinan beliau ialah dengan melibatkan kerajaan dalam membantu mempertingkatkan perekonomian orang Melayu.<sup>43</sup> Kerajaan yang memiliki kuasa politik perlu mengambil inisiatif dalam membangunkan ekonomi

---

<sup>42</sup> Tun Razak pernah menjadi pegawai birokrasi Inggeris semasa Pesuruhjaya Tinggi British, Gerald Templer (Ghapa & Nik Annuar 1996: 4).

<sup>43</sup> Dalam ucapan sulung beliau selaku Perdana Menteri di parlimen pada 23 Februari 1971, Tun Razak berpendapat 13 Mei 1969 tidak akan berulang jika ekonomi negara dibentuk dan disusun semula (Shaw 1977: 291).

orang Melayu.<sup>44</sup> Beliau mengarahkan Unit Perancang Ekonomi di JPM membentuk suatu dasar ekonomi yang benar-benar baru dan dapat dimanfaatkan untuk kepentingan Melayu (Shaw 1977: 306, Hari Singh 1995: 194). DEB yang dilancarkan itu sebenarnya sudah merangkumi hasrat beliau untuk tujuan berkenaan.<sup>45</sup> Ketika beliau menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar, usaha ke arah itu sudah cuba dilakukan tetapi tidak berjaya.<sup>46</sup> Orang Melayu perlu dilibatkan bersama dalam berbagai sektor yang sebelum ini tidak ada penglibatan mereka. Namun, dalam aspek perlaksanaannya Tun Razak juga pada tahap awalnya hanya mahukan penglibatan orang Melayu dalam bidang perekonomian dilakukan secara perlahan dan berperingkat serta dalam bidang tertentu pula (Ranjit 1987). Tujuannya supaya peranan kerajaan tidak terlalu kelihatan dalam melibatkan kepentingan orang Melayu.<sup>47</sup> Dalam ertian bahawa kerajaan memang membentuk dasar-dasarnya untuk membantu orang Melayu tetapi bantuan berkenaan terselindung di sebalik dasar yang dibentuk.<sup>48</sup> Ini dilakukan untuk mengelakkan supaya kuasa yang dipegang oleh UMNO, tidak dimanipulasikan untuk kepentingan orang Melayu sahaja (Zaleha 1997).<sup>49</sup> Namun, pada hakikatnya dasar-dasar berkenaan adalah

<sup>44</sup> Pembangunan pada umumnya dapat diartikan sebagai, "...continuous process of change from the existing level to the planned new level. It implies that the level aimed at is better in the past..."(Hasan Ali 1984: 50).

<sup>45</sup> Tujuan berkenaan dapat dilihat, "...has largely acquired control over these resources through the NEP, a deeply interventionist scheme to ease discontents among the Malays over the inequities in capital ownership between themselves and Chinese..." (Case 1993: 787).

<sup>46</sup> Antara usaha yang pernah beliau lakukan ialah menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera I (1965) dan III (1968). Walaupun kongres ini dianggap perintis kepada jalannya perekonomian orang Melayu tetapi tidak mendapat perhatian yang serius dari Tunku menyebabkan perlaksanaan resolusinya kurang berjaya.

<sup>47</sup> Kepentingan langsung orang Melayu ialah dari segi identiti negara, kepentingan dan kedudukan agama Islam, ketua negara, bahasa Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera (Hussain 1998: 552).

<sup>48</sup> Antaranya DEB, Dasar Pendidikan Negara dan Dasar Kebudayaan kebangsaan.

<sup>49</sup> Zaleha Ismail (Datin Paduka), Ahli Parlimen Gombak dan Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat. Temubual. 1997. Julai.

manifestasi agenda Melayu yang berteraskan kepada prinsip nasionalisme ekonomi dan nasionalisme kebudayaan Melayu.<sup>50</sup> Dalam hal ini UMNO telah dimanipulasi untuk pembangunan sosio-ekonomi Melayu.<sup>51</sup>

Beliau telah menjalankan dua pendekatan iaitu pendekatan politik perpaduan dan politik penstrukturran ekonomi.<sup>52</sup> Pendekatan pertama bermaksud mengekalkan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat serta meningkatkan ketertiban dalam hubungan sosial berbagai kaum. Melalui pendekatan ini beliau telah berhasil membentuk satu gabungan parti politik yang kuat dalam Barisan Nasional dengan UMNO sebagai parti yang dominan. Dengan cara ini beliau berjaya mengurangkan '*politiking*' (Yazid 1992). Pendekatan kedua bertujuan untuk mengstrukturkan semula ekonomi negara dan menyeimbangkan pengagihan ekonomi negara, mengurangkan ketaksamaan kaum dari segi penguasaan ekonomi dan melibatkan orang Melayu dalam perekonomian negara.

Peranan kerajaan dalam mengangkat perekonomian orang Melayu, "...under the National Development Plan (NDP) the successor sponsorship of Bumiputra / Malays privileges appeared gradually to give way to market incentives (Case 1992: 191). Tun Razak juga meneruskan aspek pembangunan luar bandar untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik sesuai dengan perkembangan semasa (Atory 1996: 57).

---

<sup>50</sup> Untuk melihat lebih mendalam tentang nasionalisme ekonomi di Malaysia lihat Golay (1969), Yazid (1992).

<sup>51</sup> Matlamat dan tujuan penubuhan UMNO secara khusus adalah begitu luas dan merangkumi apa sahaja yang berkaitan dengan kepentingan Melayu dan negara (Hussain 1985: 18).

<sup>52</sup> Pendekatan berkenaan bertolak dari peristiwa 13 Mei yang mendatangkan kesan kepada sosio-politik Melayu. Kegelisahan sosio-ekonomi sebelum 13 Mei 1969 tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Tunku dengan membiarkan perekonomian negara dikuasai oleh orang Cina. Tun Razak mendapati untuk mengagihkan pemilikan ekonomi yang merata haruslah keadaan sosial terlebih dahulu berada dalam posisi yang harmoni dan aman (Leon Comber 1985, Ahmad Idriss 1988, Faaland. Et.all. 1991).

Bezanya, di zaman Tunku pembangunan luar bandar nampaknya terpisah antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial, kerana hanya menekankan penyediakan kemudahan asas seperti balai raya, sekolah, jalan kampung dan sedikit bekalan air dan elektrik yang hanya terdapat di kawasan yang terjangkau tetapi tidak pula bersedia untuk mempersiapkan orang Melayu kepada sektor ekonomi yang lebih baik. Dengan beberapa usaha di bawah kepimpinan Tun Razak, terdapat usaha untuk mengangkat mertabat orang Melayu dan telah berlaku perubahan orientasi terhadap dasar ekonomi negara (Cleary & Shaw 1994: 83-85).

Pada Januari 1976 apabila Tun Razak meninggal dunia di London akibat lukimia, tempatnya telah digantikan oleh Hussein Onn, abang iparnya.<sup>53</sup> Beliau seorang bekas pegawai tadbir, pegawai tentera dan bekas peguam (Mustafa 1985: 3-9).<sup>54</sup> Berdasarkan latar belakang kerjayanya nampaknya Hussein Onn juga adalah seorang teknokrat yang berkelayakan ditambah pula beliau dari keturunan bangsawan Melayu Johor. Namun, beliau bukan seorang yang berkarismatik jika dibandingkan dengan Tunku. Dalam kepimpinan Hussein Onn tidak banyak arah perubahan yang mampu dilakukannya.<sup>55</sup> beliau adalah penerus kepada dasar yang telah dirintis oleh Tun Razak. Peranan kerajaan

<sup>53</sup> Pada tahun 1951 beliau pernah keluar dari UMNO bersama bapanya Dato' Onn. Beliau dibawa masuk semula ke pangkuhan UMNO oleh Tun Razak, adik iparnya. Pada tahun 1973, beliau memenangi kerusi Naib Presiden UMNO dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO oleh Tun Razak (Chamil 1985: 195).

<sup>54</sup> Dalam tahun 1940-an dan 1950-an, beliau pernah menjadi pegawai tentera dan pegawai polis dan pernah mendapat latihan di Rawalpindi, India. Pernah menjadi Ketua Polis Johor baharu, kemudian menjadi Pegawai Daerah di Kuala Selangor. Pada awal 1960-an beliau mengambil jurusan undang-ndang di Lincoln's Inn, London. Mula aktif sepenuh masa dalam politik pada tahun 1968 (Mustafa 1985: 2-13).

<sup>55</sup> Situasi ini berlaku kerana Hussein Onn dikatakan belum cukup bersedia untuk menerajui kepimpinan UMNO dan negara. Ini kerana beliau baru beberapa tahun dilantik oleh Tun Razak menjadi Timbalannya serta kematian Tun Razak yang dianggap mengejut itu telah meletakkan Hussien Onn berada dalam kedudukan 'terpaksa'. Keadaan ini dibuktikan apabila beberapa permasalahan yang ditinggalkan oleh era Tun Razak tidak dapat diatasi olehnya dengan berkesan.

dalam mempertingkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu diteruskan dengan melalui institusi amanah yang ditubuhkan di zaman Tun Razak. Di bawah kepimpinannya ramai pelajar Melayu telah dihantar ke seberang laut sebagai persediaan untuk menyediakan sumber tenaga profesional dan teknokrat (Yazid 1992). Bilangan pelajar Melayu dan Bumiputera yang berada diperingkat diploma pada tahun 1970 hanya 2.871 orang berbanding 11.278 orang pada 1980. Manakala pelajar Melayu dan Bumiputera peringkat ijazah pula pada tahun 1970 ialah 3.084 orang berbanding 18.804 orang pada tahun 1980 (Kamarul Ariffin 1997: 43). Peningkatan ini boleh dibanggakan, ia adalah hasil dari Dasar Pendidikan Kebangsaan yang diasaskan ketika era Tun Razak. Bagi golongan profesional pula, akuntan Melayu pada tahun 1970 hanya seramai 40 orang tetapi pada tahun 1979 telah meningkat kepada 110 orang. Arkitek Melayu pada tahun 1970 seramai 12 orang dan pada tahun 1979 seramai 56 orang. Bagi doktor umum, doktor gigi dan doktor haiwan jumlah keseluruhan mereka pada tahun 1970 ialah 107 orang manakala pada tahun 1979 ianya telah meningkat kepada 414 orang (Kamarul Ariffin 1997: 46-47). Perangkaan ini membuktikan bahawa di bawah kepimpinan Hussein, kerajaan telah berjaya membuatkan golongan profesional dan teknokrat Melayu di mana suatu ketika dahulu ianya sangat ketandusan. Beliau turut menghadapi kemelut politik dalam UMNO iaitu masalah Dato' Harun. Dato' Harun telah dipecat oleh Hussein. Tetapi tindakan Hussein ini dibantah oleh sebahagian besar ahli UMNO.<sup>56</sup> Kemudiannya Dato' Harun diterima semula sebagai ahli UMNO, malahan beliau berjaya pula mempertahankan jawatan Ketua Pemuda UMNO walau pun ketika itu beliau berada

---

<sup>56</sup> Mereka berpendapat sebagai Presiden UMNO, beliau tidak menimbangkan pandangan MT dan pergerakan Pemuda UMNO, mereka beranggapan Hussein telah mengambil tindakan dan membelakangkan pandangan parti.

dalam penjara. Kesan dari tindakan Hussein Onn dalam menangani masalah Dato' Harun ini, beliau kemudiannya telah dicabar dalam pertandingan Presiden UMNO oleh Sulaiman Palastin yang datang dari kubu Dato' Harun (Chamil 1989: 164).<sup>57</sup> Walau pun Hussein Onn menang tetapi kesannya ialah sebelum ini belum ada ahli UMNO yang menentang kepimpinan tertingginya secara terbuka. Ini membawa maksud kepimpinan Hussein Onn bermasalah dan perlu ada perubahan. Tidak berapa lama selepas itu beliau mengundurkan diri dari politik negara dengan alasan kesihatan.

Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih kepimpinan politik UMNO dan negara dari Hussein Onn pada tahun 1981. Sebagai orang yang pernah mengkritik Tunku suatu ketika dahulu, kini beliau sendiri berada dalam kedudukan berkenaan. Beliau tidak mencapai kedudukan dalam politik melalui perkiraan perwarisan seperti pemimpin UMNO sebelumnya (Hussain 1998: 558). Beliau bukan berasal dari kerabat diraja atau golongan bangsawan tetapi dari golongan kebanyakan yang berkedudukan. Berasaskan latar belakang ini barang kali cara kepimpinan Mahathir lebih berbeza dari ketiga-tiga pemimpin yang berasal dari golongan bangsawan. Model kepimpinan Mahathir dapat dibahagikan kepada empat iaitu pengurus, penyelia, usahawan dan juru teknik (Fawzi Basri 1996: 6). Kepimpinan beliau menandingi kepimpinan UMNO yang terdahulu, “...the supreme leader in UMNO and very much in charge of the policy making process...” (Ho Khai Leong 1994: 180). Sub kajian ini tidak melihat secara keseluruhan model kepimpinan berkenaan tetapi menekankan kepada gaya kepimpinan yang

---

<sup>57</sup> Dalam percaturan politik, dua lapisan kepimpinan sering diperkatakan iaitu pemimpin sedia ada dan pemimpin pelapis (Hussain 1996: 11). Pertandingan antara kedua pemimpin UMNO berkenaan mengambarkan hakikat tersebut.

berpengaruh terhadap sosio-ekonomi yang kemudiannya memberi kesan kepada sistem sosio-politik Melayu.<sup>58</sup> Sejak era Tunku, beliau adalah dianggap sebagai seorang pejuang nasib orang Melayu yang mundur dalam aspek ekonomi.<sup>59</sup> Setelah menerajui UMNO beliau berkesempatan untuk merealisasikan cita-cita berkenaan. Melalui DEB yang diteruskan perlaksanaannya<sup>60</sup> beliau berusaha secara serius untuk melahirkan seramai mungkin usahawan dan jutawan Melayu yang berwibawa dan dihormati. “...Mahathir is long term aims at rapidly industrializing the economy and politically nurturing a nucleus of Malay businessmen...” (Case 1991: 464). Beliau percaya dengan adanya segolongan korporat Melayu yang kukuh dan matang, bangsa Melayu pada umumnya akan dihormati (Wan Hashim 1996: 3). Melalui dasar-dasar kerajaan Mahathir menggunakannya untuk mengangkat kedudukan perekonomian Melayu. Di mana hanya melalui campur tangan kerajaan sahaja kepentingan orang Melayu akan terjamin.<sup>61</sup>

Dari segi sikap masyarakat Malaysia pada umumnya, beliau telah mengubah paradigma persepsi bahawa semua yang datang dari Barat itu baik dan berkualiti. Beliau telah melancarkan Dasar Pandang Ke Timur iaitu dengan berpaksikan kepada model sosio-ekonomi masyarakat Jepun dan Korea. Tindakan beliau ini adalah untuk merubah

<sup>58</sup> Kepimpinan politik Melayu yang berkesan bergantung kepada dua aspek iaitu kuasa dan pengaruhnya. Tanpa pengaruh, mungkin pemimpin itu zalim dan akan menggunakan kekerasan. Tanpa kuasa, pemimpin itu terpaksa bergantung kepada isi pengaruhnya untuk mencapai tujuannya(Ghazali 1996: 1-2).

<sup>59</sup> Tunku percaya bahawa orang Cina harus menguruskan perniagaan dan orang Melayu menguruskan politik... Tun Razak hanya sempat merangka asas perubahan identiti masyarakat dan menyerahkannya kepada golongan birokrat Melayu tanpa pengalaman dan acuan perniagaan (Zainuddin 1994: 126).

<sup>60</sup> “...now that the NEP (1971-1990) has been superseded by the national development policy (NDP) (1991-2001), it is perhaps appropriate to examine some of the ways in which ethnic identity, development and economic well-being have interlinked under NEP...”(Cleary & Shaw 1994: 83).

<sup>61</sup> Mahathir berpendapat, “...prestasi cemerlang dan baik di masa lalu tidak mencukupi bagi memastikan kepimpinan yang berterusan...” (Yusof 1991: 282).

gaya hidup dan pandangan sebahagian intelektual dan golongan menengah Melayu yang pernah belajar di Barat yang sebelum ini terlalu mengagungkan nilai dan norma kehidupan Barat. Dasar Pandang Ke Timur ini juga diharapkan akan dapat mengubah sikap malas orang Melayu yang selama ini menyebabkan mereka terus ketinggalan (Zainuddin 1994: 126).<sup>62</sup> Mereka diharapkan dapat mempelajari cara kerja, budaya kerja dan nilai-nilai positif yang ada dalam kehidupan cara Timur. Dasar “*Buy British Last*” merupakan tamparan hebat bagi masyarakat Melayu yang selama ini menganggap barang luar negara lebih baik (Khoo 1995: 54-56). Malah, Dasar ini sebenarnya memperteguh Dasar Pandang ke Timur yang dipekenalkan itu. Dalam usaha untuk membina kekuatan mental dan fizikal rakyat berlandaskan nilai-nilai murni kempen Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan dan Penerapan Nilai-Nilai Islam telah diperkenalkan (Nawawi 1997).<sup>63</sup> Sasaran utama beliau ialah untuk menjadikan golongan pekerja, pemimpin dari semua peringkat dan sektor dapat menunjukkan contoh dan tanggungjawab yang sesuai dengan nilai-nilai yang baik (Atory 1996). Ketiga-tiga kempen dan dasar berkenaan mempunyai hala tuju yang hampir serupa iaitu ingin membentuk masyarakat yang bertanggungjawab berlandaskan tuntutan agama. Mahathir mahu rakyat Malaysia maju dalam wadah acuannya sendiri dan menolak sama sekali cara Barat yang tidak sesuai dengan budaya Malaysia. Dengan demikian beliau menekankan pentingnya mempertahankan serta mengukuhkan nilai budaya dan moral dengan berpegang kepada agama agar keseimbangan pembangunan

---

<sup>62</sup> Lihat Mahathir (1982 : 19-38).

<sup>63</sup> Nawawi Ahmad (Datuk), bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Serkam, Melaka. Kini beliau adalah Advisor Public Affairs di KFC Holdings (M) Bhd. Temubual Sept. 1997.

antara aspek moral dan material dapat dibentuk dan sebuah komoditi yang bahagia dapat diwujudkan (Wan Hashim 1996: 5).

Pelancaran Dasar Persyarikatan dan Dasar Penswastaan oleh beliau adalah dianggap berani dalam mengambil resiko kepimpinan politiknya.<sup>64</sup> Sebagai seorang ‘ultra Melayu’ yang banyak mengkritik kepimpinan Tunku kerana tidak meletakan kedudukan ekonomi orang Melayu di tempat yang lebih tinggi.<sup>65</sup> Di samping itu perlaksanaanya dapat menghasilkan kerja yang lebih cekap, efesian dan produktif. Keinginan beliau untuk melihat ramai orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan dan mampu bersaing dengan orang asing telah berjaya dihasilkan dengan perlaksanaan Dasar Penswastaan. Peluang perniagaan diberikan kepada orang Melayu yang berkemampuan, dan hasilnya berjaya melahirkan ramai jutawan dan korporat Melayu. Satu situasi yang sukar dilihat dalam tiga kepimpinan UMNO yang terdahulu.<sup>66</sup> Mahathir bukan sahaja melahirkan ramai jutawan Melayu tetapi beliau telah menjadikan corak perekonomian negara dari berasaskan agrarian kepada perniagaan (Case 1991, Hari Singh 1995), serta berjaya menjadikan negara ini sebagai “*business country*” (Liak Teng Kiat 1996: 217). Dalam menghadapi krisis Pemilihan UMNO 1987, yang merupakan bencana besar dalam UMNO dan negara kerana kesannya UMNO diharamkan dan

---

<sup>64</sup> Pengaruh konsep penswastaan ke atas syarikat-syarikat awam di samping keutamaan pada urusniaga untuk memperolehi untung telah menenggelamkan semangat gotong-royong, syarikat kerjasama atau koperasi yang diganti dengan upah mengupah (Hussain 1996: 11).

<sup>65</sup> “...in other words, the Malays must learn to stand on their own feet and must not rely on patrons. They must remove the feudal mentality from their psyche to be proud and independent people...” (Hari Singh 1995: ).

<sup>66</sup> “...to classify Mahathir leadership style, the strength of his leadership, and indeed the form of the regime over which he presides, so too is it difficult to gauge the resturcturing effectiveness of the NEP...” (Case 1991: 464).

anggotanya berpecah dua (Case 1991: 465, Hussain 1992), beliau telah menjalankan pembedahan politik (Fawzi Basri 1996: 7). Pengaruh Musa Hitam cuba dikurangkan dengan menukarkan penyokongnya ke kementerian yang kurang berpengaruh. Beliau telah melantik Ghafar Baba iaitu salah seorang daripada Naib Presiden UMNO, sebagai Timbalan Perdana Menteri<sup>67</sup> serta menonjolkan ketokohan Anwar Ibrahim ke dalam kepimpinan tertinggi UMNO (Milne & Mauzy 1998: 157, Case 1992: 185).<sup>68</sup> Sehingga kini, kelihatannya bahawa kedudukan sebagai Timbalan Presiden UMNO tidak semestinya akan mengantikan tempat beliau sebagai Perdana Menteri. Mereka akan ditukar atau dikeluarkan dari hirarki kepimpinan tertinggi UMNO jika terdapat polimik atau masalah dengan Timbalannya. Hakikat ini dibuktikan dengan perletakan jawatan Musa Hitam, pengunduran secara terhormat Ghafar Baba dan pemecatan yang mengaibkan terhadap Anuar dari kerusi Timbalan Presiden UMNO.

Kepimpinan Mahathir sangat liberal jika dibandingkan dengan kepimpinan yang terdahulu (Khoo 1995).<sup>69</sup> Jika dahulu Tunku menjadi sasaran kritikannya kerana berkompromi dalam banyak hal malah beliaulah yang lebih banyak berkompromi serta

<sup>67</sup> Ghafar Baba adalah salah seorang Naib Presiden UMNO bersama dengan Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar.

<sup>68</sup> Anwar Ibrahim mendapat tempat sebagai Timbalan Presiden UMNO apabila Ghafar Baba gagal bertanding dalam jawatan yang sama kerana pengaruh Mahathir yang menyebelahi Anwar (Case 1992: 185, Liak Teng Kiat 1996: 229).

<sup>69</sup> Awal keterlibatannya dalam politik beliau dianggap sebagai ultra Melayu (Wan Hashim 1996), kemudian digelar ‘sosialis dan nasionalis’, semasa krisis pemilihan UMNO 1987 beliau digelar ‘diktator’ oleh pengkritiknya (Tunku 1979), beliau juga pernah digelar ‘nasionalis capitalis’ (Jomo 1988 & 1989, Gomez 1990), tahun 1990-an digelar ‘bureaucratic authoritarian’ (Fawzi Basri 1996) dan akhir-akhir ini digelar ‘liberal’ kerana sikap terbukanya (Atory Hussain 1996: 17). Selepas itu pemecatan Anwar kepimpinan beliau digelar kejam dan zalim (Chandra Muzaffar 1998).

bersikap leberal terutama dalam bidang sosio-ekonomi.<sup>70</sup> Jawatan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan serta Ketua Menteri Sabah telah diberikan kepada orang Cina. Dalam memastikan negara ini menjadi negara maju, beliau telah membuka seluasnya pelaburan dan pasaran tempatan kepada kapitalis asing, dengan cara ini ianya akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan, pendapatan dan pemindahan teknologi.<sup>71</sup> Untuk memastikan kemajuan seiring dengan perkembangan pendidikan beliau telah membenarkan penubuhan kolej-kolej swasta. Tindakan beliau ini dapat dianggap sebagai memenuhi tuntutan non-Melayu (Case 1993: 125),<sup>72</sup> dengan demikian kedudukan beliau menjadi bertambah popular dan pihak pembangkang terutama DAP dan pertubuhan NGO, yang mewakili masyarakat Cina yang selama ini sentiasa menekan kepimpinan Melayu agar memberikan apa sahaja yang dikehendaki.

### **5.3 Kesinambungan Elit Politik Melayu Dalam Kepimpinan UMNO.**

Dalam politik Melayu trdisional kelas yang memerintah biasanya terdiri dari sebilangan kecil anggota tetapi mereka berfungsi dan berperanan besar dalam menentukan keputusan politik, monopoli kuasa dan menikmati kelebihan-kelebihan dalam mengatur

<sup>70</sup> "...whether Mahathir will be able to pursue his longer term aims, constraining politics, yet liberalizing business in order to break Malay dependence on state programme impeding new waves of growth..." (Case 1992: 193). Tetapi dalam keadaan tertentu kompromi dan kerjasama diperlukan sebagaimana menurut Huntington, "...states that in the late twentieth century, negotiations and compromise among political elites were at the heart of the democratisation process..." (Huntington 1991: 165).

<sup>71</sup> Tindakan beliau ini adalah didorong oleh, ...Malaysia would be better placed to realize to transform Malaysia into a developed and industrialized nation..." (Ho Khai Leong 1994: 182).

<sup>72</sup> "...Mahathir rallying call to all communities to work together to transform Malaysia into a fully developed economy and a cohesive, united nation living in harmony and full and fair partnership, made up of one Malaysian race..." (Liak Teng Kiat 1996: 218).

kekuasaan (Darul Amin 1995: 19). Kegiatan golongan elit tersebut menjalankan transformasi masyarakatnya menjadi bangsa yang moden dan maju (Sartono 1983: i). Manakala kelas yang diperintah adalah kelompok yang besar jumlahnya dan kelompok ini dikawal secara langsung oleh kelas pemerintah (Mosca 1939: 50). Kelas pemerintah mempunyai pengaruh yang kuat dalam membuat keputusan serta jalannya orientasi sesebuah masyarakat dan kawasan yang dikuasainya, walau pun bilangan mereka ini jauh lebih kecil dari kelas yang diperintah.<sup>73</sup> Kelompok yang kecil berkenaan lebih berkuasa dalam membuat dan merangka dasar serta keputusan, manakala kelompok yang diperintah yang majoriti patuh kepada segala keputusan yang dibuat oleh kelas pemerintah yang dikenali juga sebagai kelompok elit. “...*The most common such classification made political scientist and sociologist is the distinction between the hierarchies of power, wealth and status...*” (Parry 1970: 68). Kelompok elit merujuk kepada segolongan yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Mereka adalah golongan yang penting dalam sesuatu bidang tertentu terutama dalam pemerintahan. Dari kelompok elit inilah munculnya tokoh pemerintah (Md. Salleh 1984: 4). Atau dalam arti yang ringkas, elit adalah segolongan kecil ahli masyarakat yang lebih kecil, cerdik dan pintar dari umum (Abdad 1989: 40).<sup>74</sup> Kelompok elit ini terbahagi kepada dua iaitu elit pemerintah dan bukan pemerintah. Elit pemerintah ialah mereka yang terlibat secara langsung dalam pemerintahan, manakala elit bukan pemerintah ialah mereka yang tidak terlibat dalam apa juga jalannya sebuah kerajaan atau sesebuah pemerintahan (Pareto

---

<sup>73</sup> Jika dilihat kepada karya klasik tentang golongan elit seperti Aristotel, Pareto dan Mosca, perhatian dipusatkan pada satu kelompok kecil yang mempunyai pengaruh yang besar atau kekuasaan politik yang paling utama (Sartono 1983: ix).

<sup>74</sup> Huraian lanjut tentang elit politik lihat Julius & William (1959: 234), Lasswell & Daniel (1965: 1-28), William Kornhauser (1965: 51), Fred Von Der Mehden (1980), Syed Farid Alatas (1993: 369).

1966: 248).<sup>75</sup> Tetapi kadangkala di antara keduanya berhubungan dalam konteks peribadi dan kekeluargaan di dalam kelompok elit secara umumnya.<sup>76</sup>

Perkembangan konsep elit Melayu dapat dilihat masyarakat Melayu tradisional yang susunan masyarakatnya dianggap mudah sekali iaitu strukturnya terbahagi kepada dua iaitu kelas yang memerintah dan kelas yang diperintah (Gullick 1958: 65, Khoo Kay Kim 1972: 15, Rustam 1983: 142). “...*Prior to western colonialist penetration in Malaya, the major classer in indegenious Malay society werw the aristocracy on one hand and the peasantry on the other...*” (Rahman Embong 1996: 530). Pembahagiann ini nampaknya sama dengan epistemologi tentang kelas elit yang dimaksudkan oleh kebanyakan sarjana Barat. Dalam masyarakat Melayu tradisi, strata sosialnya dikenali hanya terdapat dua susun lapis masyarakatnya iaitu raja dan rakyat.<sup>77</sup> Struktur kerajaannya adalah berpusat kepada raja yang wujud sejak wujudnya tamadun Melayu (Mahadzir 1997: 5). Raja adalah teras utama dalam kelas yang memerintah yang dibantu pula oleh golongan pembesar. Manakala rakyat adalah kelompok terbanyak jumlahnya menjadi kelas yang diperintah. Sebelum penajah Barat bertapak, kepimpinan elit politik

<sup>75</sup> Walau pun elit bukan pemerintah tidak terlibat dalam urusan pemerintahan, tetapi kebanyakan mereka adalah menguasai ekonomi komersial sebagai elit ekonomi yang sering mendatangkan polimik, “...*the lack of comprition among economic and political elites over fundamental economic policy the relevance of the working class politically...*” (Jasudason 1995: 349).

<sup>76</sup> Nadel membahagikan kelompok elit kepada tiga bahagian iaitu elit pemerintah, elit istimewa dan elit sosial. Elit pemerintah merupakan orang yang berkuasa dalam politik. Mereka terdiri dari kumpulan legislatif yang berpengaruh luas. Elit istimewa terdiri dari kumpulan profesional dan pengusaha, ia muncul dari berbagai kelompok aktiviti masyarakat. Manakala elit sosial tidak berpengaruh dalam pembentukan dasar (Nadel 1956: 419-431). Elit pengusaha pula diertikan sebagai “...*the vast scale of modern corporation has meant that shareholding is very widely dispersed...share in a giant company such as shell is almost beyond the means of the wealthiest of individuals...*” (Parry 1970: 77).

<sup>77</sup> Sistem politik tradisional Melayu jelas kelihatan dalam dua golongan iaitu raja sebagai pemerintah dan rakyat sebagai golongan yang diperintah. Kuasa tertumpu kepada golongan raja yang dianggap berhak penuh mana kala golongan rakyat yang lebih homogenis sebahagian besarnya terdiri daripada petani yang tinggal di kampung dan pinggir-pinggir sungai (Rustam 1983: 142)

Melayu secara mutlak dipegang oleh golongan feudal (Firdaus 1977: 17). Dalam konteks ini rakyat sangat patuh dan taat kepada raja. Segala urusan kerajaan dan pemerintah dijalankan sepenuhnya oleh kelas yang memerintah. Dengan demikian bentuk pemerintahan waktu itu adalah satu arah yang dikuasai oleh sistem monarki. Namun, keadaan ini tidak pula menimbulkan tentangan dan masalah kerana seperti yang diketahui bahawa masyarakat Melayu ketika itu berpegang kepada konsep daulat dan derhaka.<sup>78</sup> Monarki raja Melayu mengalami perubahan apabila datangnya kuasa-kuasa Barat ke alam Melayu.<sup>79</sup> Pergolakan dunia luar telah turut melanda struktur dan sistem politik Melayu. Hal ini secara langsung telah mengubah corak dan bentuk sistem Politik Melayu. Rentetan kedatangan penjajah Barat dan ditambah pula dengan kerakusan kuasa oleh raja dan pembesar Melayu ketika itu, telah mengorak wujudnya beberapa perjanjian yang telah ditandatangani secara sukarela atau dipaksa oleh pihak kolonial terhadap raja dan pembesar Melayu. Tindakan demikian telah membuka era politik Melayu tradisi untuk dibolosi oleh kuasa Inggeris, kecuali dalam hal adat-istiadat dan agama Islam, urusan lain dalam pentadbiran diambilalih oleh pegawai kolonial (Hussain 1988: 8). Secara jelas kedua bidang ini tiada kena mengena dengan sistem politik dan jalannya urusan pemerintahan sesebuah negara. Namun, dengan memberikan dua bidang berkenaan kepada raja-raja Melayu, setidaknya mereka masih ada kedaulatan walau pun dengan kehadiran Inggeris (Firdaus 1977: 41). Ketika itu raja Melayu hanya bertindak

---

<sup>78</sup> Manifestasi penghormatan dan kepatuhan tersebut jelas terpancar pada hakikat wujudnya tradisi sistem monarki di mana hak raja dan rakyat adalah terjalin berdasarkan perasaan baik sangka antara penaung (raja atau ketua) dengan dinaung (rakyat atau pengikut) (Hussain 1989: 86).

<sup>79</sup> Kolonialisme seperti Portugis, Belanda dan British merupakan faktor secara langsung yang memberi kesan terhadap sistem politik Melayu tradisional (Mahadzir 1997: 5).

sebagai boneka pihak kolonial atas nasihat Residen atau penasihat Inggeris (Emerson 1973: 175).

Kehadiran kuasa Inggeris bermula dari tahun 1874<sup>80</sup> dan hampir menguasai keseluruhan negeri Melayu kecuali Johor, telah meninggalkan kesan kepada rakyat Tanah Melayu.<sup>81</sup> Kesedaran bahawa rakyat Tanah Melayu harus menguruskan sendiri negaranya, telah mengerakkan semangat nasionalisme kepada mereka supaya memainkan peranan utama dalam politik negara.<sup>82</sup> Bertolak dari kesedaran sedemikianlah, maka telah muncul golongan nasionalisme Melayu yang menjadi asas kepada kebangkitan kelompok elit politik Melayu pasca kolonial.<sup>83</sup> Kebangkitan semangat nasionalisme Melayu mula tumbuh sekitar abad ke-20 yang dikatakan berpaksi dari Timur Tengah terutama di Mesir (Roff 1994). Selain dari pengaruh Timur Tengah, di Tanah Melayu telah mendirikan sekolah aliran Inggeris yang dikhurasukan untuk golongan aristokrat Melayu seperti KMKK (Kolej Melayu Kuala Kansar), *Penang Free School*, *Victoria Institution*, *Chinese Anglo School*, *School Anderson Ipoh*, *Cliford School*, Kuala Lipis (Hussain 1988: 9). Kolej Melayu Kuala Kangsar berjaya melahirkan

---

<sup>80</sup> Bermula dari Perjanjian Pangkor pada 1874, telah berlaku perisahan antara aspek sekular dan agama dalam kekuasaan atau pimpinan politik raja-raja Melayu. Kekuasaan politik-pentadbirannya telah dikurangkan. Namun, kekuasaan dalam aspek-aspek agama berjalan terus, malah aspek ini mula bersifat birokrasi dengan sistem pentadbiran dan kehakimannya yang tersendiri di setiap negeri (Rustam 1983: 145).

<sup>81</sup> Keadaan ini digambarkan, "... throughout the colonial period, the British had excluded the Malay masses from the mainstream of commercial and industrial life, and had sought to preserve Malay culture and customs, along with the rural bases of Malay economy, through the nurturing of a Malay elite drawn from the traditional aristocracy..." (Southall 1997: 3).

<sup>82</sup> Dunia politik menurut Pareto adalah dibolot oleh elit pemerintah selaku satu kebenaran semulajadi, tetapi kuasa politik bukan sahaja soal psikologi dan orientasi individu tetapi bertalian dengan kedudukan seseorang itu dalam konfigurasi hubungan kelas (Abdad 1989: 40).

<sup>83</sup> Kaum intelektual yang radikal kebanyakannya dianggap menjadi elit politik atau kelas penguasa di negara-negara yang secara ekonominya terkebelakang. Kaum entelektual seringkali dinyatakan bertanggungjawab atas pergolakan revolusioner yang bertujuan memodenisasikan masyarakat mereka (Robert Brym 1993: 4).

ramai intelektual Melayu model Barat. Hal ini digambarkan oleh Ismail Hussain bahawa elit Melayu hanya menjadi pentadbir yang baik, abdi yang patuh kepada tuan-tuannya di *Selangor Club* dan *Golf Club* (Firdaus 1977: 44). “... *The available political discourses in post-colonial Malay were powerfully shaped by colonial practice...*” (Jasudason 1995: 344). Mereka ini kemudiannya menjadi pejuang nasionalis hasil dari pendidikan model Barat, “...*many of the nationalist for instance, were educated and civilised by the values of the elite school that the colonial government created*” (Shamsul 1998: 43). Bagi kebanyakan orang Melayu mereka tidak berpeluang untuk menjakkan kaki ke sekolah Inggeris kerana diskriminasi Inggeris. Tambahan pula sistem pendidikan yang sengaja dibina oleh Inggeris untuk terus menjadikan orang Melayu ketinggalan (Jomo 1991: 84-85). <sup>84</sup> Namun, bagi orang Melayu yang lebih cerdik yang tidak mengharapkan pendidikan Inggeris semata-mata, mereka berjaya memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Lepasan MPSI menjadi pelopor gerakan kebangsaan Melayu dari aliran Melayu yang kuat pula sentimen keMelayuannya. Golongan ini turut mewarnai kelompok elit Melayu pendidikan Inggeris. Perpaduan golongan elit ini dengan semua kumpulan rakyat termasuk yang berpelajaran agama telah berjaya mengagalkan polisi “*divide and rule*: British (Mahathir 1980: 129). Antara elit politik Melayu peringkat ini ialah Onn Jaafar, Raja Chulan, Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Mohamad, Hj. Muhamad Zain Abdul Majid, Hassan Hj. Manan (Lutfi Ismail 1974, Sarim Mustajab 1975, Fo'ad 1992).

---

<sup>84</sup> “...*a consequence of British management of Malay during colonial was that the Malays population lagged behind the economic and educational of the competitive Chinese and Indian communities...*” (Collins 1998: 265).

Elit politik Melayu berusaha untuk membangkitkan kesedaran kepada orang Melayu untuk menentang penjajah. Desakan konsisten yang dibuat terhadap Inggeris tidak diambil perhatian oleh pihak penjajah telah menyebabkan terbentuknya beberapa pertubuhan politik yang berhaluan kiri dan kanan seperti PETA, KMM, PKMM dan dua sayapnya iaitu AWAS dan API (Syed Husin 1975: 43). Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu ini juga turut mendapat suntikan dari gerakan nasionalisme dari elit politik Indonesia (Roff 1974: 26). Fenomena ini menggambarkan usaha elit politik Melayu yang mulai sedar akan peranan mereka sebagai rakyat negara yang sedang dijajah. Dari sudut perbezaan haluan politik ianya tidak menjadi soal yang penting ketika itu.<sup>85</sup> Terbentuknya UMNO pada 1946 ekoran penentangan gagasan Malayan Union juga dipelopori oleh elit Melayu yang dianggap oleh British sebagai haluan sederhana. Dalam susunan Majlis Kerja Tertinggi UMNO tahun 1946, kepimpinannya dipegang oleh kebanyakan elit Melayu yang terdiri dari bekas pegawai-pegawai kerajaan. Bagi orang Melayu yang mendapat kesempatan belajar di Barat selain diskriminasi terutama kepada golongan aristokrat, kemampuan ekonomi juga telah membolehkan mereka memperolehi pendidikan tinggi di sana. Apabila mereka pulang, mereka telah menjadi elit politik Melayu yang duduk di barisan kepimpinan politik UMNO. Menurut R. O. Tilman, elit politik Melayu merujuk kepada individu atau kumpulan yang berada di dalam struktur kerajaan yang mampu mempengaruhi dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan (Atory 1996). Mereka yang tergolong dalam kelompok ini ialah Tunku, Tun Razak, Hussein Onn, Sardon Zubir, Khir Johari, Senu Abdul Rahman, Ghafar Baba.

---

<sup>85</sup> Kadangkala kelas elit ini akan bergabung apabila mengalami suasana terdesak dan akan bermaufakat di antara mereka. Begitu juga ketika tertentu mereka mempunyai kesedaran tertentu apabila berada dalam satu kelompok tertentu yang mempunyai persamaan tertentu (Darul Amin 1995: 22).

UMNO sebagai parti politik Melayu yang sederhana, telah dipercayai oleh British untuk menjalankan berbagai rundingan hingga diberikan kemerdekaan penuh.

Pada tahap awal kepimpinan UMNO dipelopori oleh elit politik Melayu yang terdiri dari tiga kumpulan utama iaitu kumpulan aristokrat, golongan guru dan pegawai kerajaan (Syed Husin 1975: 44).<sup>86</sup> Perkembangan pendidikan yang disedari sebagai agen perubahan telah menambah bentuk budaya politik Melayu (Rustam 1983: 45). Di mana melalui DEB, orang Melayu diberi keutamaan dari segi kouta pendidikan dan biasiswa yang membolehkan mereka memperolehi pendidikan tinggi. Kumpulan berikutnya diwakili oleh pemimpin pelapis yang masih ada hari ini iaitu daripada kalangan tokoh aktivis dalam gerakan pelajar atau pertubuhan belia (Hussain 1998: 556). Dengan adanya kebebasan politik dan pendidikan, sudah tentu ruang bagi setiap individu untuk menceburi bidang ini semakin luas. Malah, “...*lecturers and students can take part in political activities with the permission of Vice Chancellors...*” (Michael Ong 1990: 87).

<sup>87</sup> Lantaran itu elit politik Melayu yang lahir di tahap ini tidak lagi dikuasai oleh golongan bangsawan seperti zaman tradisional. Satu hakikat telah berlaku kesinambungan kepimpinan elit Melayu dalam UMNO hari ini seperti ianya mewarisi dari generasi terdahulunya.<sup>88</sup> Tidak jelas bagaimana mereka dilantik kecuali sewaktu Tun Razak yang telah melantik Hussein Onn menjadi Timbalan Presiden UMNO dahulu.

---

<sup>86</sup> Kelompok ini dikatakan sebagai "...for the first time there was major split among western educated Malay political leadership..." (Jasudason 1995: 345).

<sup>87</sup> Kebebasan berpolitik dengan bersyarat telah menyebabkan "...many of the academics were first and foremost public intellectuals or activists whose political agenda were no different to those in the political elite circle. In fact, many were involved in the various political parties, as officials, and some even established new parties..." (Shamsul 1998: 51).

<sup>88</sup> Kajian yang pernah dibuat oleh Hussain Mohamed (1988) dan (1989) adalah dengan melihat fenomena politik kekeluargaan yang telah wujud di dalam UMNO sejak 1970-an hingga 1990-an. Tetapi

Ini kerana zaman Tun Razak jawatan Timbalan Presiden UMNO dilantik bukan dipilih sebagaimana sekarang. Manakala jawatan lain dalam kepimpinan UMNO adalah dipilih. Kajian Syed Husin (1979), Fungston (1980) dan Chamil (1985) mendapati; kepimpinan UMNO memang dikuasai oleh elit Melayu dan terdapat perubahan pada elemen kepimpinannya. Mereka berpendapat bahawa antara 1946-1980-an kepimpinan elit politik Melayu dikuasai oleh aristokrat<sup>89</sup> dan golongan menengah Melayu dan selepas itu ianya berubah kepada sesiapa sahaja orang Melayu terutama yang berpendidikan dan berkedudukan (misalnya dalam perniagaan). Tetapi hakikatnya sekitar tahun 1980-1990-an, elit politik Melayu yang berada dalam kepimpinan UMNO masih lagi menunjukkan penguasaan oleh dua kelompok utama berkenaan iaitu aristokrat dan golongan menengah Melayu.<sup>90</sup>

Mahathir Mohamad adalah dari kelompok menengah Melayu yang berjaya muncul dari mobilisasi pendidikan. Begitu juga jika dilihat kepada kepimpinan UMNO yang ada, sebahagian besar mereka adalah dari golongan aristokrat dan golongan menengah Melayu. Antara mereka ialah seperti Najib Razak, Hishamuddin Hussein, Syed Hamid Albar, Anwar Ibrahim, Mokhzani, Tajol Rosli Ghazali, Taufik Ismail,

---

kajian berkenaan tidak membuktikan bagaimana pewarisan secara lantikan dijalankan. Kajian berkenaan hanya menunjukkan dengan jelas bahawa survival elit politik UMNO terjadi sedemikian adalah melalui ikatan perkahwinan yang dilihat sebagai percantuman antara keluarga. Kajian berkenaan melihat 'percantuman' lima keluarga elit Melayu yang terdiri dari keluarga Onn Jaafar, Hussein Mohd. Taib, Mohd. Noah Omar, Mohd. Seth dan Abdul Rahman Mohd. Yassin.

<sup>89</sup> Pada peringkat ini golongan aristokrat Melayu tidak berminat dalam kegiatan ekonomi, mereka ini adalah elit Melayu yang banyak tertumpu kepada aktiviti politik dan pentadbiran sahaja (Osman Rani 1987: 20).

<sup>90</sup> Anthony Giddens memberikan kriteria kelas menengah ialah mereka yang mempunyai kelayakan pendidikan atau kemahiran teknikal. Dalam konteks Malaysia, kelas menengah terdiri daripada pegawai ikhtisas, teknik, pentadbir, pengurusan dan perkeranian, pekerja jualan, separuh dari pekerja perkhidmatan (pelancongan dan perhotelan) (Johan 1989: 109-110). Lihat juga Dennis Kavangh (1972: 16), Nordin Selat (1978: 70), Posiah Hj. Mohd. Isa (1987).

Tamrin Ghafar, Mazlan Harun, Radzi Sheikh Ahmad, Isa Abdul Samad, Tengku Razaleigh, Abdullah Ahmad Badawi, Nazri Aziz, yang masih aktif dalam UMNO atau pun bekas aktivis dalam kepimpinan UMNO.<sup>91</sup> Kumpulan elit ini mewarisi secara tidak langsung dari elit terdahulu yang berada dalam angkatan Tunku, Tun Razak dan Hussein Onn. Antara mereka itu ialah Ghafar Baba, Ibrahim Abdul Rahman, Sheikh Ahmad, Ahmad Badawi, Syed Jaafar Albar, Harun Idris, Mohd.Ghazali Jawi,<sup>92</sup> Abdul Samad Said, Dr. Ismail Abdul Rahman, Ali Hj. Ahmad, Abdul Rahman Talib, Aziz Yeob, Yahya Seth. Dalam konteks warisan ini, ianya bukanlah amalan nepotisme<sup>93</sup> secara nyata kerana tidak ada bukti yang kuat bagaimana seseorang kepimpinan baru dalam UMNO dilantik secara terus dari bapa atau pewaris pertama, atau ada dasar dan keputusan yang dibuat berdasarkan hubungan kekeluargaan (Hussain 1989: 85). Walau pun dalam kepimpinan politik UMNO jika dilihat memang terdapat adanya hubungan kekeluargaan antara pemimpin lama dan baru tetapi jawatan yang diperolehi oleh pemimpin baru berkenaan adalah dari pilihan ramai bukan dilantik oleh seorang pemimpin. Peningkatan seseorang elit politik bergantung juga atas kejayaanya menggunakan pengamalan yang dipelajarinya (Lasswell 1978: 66). Tidak dinafikan pula bahawa kemunculan dan keupayaan pemimpin baru ini hadir dalam kepimpinan UMNO ada kalanya dikaitkan dengan pengaruh bapa atau keluarga mereka yang pernah menduduki jawatan tertinggi parti.<sup>94</sup> Hal ini sebenarnya lumrah dalam konteks sosiologi bila mana seseorang bapa

<sup>91</sup> Untuk membuat perbandingan sila lihat lampiran XIX.

<sup>92</sup> Tan Sri Ghazali Jawi diturunkan dari jawatan Menteri Besar Perak kerana tidak sehaluan dengan Sultan Perak ketika itu. Sultan Perak dikatakan sebagai punca kejatuhan beliau (Noor Azam 1980: 66-67).

<sup>93</sup> Untuk melihat dengan lebih mendalam huriahan tentang nepotisme dalam kepimpinan UMNO lihat Hussain Mohamed (1988: 1-24), (1989: 82-105).

<sup>94</sup> Di sebalik faktor kekeluargaan dan karismatik, kedudukan dan peranan politik seseorang dalam kerajaan masih bergantung juga serta dipengaruhi oleh agama, kepakaran, keilmuan, kesarjanaan, jawatan dan pekerjaan, budi pekerti dan peribadi individu yang terlibat (Hussain 1989: 84).

sama ada pembesar, ketua atau pemuka masyarakat maka secara tidak langsung mereka telah mempunyai massa yang merupakan jaringan sosial yang tersedia.<sup>95</sup> Ini bermakna kemunculannya lebih mudah dikenali dan secara tidak langsung latar belakangnya juga sudah dikenali. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO telah dicanangkan bahawa orang yang bertanggungjawab membawa masuk beliau adalah Mahathir sendiri. Sebelum ini Anwar dikenali sebagai moderator demonstrasi dan mengkritik UMNO sejak dari zaman mahasiswanya. Beliau juga cenderung untuk memasuki PAS. Tetapi pada tahun 1982, segalanya berubah bila beliau berjaya dibawa masuk ke dalam UMNO dan kemudiannya menonjol di kalangan elit kepimpinan UMNO (Gomez 1995, Jesudason 1995, Hussain 1997).

Keadaan sedemikian membuktikan bahawa kepimpinan UMNO nampaknya masih lagi berada dalam lingkaran aristokrat dan golongan menengah Melayu yang secara tidak langsung beberapa diantaranya adalah mewarisi kedudukan berkenaan dari bapa mereka, yang merupakan elit politik Melayu terdahulu. Dari sudut ini, perlembagaan UMNO tidak pula mencatat bahawa kepimpinan dalam UMNO boleh diwarisi, malah tidak juga tercatat jika anak mereka berkebolehan dan memenuhi syarat mereka tidak boleh dilantik atau dipilih. Jika dilihat dari sudut karisma pemimpin,

---

<sup>95</sup> Jaringan sosial ini, dapat dilihat melalui layar belakang Soekarno misalnya, beliau adalah anak seorang petani miskin. Tetapi beliau telah dijadikan anak angkat oleh Oemar Said Tjokroaminoto seorang pemimpin Sarekat Islam yang terkenal di Jawa. Beliau telah diberikan pendidikan Jawa, Barat dan Agama Islam, dibawa menemui massa, dilatih berpidato dan akhirnya Soekarno dianggap menjadi seorang pemuda yang hampir sempurna. Apabila Oemar Said meninggal dunia, secara tidak langsung massa yang mengenalinya telah menjadi pula jaringan sosial bagi Soekarno yang kemudiannya menjadi tokoh lagenda masyarakat Jawa dan Indonesia. Maknanya beliau tidak perlu lagi membentuk jaringan sosial yang baru kerana jaringan itu sudah tersedia. Keadaan ini ditambah pula kehidupan di Jawa tersusun di sekitar desa dan keraton yang sangat patuh pada ketua di samping kelompok priyayi dan golongan pemerintah Belanda (Van Niel 1984: 82).

seperti yang dinyatakan oleh Max Weber sebagai “mukjizat anugerah” atau sifat tertentu yang ada pada diri seseorang pemimpin yang menyebabkan ia berbeza dari orang lain dan dianggap sebagai orang yang dikurnia kuasa dan kualiti luar biasa (Atory 1998: 192). Anwar Ibrahim misalnya adalah tokoh yang berkarisma yang bukan jelmaan bapanya,”...was a reformist Islamic movement that addressed itself to social and religious issues, and attacked the government for its corruption and neglect of the poor...”(Jasudason 1995: 344). Dalam hal ini sekiranya mereka berkebolehan mereka berhak untuk diberikan tempat yang sewajarnya dalam kepimpinan UMNO.

#### **5.4 Melayu Baru; Dinamisme Melayu Model UMNO.**

Dalam elemen negara sedang membangun, proses pembangunan politik dan ekonomi sesebuah negara berkenaan menjadi agenda kepada perubahan masyarakatnya yang vertikal dan tidak monoton sifatnya (Keesing 1989). Proses perubahan terhadap masyarakat berkenaan sering diartikulasikan sebagai modenisasi.<sup>96</sup> Namun, modenisasi tidak lari dari bentuk dan budaya<sup>97</sup> etnik di lingkungan itu berada. Demikian juga halnya dengan masyarakat Melayu yang turut mengalami perubahan yang bersesuaian

---

<sup>96</sup> Modenisasi melibatkan sistem nilai-budaya dan sikap. Kedua-duanya akan menyebabkan munculnya pola berfikir dari individu yang akan mempengaruhi bentuk tindakan dan sikap sesebuah masyarakat baik dalam menjalani kehidupan harian atau dalam urusan membuat keputusan (Alfian 1992: 222).

<sup>97</sup> Budaya diartikan sebagai keseluruhan dari pengetahuan, sikap dan pola perilaku yang merupakan kebiasaan yang dimiliki dan diwarisi oleh anggota suatu masyarakat tertentu (Lington 1940), atau sekelompok pengertian dengan apa manusia menafsirkan pengalaman dan menuntun tindakan mereka (Geertz 1957: 33-34). Lihat juga Tylor (1871), Kluckhohn & Kelly (1945), Kroeber (1948), Herskovits (1955).

dengan rangka dan ruang lingkup kebudayaannya.<sup>98</sup> Perkembangan moden politik Melayu berlangsung atas landasan hubungan kaum yang lahir dalam masyarakat majmuk yang diwarnai oleh ciri-ciri perjuangan politik dan nasionalisme Melayu yang kuat (Rustam 1993: 84). Gagasan Melayu baru bukan asing<sup>99</sup> tetapi ia adalah satu bentuk dinamisme kehidupan orang Melayu yang perlu dipertingkatkan (Shamsul 1998). “...*The idea of Melayu Baru has a long historical pedigree. The human qualities proper to advanced modernity have merely been appended to the calls for awareness that have surfaced within the Malay community ... Munshi Abdullah, Sheikh Al-Hadi, Za'ba have all been touted as forefathers of the New Malays...*” (T. N. Harper 1996: 242). Idea Melayu baru bukan satu gagasan yang mengejutkan bila diutarakan oleh Mahathir, "...*New Malay as the culture of hard work, perseverance, learning, open-mindedness, excellence, discipline, ethical conduct and commitment to his faith. Malays should be focused in their quest for progress and not be sidetracked by trivial and false issues...*"(Hing Hung Yong 1998: 94). Ia adalah sesuatu yang lumrah dalam kepimpinan sesebuah kerajaan<sup>100</sup> untuk melihat masyarakat yang dipimpinnya semakin maju. Gagasan ini telah diseremonialkan sebagai sesuatu yang baru dengan protokolar melalui perhimpunan Pemuda UMNO pada 6 - 8 November 1991. Melayu Baru “...*is consistent*

---

<sup>98</sup> Bila kita merujuk kepada kebudayaan sesuatu masyarakat, apa yang diperkatakan ialah kumpulan individu dalam sesebuah masyarakat (Kavanagh 1982: 52). Kebudayaan meliputi rangkaian simbol bermakna yang teratur, makna atas peristiwa yang dihayati, kumpulan keseluruhan pola itu merupakan kajian tentang individu dan kelompok yang berusaha untuk mengorientasikan dirinya dalam sebuah dunia (Geertz 1992: 150).

<sup>99</sup> Persoalan lama dan baru dalam konteks Melayu ini sebenarnya merupakan satu persoalan yang amat biasa dan berlaku di mana sahaja. Malah perubahan itu amat diperlukan dan tidak dapat dielakkan lagi demi untuk kemantapan dan peningkatan status kita sebagai satu bangsa (Shahnon Ahmad 1994: 105).

<sup>100</sup> Dengan eksistensi kepimpinan yang profesional, terjadi aksentuasi yang besar akan perbezaan budaya antara pemimpin dan yang dipimpin. Pengalaman masa silam, memperlihatkan bahawa faktor yang menjamin kekuasaan minoriti kepada majoriti ialah superioriti (kekuatan luar biasa) intelektual pemimpin (Brym 1993: 35).

*Mahathir long-term political objective of mobilizing the most progressive and dynamic elements in Malay society to liberate the community from its feudal and colonial past..."*

(T.N. Harper 1996: 241). Melayu Baru didefinisikan sebagai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap (Rustam 1903: 87). Baru yang disarankan oleh Mahathir ialah "...*new attitudes toward work, rugged individualism, self-reliance and the piety of worldly success ...*"(Khoo Boo Teik 1995: 333). Etimologi sedemikian nampaknya adalah untuk memperkuatkan cita-cita kepimpinan UMNO untuk melihat Melayu terus berjaya dan berdaya saing di dalam dan di peringkat antarabangsa. Suatu usaha yang berani dan memberi harapan bagi memantapkan dan memertabatkan lagi bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang bermaruah disegani dan dihormati oleh dunia (Shahnon 1994: 106).

Melihat dinamisme masyarakat Melayu dengan lingkup budayanya sendiri, tentulah bermula dari singkapan historis Kesultanan Melaka yang menonjolkan identiti sosial dan kebudayaan Melayu yang sebenarnya.<sup>101</sup> Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan yang berjaya dikendalikan oleh orang Melayu sebagai pentadbirnya.<sup>102</sup> Pedagang dari Timur dan Barat telah berurus di Melaka kerana dikatakan memiliki kecekapan dalam soal perdagangan (Yusuf Hashim 1989, 1996). Ini mengambarkan

---

<sup>101</sup> Kajian tentang pengenalan budaya dan kebudayaan Melayu sila lihat Swift (1965), Raymond Firth (1971), Nordin Selat (1972), Roff (1975), Zainal Kling (1977), Syed Husin Ali (1979), Mohd. Taib Osman (1983), Ismail Hussein, Aziz Deraman, Abd. Rahman Al-Ahmadi (1989, 1995), Shamsul (1996, 1998).

<sup>102</sup> Melihat kejayaan orang Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah dengan melihat konteks waktunya itu, di mana telah muncul orang Melayu yang kaya, pentadbir yang cekap, pengurus dan ahli perniagaan (Nadzri 1995).

bahawa orang Melayu bukan sahaja sesuai menjadi Raja dan bangsawan semata tetapi juga sebagai setanding dengan pedagang dan pentadbir dari negara asing (Kamarul 1997). Namun, imperialism Barat telah meruntuhkan kehebatan institusi dan kekuatan sosial budaya Melayu berkenaan.<sup>103</sup> Diantara faktor sosio-budaya yang menyebabkan sedemikian ialah mental masyarakat agraris tidak mempunyai kekuatan dan tiada inisiatif sendiri untuk berbuat lebih dari apa yang perlu, mereka hanya menerima dan menganggap orang Barat sebagai tinggi kedudukannya (Alfian 1992: 221). Kolonialisme meletakan orang Melayu sebagai masyarakat yang terus mundur di negara sendiri,<sup>104</sup> mengalami satu kejutan sehingga perkembangan kemajuan dalam semua lapangan tergendala. Dasar pecah dan perintah Inggeris, telah menghakis kekuatan institusi Melayu serta menyekat berbagai peluang di negaranya sendiri. Orang Melayu telah diklasifikasikan sebagai bangsa kedua di bawah bangsa penjajah membiarkan orang Melayu untuk terus tinggal di kampung dan di pinggir sungai. Peluang pendidikan pula hanya diberikan berdasarkan kelas sosial yang penuh diskriminasi (Jomo 1991).<sup>105</sup> Golongan bangsawan merupakan satu golongan yang akan mereka jadikan kuli atau orang suruhan, diterima masuk ke sekolah Inggeris,<sup>106</sup> "...*It attempted to cultivate a*

<sup>103</sup> Barat sering melihat dirinya sebagai penampilan akal dan cahaya tamadun, memiliki kecergasan sementara peradaban Timur pula mewakili tahuul dan kegelapan, serta penuh dengan kelembapan (Anwar 1997: 29).

<sup>104</sup> Terdapat jurang yang besar antara sistem ekonomi tradisional dengan sistem ekonomi Barat yang melibatkan perladangan, industri dan perdagangan. Sistem ekonomi tradisional bukan dimajukan tetapi semakin cuba untuk dihancurkan (Alfian 1992: 221).

<sup>105</sup> Orang yang menduduki posisi tertinggi dalam kelas sosial biasanya mempunyai kekuasaan dan wewenang, sehingga dapat mempengaruhi pihak-pihak lain untuk melakukan hal-hal yang disenangi dan dikehendaki pemegang kuasa (kolonial) (Soerjono Soekanto 1989: 394).

<sup>106</sup> Pihak kolonial dengan sengaja mewujudkan sistem kelas dalam masyarakat Melayu supaya dasar pecah dan perintah itu dapat dijalankan. Golongan ini diberikan status yang tinggi dan dipisahkan dari rakyat jelata... kemudian mereka dilantik sebagai Majistret Kelas III, Penolong Pegawai Kelas II dan III seperti Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pemungut hasil Tanah dan Galian, Penolong Pesuruhjaya Daerah (Ramlah 1998: 112 & 132).

*hybrid which had no real social roots beyond an embryonic English educated, urban middle class based on the bureaucracy...*" (T. N. Harper 1996: 239). Golongan rakyat biasa terus tinggal di kampung dan diberikan pendidikan yang hanya untuk tujuan mengenal huruf melalui sistem vernakularnya (Cheeseman 1948). Dan kesedaran tentang penindasan berkenaan juga tidak datang dari golongan bangsawan yang dimanjakan itu tetapi ianya datang dari Timur Tengah pada awal abad ke-20 (Hambali 1981).

Setelah merdeka, orang Melayu seolah kehilangan arah untuk mencari strategi yang sesuai untuk digunakan bagi menjamin perubahan, kemajuan dan kejayaan. Hampir keseluruhan tenaga telah dicurahkan terhadap usaha menangani pembangunan fizikal negara dan usaha mengawal kemungkinan tercetusnya pergeseran antara etnik dalam zaman pasca kolonial. Tidak menghairankan kenapa orang Melayu menjadi sedemikian kerana pihak kolonial telah berjaya menanamkan identiti orang Melayu yang sedemikian rupa.<sup>107</sup> Adalah jelas selepas merdeka, orang Melayu ketinggalan dalam berbagai bidang terutama ekonomi yang telah dimonopoli oleh etnik Cina dan Eropah. Usaha untuk meningkatkan perekonomian orang Melayu tidak semudah yang disangka kerana ketika itu bangsa pendatang telah berada jauh didepan berbanding dengan orang Melayu. Kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu ketika itu amat jauh ketinggalan sehingga orang Melayu telah diidentikan sebagai malas, suka buang masa, tidak berpelajaran, tidak pandai bermiaga dan suka rendah diri (Zakry 1993: 57), "...*the Malays is often employed*

---

<sup>107</sup> Masyarakat Timur, termasuk orang Melayu, ketika itu dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu masyarakat yang berada di luar orbit '*westernization*' dan masyarakat yang sudah jauh menempuh gaya pembaratan (Benda 1983: 154).

*as a motor car driver, in which profession he proves more satisfactory than most other races..."* (Kamarul 1997: 41). Kolonialisme bukan faktor tunggal dalam melihat masalah keterbelakangan ini kerana ia juga disebabkan oleh kemunduran orang Melayu yang bukan sahaja diutarakan oleh intelektual Melayu terkini tetapi ianya telah diperkatakan oleh intelektual Melayu zaman silam yang mewakili zamannya (T. N. Harper 1996: 242). Pada pertengahan abad ke-19, Abdullah Abdul Kadir Munshi seorang pemikir yang rajin mencatat bentuk kehidupan yang dilalui oleh orang Melayu, merupakan perakam gerak budaya masyarakat Melayu yang ulung. Beliau tidak semata-mata mengamati bentuk kehidupan masyarakat Melayu tetapi mendampingi juga orang Inggeris. Beliau mendapati kemunduran orang Melayu ketika itu disebabkan persepsi negatif kelompok feudal yang tidak mementingkan pendidikan dan bimbingan akhlak yang baik.<sup>108</sup> Akibatnya golongan rakyat yang berkeinginan untuk maju telah dinafikan haknya serta ditindas. Abdullah telah mencadangkan jalan keluar kepada masalah berkenaan ialah dengan mengatasi penguasaan golongan feudal dan cuba mengambil nilai pembaharuan yang dimiliki oleh masyarakat Inggeris dan berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar.<sup>109</sup> Awal abad ke-20 reformis Islam, Syed Sheikh Alhadi sering mengeluarkan ideanya melalui Al-Imam tentang masalah orang Melayu dan masa depannya. Beliau tidak menafikan ketinggalan orang Melayu disebabkan oleh tekanan pihak penjajah tetapi beliau mengaitkan dengan sikap malas, tidak ambil berat,

---

<sup>108</sup> Guru-guru agama terlalu mementingkan agama sehingga tidak mempedulikan dunia, mereka tidak mendalami ilmu agama secara lengkap, tidak menggunakan pendekatan yang sesuai dan lebih mengecewakan mereka dipengaruhi pula oleh kepercayaan animisme (Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafiee Saat 1991: 116).

<sup>109</sup> Sedangkan "...Islam provides not just the spiritual framework for Malay life, but also the ethical, psychological and intellectual foundations for the community's worldview..." (Hing Hung Yong 1998: 86).

perbalahan sesama sendiri, kesukaran mereka bekerjasama dan tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar (Roff 1994: 57).<sup>110</sup> Hadi mencadangkan jalan mengatasinya dengan mengadakan reformasi pendidikan agama dan menjauhi amalan kurafat. Za'ba menyatakan kemunduran orang Melayu disebabkan kurangnya pendidikan dan orang Melayu lemah semangat, tidak mahu berdikari, tidak tekun, mudah jemu, tawar hati, suka buang waktu, lemah cita-cita dan tiada tujuan hidup (Rahman Embong 1999: 14).<sup>111</sup> Abdul Rahim Kajai menyalahkan penjajah Inggeris yang menyebabkan orang Melayu miskin, dengan cara ditipu, dianiaya, dikhianati setiap waktu oleh penjajah dan imigran. Jalan keluar adalah dengan mengadakan reformasi pendidikan agama dan menghapuskan keklotan yang ada dalam pemikiran orang Melayu.

Selepas merdeka, Ungku Aziz sering membuat kajian tentang kemiskinan orang Melayu dan mengaitkannya dengan pengabaian pihak penjajah, masalah orang tengah dan tiadanya institusi kredit untuk membantu orang Melayu. Beliau mencadangkan untuk membantu orang Melayu, perkara yang paling asas adalah dengan menujuhan koperasi selain menimbulkan kesedaran dan menyebarluaskan pentingnya pendidikan di kalangan orang Melayu. Dr. Mahathir juga dianggap sebagai intelektual Melayu yang lantang mengkritik kepimpinan Tunku yang tidak membantu orang Melayu keluar dari

<sup>110</sup> Ada kecenderungan guru agama yang masih menerima unsur kepercayaan dan kebudayaan Hindu yang meresap dalam budaya Melayu yang diwarisi sejak dahulu. Hal ini terjadi kerana guru agama berkenaan tidak terdedah dengan pendidikan yang lebih tinggi melainkan sekolah pondok dan hidup pula sentiasa dalam lingkungannya yang tidak menerima unsur perubahan. Malah diperkuatkan lagi dengan penerimaan yang masih kental terhadap kepercayaan animisme (Roff 1975).

<sup>111</sup> Dalam konteks penyelesaiannya, beliau tidak memberikan caranya malah dengan mengatakan dalam masa 200 tahun akan datangpun orang Melayu tidak akan maju sekiranya sikap sedemikian tidak berubah. Malah ada kemungkinan bangsa Melayu akan kalah dan terhapus oleh bangsa-bangsa lain yang cergas, rajin, pandai bermiaga (Abdullah Hussain & Khalid Hussain 1974).

kepompong penderitaan ekonomi (Morais 1982). Beliau melihat pemerintah lebih mengutamakan imigran Cina, di samping sikap kompromi kepimpinan UMNO yang menyebabkan tertinggalnya orang Melayu. Kompromi berkenaan mungkin atas alasan “...considered not critical and well within control as long as Malay political dominance could be maintained... indeed, the prevailing attitude of the political leaders then was one of promise for the future and confidence in the institutional arrangements that had been put in place...” (Osman Rani 1990: 2). Beliau mengupas masalah orang Melayu yang ketinggalan dalam segala aspek melalui buku “Dilema Melayu”.<sup>112</sup> Jalan keluar yang terbaik disarankan oleh Mahathir ialah dengan campur tangan kerajaan di dalam dasarnya untuk kebaikan orang Melayu (Mahathir 1982: 55).<sup>113</sup> Implikasi 13 Mei 1969, menyebabkan kerajaan akur dengan pandangan sarjana dan intelektual Melayu tentang pentingnya dibentuk dasar yang dapat membantu kepentingan Melayu. DEB sebagai alat yang cuba memulihkan bentuk kehidupan orang Melayu dalam aspek sosio-ekonomi.<sup>114</sup> DEB berhasrat melahirkan satu kelas peniaga Melayu dalam satu generasi tetapi kelahiran kelas berkenaan lazimnya merupakan satu perkembangan natural dengan mengambil tempoh yang panjang (Fauzi Yaacob 1997: 229). DEB dan beberapa dasar yang dibentuk ketika era Tun Razak adalah sebagai usaha untuk memajukan orang Melayu dan kejayaannya dapat dilihat dengan semakin ramai orang Melayu yang

<sup>112</sup> Buku “Dilema Melayu” memang dianggap mengupas persoalan Melayu dekad pasca merdeka. Namun, atas sifat penuh prejudis dan sentimen dengan demikian ia dianggap juga tidak ilmiah oleh setengah sarjana (Syed Hussein Alatas 1973, 1991). Ia dianggap “...anti-Chinese views outlined ...” (Geoffrey & Stafford 1997: 567).

<sup>113</sup> Tanpa sokongan dari kerajaan orang Melayu sukar mencapai prestasi dalam perniagaan. Korporat Melayu yang muncul hari ini adalah hasil campur tangan kerajaan melalui peluang-peluang yang diberikan kepadanya (Mustapa Mohamed 1995: 11).

<sup>114</sup> Hasil peranan kerajaan selepas merdeka ialah perlantikan orang Melayu menjadi pengarah dalam syarikat besar milik bukan Melayu (Mahathir 1982: 52).

memperolehi pendidikan tinggi, pekerjaan yang berjawatan tinggi dan pembentukan institusi-institusi amanah yang melatih orang Melayu untuk terlibat dalam lapangan perniagaan (Geoffrey & Stafford 1997: 560). Peranan kerajaan diperkuat melalui “...provide adequate infrastructure an incentive for economic development while private enterprises would be the active participate in the economy...” (Osman Rani 1990: 5). Namun, pertumbuhan peluang pelajaran dan pekerjaan orang Melayu hakikatnya masih mengikut kelas. Mereka yang berasal dari kelas istimewa yang mengaut faedah besar dan mewujudkan satu kelompok yang terhutang budi dan seterusnya menyokong borjuis pemerintah (Jomo 1998: 307).<sup>115</sup> Ketika ini muncul orang Melayu yang cuba mengubah bentuk kehidupan mereka dan menjauhi pula identiti dan persepsi kuno yang mengatakan orang Melayu dalam konotasi yang serba negatif. Mahathir berjaya menggunakan kepentingan ekonomi bagi memecahkan pemikiran tradisi dan mencetuskan suatu revolusi sosial di kalangan orang Melayu dan generasi Melayu baru.

Usaha lain ialah melalui pembentukan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), “...a prelude to greater expansion of Malay capitalism and the growth of the capitalist segment of Mahathir's “Melayu Baru”...” (Rahman Embong 1996: 526). Di samping untuk melihat pencapaian kuantiti orang Melayu dalam bidang perniagaan, teknologi moden dan meningkatkan ekuiti orang

---

<sup>115</sup> Menilai kesan hak keistimewaan orang Melayu, sistem kouta bagi perkhidmatan awan, pengajian tinggi, lebih memberi manfaat kepada kelas atasan atau elit Melayu terutama di bandar yang sudah pun menikmati kehidupan moden dan peluang memperolehi kemudahan pelajaran menengah (Means 1972: 48).

Melayu (Nadzri Abdullah 1995: 6).<sup>116</sup> RRJPII yang dilancarkan bagi mengantikan DEB, adalah kesinambungan modenisasi masyarakat Melayu.<sup>117</sup> Gerakan modenisasi dan industrialisasi ini perlu pula diimbangi oleh keyakinan terhadap nilai tradisi yang positif (Anwar 1997: 16). Berbagai dasar yang telah dilaksanakan menampakkan kesungguhan kepimpinan UMNO untuk membentuk satu masyarakat Melayu yang maju dan untuk tujuan itu peranan kerajaan adalah perlu diteruskan sesuai dengan saranan beliau dalam buku Dilema Melayu (Hussain 1998).<sup>118</sup> Kini dengan bantuan, peranan dan perlindungan dari kerajaan<sup>119</sup> telah muncul golongan kapitalis Melayu yang dikenali juga sebagai korporat Melayu<sup>120</sup> yang dapat dibanggakan,<sup>121</sup> "... *established business community as a community tends to demand a more open and regularized style of administration which does not disadvantage enterprise lacking special links with the regime...*" (Crouch 1984: 7). Dengan demikian, konsep Melayu baru yang dicanangkan oleh Mahathir adalah dengan merujuk sebenarnya kepada usahawan dan korporat Melayu supaya dapat

<sup>116</sup> Tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan mutu usahawan, melahirkan ahli perniagaan yang berkualiti, berpengalaman, berpengetahuan yang tinggi di bidangnya, mengenali disiplin jual beli bertanggungjawab, cekap, mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Mustafa 1995: 13).

<sup>117</sup> Jika DEB tidak diteruskan atau diganti dengan apa bentuk dasar lain, hakikatnya orang Melayu akan bersaing dengan lain-lain etnik untuk terus maju, ini bermakna siapa yang kuat dan mampu ia akan memang. Sebaliknya siapa yang lemah dan tidak mampu ia akan kalah dan tumbang (Zakry 1992: 352).

<sup>118</sup> Setelah beliau mengambil alih kepimpinan negara dan cuba memainkan peranan kerajaan dalam membantu kepentingan orang Melayu, beliau mendapat "... *some may think that this is a dilemma that cannot be reconciled. This is not true. It may, however, reflect the lack of self-confidence on one's part. If we are prepared to face our problems positively and are also prepared to overcome our own weakness, this so-called dilemma will no longer exist*

(Khoo Boo Teik 1995: 335).

<sup>119</sup> Mahathir boleh dianggap sebagai kepimpinan UMNO yang pertama yang melibatkan peranan kerajaan secara langsung, aktif dalam perniagaan dan telah menswastakan badan-badan kerajaan dalam keghairahannya untuk menjayakan langkah berkenaan (Zainuddin 1994: 295).

<sup>120</sup> Orang korporat mengikut takrif secara umum ialah seseorang usahawan yang berupaya menguasai bidang perniagaan atau perindustrian yang tertentu di mana ia menjadi pemilik dan penggerak utama serta berupaya menguasai kewangan dan kepakaran yang diceburinya (Kamarul 1997: 10).

<sup>121</sup> Untuk melihat sebahagian dari tokoh korporat Melayu yang berjaya dan menonjol sila lihat lampiran XX.

berusaha, mampu bersaing di dalam dan di peringkat antarabangsa.<sup>122</sup> Kelahiran para usahawan dan korporat Melayu yang berjaya<sup>123</sup> diharapkan dapat membantu melahirkan golongan masyarakat Melayu yang maju (Mustafa 1995).<sup>124</sup>

Jika diteliti dalam konteks Melayu baru yang diutara oleh Mahathir, kelompok sasaran dalam Masyarakat Melayu berkenaan ialah golongan usahawan atau peniaga Melayu. Penekanan sebelum ini adalah untuk mempertingkatkan perekonomian orang Melayu dan apabila tujuan berkenaan menampakkan kejayaan, walau pun belum membanggakan, tetapi setidaknya usaha awal telah berjaya melahirkan peniaga dan jutawan Melayu.<sup>125</sup> Ini menandakan bahawa peranan kerajaan tidak sia-sia apa bila orang Melayu mampu mengendalikan perniagaan yang besar dan melibatkan peringkat antarabangsa (Fauzi Yaacob 1997: 225). Situasi ini dapat menghilangkan apresiasi tradisi tentang kelemahan Melayu yang tidak mampu terlibat dan menguruskan

<sup>122</sup> Ada juga tokoh korporat Melayu ini yang berasal dari kalangan istana seperti Tunku Naquiddin Tuanku Jaafar, Tunku Imran Tuanku Jaafar, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman, Tunku Iskandar Tuanku Abdullah, Tunku Yaacob Tunku Abdullah, Tunku Abdullah Sultan Ahmad (Fauzi Yaacob 1997: 217). Tidak sukar untuk mencapai kejayaan sedemikian kerana mereka sebagai kapitalis aristokrat status dan keistimewaan kelas yang mereka miliki.

<sup>123</sup> Kejayaan perniagaan syarikat diukur berdasarkan dua kriteria. Pertama; syarikat mencatat keuntungan dalam perniagaan dan membolehkan mereka mengumpulkan modal yang lebih besar untuk meningkatkan skala perniagaan dan berkembang dari tahun ke tahun. Kedua; kejayaan meningkatkan keberkesanannya sistem pengurusan dan pentadbiran dan kecekapan teknologi dalam organisasi perniagaan untuk menjadi lebih kompetitif (Chin Yee Wah 1998: 11).

<sup>124</sup> Apabila kerajaan menyatakan hasratnya untuk memberikan keutamaan kepada perusahaan Melayu, peniaga Melayu yang kaya inilah yang diharapkan akan dapat menyumbangkan modal dan pengetahuan yang boleh didapati di kalangan orang Melayu (Mahathir 1982: 53).

<sup>125</sup> Meskipun demikian tidak dinafikan munculnya '*pseudo-businessman*' iaitu usahawan Melayu yang tidak begitu berminat atau kurang mahir dengan perniagaan tetapi mereka ingin dikenali sebagai peniaga atau tokoh korporat. Mereka ini mempunyai jaringan yang kuat, khasnya bercorak politik yang menghubungkan mereka dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pemberian lesen dan kontrak (Fauzi Yaacob 1994: 227).

perekonomiannya dengan baik.<sup>126</sup> Kejayaan menghasilkan sebilangan jutawan dan kelompok peniaga Melayu ini, merupakan satu dinamisme terhadap bentuk masyarakat Melayu.<sup>127</sup> Dalam hal ini Melayu baru yang dicanangkan itu merujuk kepada sebahagian kelompok korporat Melayu yang mewakili orang Melayu untuk menjana kekuatan serta kemantapan matlamat Melayu baru yang tidak lari dari acuan dan lingkungan kebudayaan Melayu.

### **5. 5 Fenomena Unsur Politik Wang Dalam Kepimpinan UMNO.**

Dinamisnya sesebuah sistem politik dilatarbelakangi oleh faktor external atau pun internal yang mengundang berbagai implikasi sama ada elemen dalam sistem berkenaan semakin berkembang atau pun menyorot ke belakang. Dalam sistem politik Melayu, telah dikesan berlakunya perubahan terhadap ikatan hubungan politik yang berasaskan politik tradisi kepada hubungan politik berasaskan perniagaan. Jika sebelum 1980-an, corak ikatan politik Melayu adalah jalinan antara ahli politik dengan masyarakat biasa yang berpegang kepada nilai keunggulan elit Melayu. Selagi mereka dapat dilindungi oleh elitnya, selagi itulah mereka akan memberikan taat dan patuh kepada elit berkenaan. Oleh kerana terdapat unsur perlakuan tradisi dalam politik Melayu ketika itu, sudah tentu konsep setia dan patuh terus menjadi amalan ahli politik dan orang yang dinaunginya

---

<sup>126</sup> Dengan kepimpinan yang arif serta memahami masalah ini dengan mendalam dan berazam untuk menyelesaikan masalah berkenaan sudah pasti tidak ada halangan bagi pertumbuhan ekonomi negara ini untuk lebih pesat (Mahathir 1982: 73).

<sup>127</sup> Sehingga kini kerajaan terus berusaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan Melayu dan Bumiputera melalui pemberian kontrak, saham, skim vendor, perkhidmatan dan penswastaan (Mustapa 1995: 12).

(Yusuf Hashim 1996, Ramlah 1998). Bagi anggota bawahan, apa yang dikatakan oleh ketua mereka ianya akan dikuti dengan penuh taat, baik sebagai calon pilihanraya atau menduduki kepimpinan UMNO lainnya.

Perubahan paradigma yang terjadi selepas era 1980-an menyaksikan ikatan tradisi berkenaan mulai longgar dan kemudiannya mencair dalam bentuk yang baru. Maksudnya, terjadi perubahan terhadap sistem politik dengan hubungan unsur tradisi tadi telah bertukar kepada hubungan berdasarkan perniagaan.<sup>128</sup> Elit politik tidak lagi terikat dengan masyarakat biasa yang mudah ditundukkan tetapi mereka terikat pula dengan golongan peniaga atau korporat Melayu yang berjaya.<sup>129</sup> Perubahan turut berlaku terhadap model kepimpinan dalam politik Melayu “...*a new style for seeking leadership would emerge, which would only be opened to those with money or those who prepared to be atronised by those with money...*” (Ghazali Shafie 1978). Fenomena ini disebabkan struktur ekonomi tradisional bertukar kepada struktur ekonomi berdasarkan industri dan perdagangan serta elit politik Melayu telah mula menjauhi dari unsur politik tradisional yang mengutamakan nilai taat dan patuh (Atory 1996). Faktor yang mendasari perubahan ini adalah kesan dari langkah kerajaan yang telah melancarkan DEB serta peranan secara aktifnya era Mahathir yang secara langsung membantu orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan dan perindustrian (Hussain 1996: 201). Jika sebelum ini penaung tradisi Melayu dianggap menguasai perniagaan dalam bentuk Ali Baba (Comber 1985),

---

<sup>128</sup> Hubungan tersebut menyebabkan timbal balik keuntungan dengan “...*influential politicians had given them access to business opportunities to develop their corporate holdings, such businessman...*” (Gomez & Jomo 1997: 121).

<sup>129</sup> Pemisahan dalam masyarakat menjadi lebih luas terhadap sistem nilai dan norma bersama (soladisitas) menjadi amat longgar, di mana akhirnya wujudnya perasaan tamak (Zakry 1992: 397).

serta merupakan golongan yang paling berpengaruh untuk mendapatkan peluang perniagaan tetapi kini mereka dengan sendirinya terlibat secara lansung dalam bidang perniagaan (Fauzi 1997). Peranan aktif kerajaan dalam menangani masalah kemunduran sosio-ekonomi orang Melayu telah mengwujudkan kelompok peniaga Melayu yang di gelar korporat Melayu (Crough 1993). Kelompok ini telah mewarnai struktur ekonomi negara dari bentuk agraris kepada bentuk perindustrian dan perdagangan. Aktiviti kelompok ini tidak hanya terbatas kepada mengembangkan saiz perniagaan mereka tetapi juga untuk memperolehi lebih dari apa yang telah dimiliki, mereka juga perlu memperolehi kuasa politik untuk melindungi kepentingan perniagaan mereka (Atory 1998: 241). <sup>130</sup> Dalam usaha untuk memperoleh kuasa politik ini berbagai manipulasi kuasa berjalan dalam UMNO. <sup>131</sup> UMNO kini dikelilingi oleh kelompok peniaga dan korporat Melayu yang sebelum ini hanya didominasi oleh golongan petani, golongan menengah dan aristokrat Melayu, “...new business and middle classes that seek avidly to participate in polities, yet also to deny the same participatory chances to the working class and peasantry...” (Case 1996: 3). <sup>132</sup> Kejayaan korporat Melayu dan

<sup>130</sup> Tindakan mencari pengaruh adalah dianggap penting kerana dalam dunia perniagaan Melayu, kerjasama antara korporat Melayu sukar berjalan dengan baik kerana nilai-nilai dan budaya kerja yang berlain dan belum betul-betul difahami (Syed Amin Al-Jeffri 1999, MHI, TV3, 2 Oktober). Lihat juga Ramli Hashim (1998: 8). Hal ini kelihatannya hampir sama dengan apa yang pernah dinyatakan oleh Crough “...Malay businesspeople were not entrepreneurs who set up new enterprises but clients of politicians who were given business opportunities as rewards for political support...” (Crough 1993: 146).

<sup>131</sup> Kekuatan politik UMNO hingga dianggap “...political struggles within UMNO became increasingly laced with money politics, that is financial inducements to win over an opponent's supporter...” (Hari Singh 1995: 195).

<sup>132</sup> Untuk melihat dengan mendalam bagaimana golongan elit ekonomi ini mempunyai hubungan dengan elit politik lihat Gale (1984, 1985), Gomez (1990, 1991, 1994), Gomez & Jomo (1997), Searle (1999).

kemasukan mereka ke dalam UMNO dikesan telah mengembangkan budaya tidak sihat dalam UMNO.<sup>133</sup>

Persepsi masyarakat kini menunjukkan bahawa kekayaan seseorang dapat dilambangkan melalui penguasaan politik.<sup>134</sup> Dengan menguasai politik akan memudahkan mereka memanipulasi kuasa untuk menimbunkan kekayaan tanpa hadnya.<sup>135</sup> Dalam UMNO fenomena yang wujud ialah jawatan dalam parti menjadi rebutan kerana dengan mendudukinya akan menggambarkan monopoli kuasa yang diperolehi dan menjadikan pemiliknya kaya raya.<sup>136</sup> Atau dengan kata lain bahawa pandangan orang Melayu bahawa kuasa politik adalah kunci kekayaan (Crough 1986: 56).<sup>137</sup> Manakala bagi yang tidak terlibat dalam politik tetapi terlibat dalam perniagaan, untuk menentukan masa depan syarikat dan peluang perniagaan terus dikuasai, mereka perlu mempunyai hubungan rapat dengan elit politik. Caranya ialah dengan menyokong elit berkenaan dalam bentuk dana, pembiayaan, tajaan ketika kempen merebut jawatan

---

<sup>133</sup> Terjadinya masalah sedemikian kerana ahli dan pemimpin UMNO datang dari golongan yang telah menikmati hasil pelaksanaan DEB, oleh sebab mereka aktif juga dalam perniagaan dan UMNO, maka semakin menjalar unsur materialistik dalam corak politik UMNO (Musa Hitam 1992: 155)

<sup>134</sup> Dalam hal ini mengingatkan kita akan tokoh teoritikal politik dari Italy, Niccolo Machiavelli yang menganggap bahawa politik adalah sebagai satu teori perjuangan yang bersifat pertempuran yang berterusan untuk merebut kuasa (Zakry 1992: 386).

<sup>135</sup> UMNO kini dianggap sebagai 'telaga emas', kekayaan yang disajikan oleh UMNO tidak harus dilepaskan begitu sahaja. Kalau kita tidak membolotnya, orang lain akan berbuat demikian. Inilah pegangan kebanyakan pemimpin dan ahli UMNO (Ainol Jamal 1988: 63-64).

<sup>136</sup> Pada awal tahun 1980-an, Anwar Ibrahim telah menyuarakan adanya masalah gejala politik wang dalam UMNO, tetapi beliau telah diugut supaya jangan menentang kehadiran orang-orang kaya yang mementingkan diri dalam UMNO. Bukan semua orang kaya sebenarnya yang ditentang, tetapi sesetengah usahawan Melayu yang menggunakan wang untuk membeli orang lain untuk kepentingan sendiri (Chamil 1985: 222).

<sup>137</sup> Dalam apresiasi masyarakat Melayu kini, wakil rakyat adalah satu jawatan yang paling dihormati dan jalan singkat untuk mendapatkan kekayaan. Orang Melayu mendapati tiada seorang pun wakil rakyat yang menjadi pada kedana dan melarat akhirnya (Abu Hassan 1985: 2).

Ketua Cawangan, Bahagian atau MT UMNO.<sup>138</sup> Dalam usaha untuk merebut Ketua Cawangan misalnya, jawatan tersebut akan membolehkan penyandangnya menjadi ketua kampung. Dengan menjadi ketua kampung, peruntukan pembangunan sebanyak RM 300.000 setahun dari kerajaan,<sup>139</sup> akan membolehkan sebahagian besar dari peruntukan itu dimanipulasi oleh Ketua Cawangan berkenaan (Norizan 1998).<sup>140</sup> Di sinilah wang dihamburkan oleh penyokong-penyokong yang terdiri dari korporat Melayu yang dapat dilihat sebagai menaruh saham untuk survival perniagaan mereka, “...with more Malays becoming rich, the contests for posts are being carried out by using large amounts of money...” (Gomez 1994; 12). Dengan perilaku sedemikian munculah gejala yang tidak sihat dalam UMNO yang kerap diperkatakan sebagai politik wang (Gomez 1996: 86).

Beberapa etimologi politik wang telah diberikan oleh sarjana dengan merujuk kondisi politik Melayu, khususnya UMNO. Namun hingga kini belum ada bukti secara konkret yang diketengahkan oleh sarjana dan lawan-tanding<sup>141</sup> bahawa politik wang itu dapat dibuktikan (Hussain 1987).<sup>142</sup> Apa yang dilihat hari ini ialah dakwaan politik wang itu hanya diselesaikan oleh UMNO dengan pendekatannya sendiri. Namun, kajian ini akan menelusuri unsur politik wang yang ada dalam UMNO berdasarkan beberapa kes

<sup>138</sup> Dalam konteks ini wang telah digunakan untuk duit belanja makan, biaya bilik gerakan, kenderaan, upah ‘gurkha politik’ dan biaya penginapan di hotel-hotel seperti *Hilton*, *Pan Pasific*, *Park Royal*, *Sangri La*, *Concorde*, *Crown Princess*, *Regent*, *Equatorial*, *Holiday Inn* (Noriah 1996: 186).

<sup>139</sup> Peruntukan berkenaan meliputi jalan kampung, parit, lorong, balai raya, surau, papan tanda, dan lain kemudahan untuk faedah penduduk kampung.

<sup>140</sup> Norizan Mustafa, seorang ahli perniagaan dan Ketua Cawangan UMNO.

<sup>141</sup> Lawan-tanding bermaksud; pencabar dan yang dicabar dalam sesuatu jawatan dalam UMNO perlu membuktikan dengan sah dakwaan masing-masing, jika didapati atau disyaki ada diantara mereka yang telah mengamalkan politik wang baik dari segi bentuk dan jumlahnya untuk tindakan Badan Disiplin UMNO.

<sup>142</sup> Penggunaan wang tetap ada dalam proses perebutan dan seterusnya pengekalan kuasa politik. Cuma terdapat kesukaran untuk membuktikan dengan tepat mengenai sejauhmanakah dan sebanyakmanakah seseorang calon, tokoh atau parti itu berbelanja menggunakan wang atau harta benda mereka dalam setiap kali pilihanraya (Hussain 1987: 123).

yang pernah terjadi sehingga kini. Beberapa definisi politik wang dapat kita lihat di sini antaranya William Case merujuk politik wang sebagai “*... bidding for supporters at the party's branch and devisional levels, securing delegate positions at the party's triennial general assembly, and exchanging votes for still more financial promise...*” (Case 1993: 79). Menurut Perlembagaan UMNO pasal 18.7 politik wang itu dianggap sebagai penyalahgunaan kuasa dan wang dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau untuk mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana pemilihan parti (Perlembagaan UMNO 1994: 47-48). Gomez menyatakan sebagai “*...is the use money and material benefits in the pursuit of political influence. Its corollary, therefore, is political rents, that is economic gain derived through the use... or abuse... of political power...*” (Gomez 1994: 44). Definisi yang ringkas diberikan oleh Firdaus sebagai rasuah politik, membeli undi, tumbuk rusuk politik, peras ugut politik (Firdaus 1995: 23). Hussain Mohamed melihat politik wang itu terjadi, bilamana wang digunakan oleh seseorang atau sesebuah parti secara berlebihan dan sengaja bagi mendapatkan sokongan dan undian daripada para ahli dan penyokong (Hussain 1996: 199). Gomez dan Jomo K. S. menyatakan “*... which refers to a number of related issues, including political party involvement in business, abuse of power for corrupt purpose and political patronage...*” (Gomez & Jomo 1997: 120-121). Ahmad Atory mendefinisikan politik wang itu sebagai tingkahlaku yang negatif, digunakan untuk membeli undi, menyogok atau merasuh bakal-bakal atau ahli-ahli supaya memangkah si pemberi wang (Atory 1998: 244-245). Dari beberapa definisi yang diketengahkan di atas dapat ditarik bahawa politik wang itu adalah dengan merujuk kepada manipulasi kuasa dan wang untuk membeli, mempengaruhi mana-mana individu

yang berkepentingan dalam parti dan jawatan yang dipegang untuk kemudiannya memperolehi kepentingan dari tindakan yang dilakukan. Umumnya, tujuan wang digunakan oleh individu dalam konteks parti<sup>143</sup> tertentu adalah untuk membeli pengaruh atau pengundi dengan tujuan untuk memperoleh kemenangan.<sup>144</sup> Wang digunakan oleh individu dan korporat, untuk menaja calon tertentu supaya calon berkenaan memperolehi kemenangan dalam pilihanraya dan pemilihan parti (Atory 1998: 245). Atau wang digunakan untuk mengekalkan jawatan yang sedia ada, merebut jawatan yang belum ada dan untuk menjatuhkan orang lain (Sulaiman 1990: 53).<sup>145</sup> Jika modal politik adalah wang,<sup>146</sup> sudah tentu individu berkenaan akan berusaha mencari keuntungan untuk melonggokan kewangannya.<sup>147</sup> Lantas politik sudah merupakan usaha dagang. Hakikatnya fenomena ini tidak dapat dielakkan oleh UMNO, yang sentiasa

<sup>143</sup> Kajian Hussain Mohamed tentang wang dan parti politik mendapati bahawa penggunaan wang dilakukan dalam tiga demensi, iaitu wang digunakan untuk membiayai urusan politik. Kedua; untuk keperluan kewangan bagi membolehkan aktiviti parti politik berjalan dengan baik dan ketiga; ahli dan tokoh dalam parti menggunakan wang dankekayaan untuk mendapatkan sokongan dan undian (Hussain 1996: 197-199). Dimensi pertama adalah sah dalam mana-mana pertubuhan politik. Berdasarkan *Election Offences Art 1954*; "...candidates for a parliamentary seat are permitted election expenses up to a maximum of RM50,000 each, while the maximum amount allowed for a candidate contesting a state seat is RM30,000..." (Gomez 1996: 81).

<sup>144</sup> Kemenangan yang sebenarnya adalah yang lahir dari politik yang matang, ianya berdasarkan isu-isu yang dibawa oleh calon-calon yang bertanding. Apakah pengalaman yang ada padanya, kebolehan dan budi bicaranya atau ketelusannya dan bukan terletak berapa banyak wang yang boleh diberi kepada kita (Aziz Zariza 1983: 117).

<sup>145</sup> Rentetan penggunaan wang adalah untuk membeli sokongan, mengusahakan supaya kekalnya kedudukan dan memperolehi mandat politik, memastikan pengaruh dapat dipertahankan, bahkan berupaya untuk mengnyahkan sebarang kemungkinan berlakunya persaingan politik (Hussain 1996: 4).

<sup>146</sup> Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain, amalan politik wang adalah lumrah kerana cara hidup masyarakatnya yang berasaskan teknologi dan industri yang menjadikan wang dan kebendaan sebagai ukuran hidup (M. Noor Azam 1980: 89).

<sup>147</sup> Ia bermula semenjak pemimpin menggalakkan, menghulurkan habuan kepada penyokongnya untuk sesuatu tugas, demi kursus politik, membawalah kepada menghadiahkan saham, wang tunai dan imbuhan lain (Rais Yatim 1996: 36).

menjadi sasaran kapitalis Melayu untuk mencari kepentingan ekonomi dan politik masing-masing.<sup>148</sup>

Unsur politik wang mula dikesan dalam UMNO pada tahun 1974, iaitu apabila Daim Zainuddin telah memberikan wang sebanyak RM 100.000 kepada UMNO untuk urusan pilihanraya tahun berkenaan(Fatini 1997: 40). Ketika itu Daim tidak terlibat dalam UMNO dan politik, tetapi beliau telah menggunakan pengaruh dan kedudukan Harun Idris dan Ahmad Razali Ali yang ketika itu sebagai Menteri Besar dan Exco Negeri Selangor untuk memenangi tander bagi mendapatkan tanah di antara Cheras dan Kampung Baru. Apabila beliau memenangi tander berkenaan dan menjadi jutawan dalam usia muda 34 tahun, beliau telah mengeluarkan wang yang banyak untuk survival perniagaannya.<sup>149</sup> Dalam kes Musa Hitam, beliau terpaksa menarik diri dari pertandingan jawatan Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1976 dengan alasan beliau tidak mempunyai wang dan harta serta tidak mempunyai apa-apa untuk dibahagikan (M. Noor Azam 1980: 87-88).<sup>150</sup> Satu jawatankuasa khas telah dibentuk bagi menyelidiki dakwaan Musa Hitam itu tetapi hasilnya tidak disiarkan kepada umum. Lewat tahun 1970-an seseorang yang tidak dikenal identitinya tetapi difahamkan dari UMNO pusat, sanggup keluar bandar untuk mencari perwakilan. Mereka ini telah meletakkan wang yang

<sup>148</sup> Selain menggunakan wang, beberapa perlakuan telah dikesan dalam kepimpinan UMNO iaitu menggunakan iklan dalam media, meninggalkan tugas resmi dan membawa rombongan melancang, mengaitkan tokoh-tokoh tertentu dalam kempen, salah guna jentera kerajaan, salah guna lawatan resmi dan salah guna kedudukan dalam kerajaan (MASSA 1996: 14).

<sup>149</sup> Siapa anda kenal adalah penting dalam perniagaan, jika seseorang peniaga menemui jalan buntu, andai dia kenal orang politik, mudahlah untuk meminta bantuan (Dayang Mahani 1997: 161-162)

<sup>150</sup> Beliau juga pernah menyatakan secara sinikal bahawa untuk berjaya sebagai tokoh politik terkemuka, perlulah terlebih dahulu seseorang itu memperkuuhkan kedudukan kewangannya (Musa Hitam 1992: 192).

terdiri dari beberapa keping lembaran RM50 di dalam sampul surat dan menyerahkan kepada perwakilan berkenaan supaya mengundi tokoh tertentu untuk jawatan tertinggi parti (Rahman Sulaiman Julai. 1997).<sup>151</sup> Pada tahun 1984, Rais Yatim yang menjadi Menteri Penerangan menyatakan seorang ahli politik dari bandar telah kembali ke kampung halamannya dan memberikan wang RM 1.200 kepada ketua kampung berkenaan dengan syarat beliau dilantik sebagai Ketua Cawangan UMNO kampung berkenaan (Crough 1986: 55). Jawatan Ketua Cawangan menjadi asas untuk ke Ketua Bahagian yang akan dipilih menjadi wakil rakyat (Crough 1997).<sup>152</sup> Terdapat kes di mana Ketua Bahagian membelanjakan wang sebanyak RM200.000, Timbalan Ketua Bahagian RM50.000 hingga RM100.000 dan AJK Bahagian mengeluarkan belanja sebanyak RM5.000 hingga RM10.000 (Atory 1996: 58). Mahathir pula menyatakan seorang pemimpin tempatan telah membelanjakan RM600.000 untuk merebut jawatan Ketua Bahagian (Crough 1986: 55). Seorang Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dari Selangor menyatakan bahawa pada tahun 1982 beliau menggunakan politik wang sebanyak RM 14.500 manakala pada tahun 1986 beliau mengeluarkan sebanyak RM 240.000 untuk membeli undi, tampil poster dan upah pekerja kempen pilihanraya tahun berkenaan (Fo'ad 1988: 87).<sup>153</sup>

---

<sup>151</sup> Rahman Sulaiman (Datuk). 1997, adalah Ahli Parlimen Parit Buntar. Temubual 22 Julai.

<sup>152</sup> Untuk menafikan kebenaran bahawa Ketua Bahagian berarti akan menjadi wakil rakyat adalah agak sukar kerana sudah menjadi amalan UMNO dalam pemilihan calon-calon pilihanrayanya. Sejauhmana budaya ini perlu dan terus diamalkan atau perlu dicari alternatif antara persepsi wakil rakyat dan Ketua Bahagian (Aziz Zariza 1983: 116).

<sup>153</sup> Penggunaan wang untuk tujuan pilihanraya tidak terbatas kepada calon UMNO sahaja tetapi bagi pengalaman seorang calon Bebas, Noriah Che Mod yang bertanding di Kota Kinabalu pada 1985, wang yang banyak juga diperlukan untuk tujuan berkempen. Biaya sepanduk sahaja mencecah RM30.000 dan biaya lain-lain mencecah RM100.000 hingga RM500.000 (Noriah 1996: 186). Dengan jumlah anggaran yang sedemikian tentu dapat digambarkan bahawa wang yang banyak diperlukan, oleh itu berbagai sumber perlu dicari untuk menang dalam pertandingan. Keadaan ini tentunya akan mengarah kepada politik wang.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1984, ketika Razaleigh menentang Musa Hitam selaku Timbalan Presiden, wang digunakan sehingga Musa Hitam selepas diisyiharkan menang telah menyatakan kepada penyokongnya bahawa beliau tidak sanggup lagi mencari wang bagi menghadapi Razaleigh (Zainuddin 1994: 168). Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1985, Naib Presiden, Ghafar Baba mendakwa “*...provided an indication of how high the stakes had risen when he disclosed that one aspiring politician was willing to spend RM600.000 in his bid for office...*” (Gomez 1994: 13).

Dalam perhimpunan Agung UMNO 1987, sewaktu Razaleigh menentang Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO wang telah digunakan oleh penyokong-penyokong untuk pertaruhan calon yang disabungkan.<sup>154</sup> Mahathir hampir kalah dengan undi yang tipis. Beliau telah menuduh pihak lawan menggunakan wang untuk menumbangkannya. Pada 10 Oktober 1993 di Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Kuala Trengganu, Mahathir menyatakan sewaktu beliau ditentang oleh Razaleigh dahulu sejumlah RM40 juta telah digunakan untuk merebut jawatan Presiden UMNO (Zainuddin 1994: 166).

Dalam Pemilihan 1987 juga, Rafidah Aziz mendakwa ada kumpulan yang menyogok wang sehingga RM10.000 kepada wakil wanita dari Pulau Pinang untuk menentang Mahathir yang mempertahankan jawatan presiden UMNO (Abu Hasan 1994: 148).

Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993, lembaran wang kertas RM1000 dan RM500 telah licin diborong dari Bank Negara oleh pihak-pihak yang hendak mengagih-agihkannya untuk tujuan membeli dan memancing undi. Di samping itu juga pemberian

---

<sup>154</sup> Pertaruhan atau perjudian sedemikian tentu akan mendorong sesiapa sahaja yang berkenaan menggunakan apa sahaja tektik dan cara yang dianggap dapat mengatasi lawan. Apa yang penting ialah kejayaanya mengalahkan calon yang menyainginya (Hussain 1987: 126).

jam tangan, telefon bimbit dan percutian ke tempat peranginan bermilai jutaan ringgit telah ditawarkan kepada perwakilan (Firdaus 1995: 22).<sup>155</sup>

Pada tahun 1995, terdapat dua kes politik wang yang dikesan iaitu seorang Ketua Cawangan UMNO Setiu, Trengganu mendapat tawaran RM30.000 untuk bertanding melawan Tengku Mahmud Mansor. Dan lebih mengejutkan lagi apabila Tajuddin Abdul Rahman,<sup>156</sup> seorang ahli UMNO telah membelanjakan RM6 juta untuk merebut jawatan Ketua UMNO Bahagian Pasir Salak (Ratnawati & Rashid 1995: 10), “...the best publicized case concerned a Perak businessman, later expelled, who was accused of spending up to RM6.000.000 in his bid for a divisional chairmanship...” (Liak Teng Kiat 1996: 229). Kedua-dua kes ini melibatkan jutawan yang berpengaruh yang sanggup menabur wang untuk memperolehi keuntungan dengan memiliki kuasa politik. Dalam tahun 1996, ADUN Palong, Kamaruddin Mohd. Din serta empat AJK UMNO Jempol, Harudin Tamby, Mahmud Roslan, Salim Sharif dan Sapie Jasban telah digantung keahlian kerana mengamalkan politik wang ketika menjelang Pemilihan UMNO pada bulan Oktober 1996 (MASSA 1996: 49). Dalam Perhimpunan Agung UMNO 9 Oktober 1996 politik wang terus diamalkan,<sup>157</sup> terutama untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO. Ahmad Zahid Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datoh dan seorang jutawan yang menjadi

<sup>155</sup> Pendekatan membawa rombongan keluar negara sebagai unsur politik wang dikatakan bermula pada 1985 “...even Mahathir had to speak out strongly in 1985 against the influence of money in the party, citing as examples those who had distributed cash to members to be voted in as divisional chairmen and others who offered expenses paid overseas trips in exchange for votes...” (Gomez 1996: 86).

<sup>156</sup> Seorang jutawan dari Perak, Beliau dipecat dari keanggotaan UMNO pada 1996 dan diterima kembali kepangkuan UMNO pada 1998. Kini beliau adalah pengasaskan Kolej Taj di Manong, Perak dan mula berjinak-jinak dengan kepimpinan UMNO pusat.

<sup>157</sup> Satu kajian telah dijalankan oleh sekumpulan pelajar dari UUM terhadap 106 ahli UMNO dari 3 bahagian di Kedah dengan tujuan untuk melihat apakah bentuk tawaran, bilangan yang menerima dan menolak tawaran semasa Pemilihan UMNO 1996 diadakan. Untuk keterangan lanjut sila lihat lampiran XXI.

pengerusi 200 buah syarikat ketika itu, didakwa telah menaburkan wang untuk memenangi jawatan berkenaan. Annuar Musa yang menduduki tempat kedua untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO mendakwa pada malam sebelum pengundian, semua perwakilan dari sebuah hotel dilarang meninggalkan hotel berkenaan untuk tujuan memancing undi.<sup>158</sup> Dalam hal ini memang Mahathir sukar membuktikan bahawa Zahid menggunakan wang untuk kemenangannya.<sup>159</sup> Tetapi oleh kerana terdapat unsur-unsur politik wang yang berlaku, walau pun pada kebiasaannya Ketua Pemuda dilantik menjadi Menteri Kabinet tetapi beliau tidak diberikan sebarang jawatan dalam kabinet baru. Tindakan Mahathir ini boleh dilihat sebagai konsikuen beliau terhadap amarannya sejak 1993, bahawa mana-mana pihak yang mengamalkan politik wang, mereka akan menerima akibatnya. Dalam konteks ini Zahid menjadi mangsanya.

Fenomena di atas menunjukkan bahawa gejala politik wang yang berlaku nampaknya menjadi budaya dalam amalan kepimpinan UMNO. Terdapat dua pihak yang saling berhubungan yang telah mencorak sistem politik dalam UMNO sehingga terjadinya sedemikian. Iaitu ahli UMNO sendiri yang berusaha merebut jawatan dalam UMNO, mereka ini akan menggunakan pengaruh, wang dan sumber-sumber yang boleh diperlakukan untuk meraih kejayaan dan seterusnya memperolehi kuasa politik. Melalui kuasa politik, mereka akan berusaha pula untuk memanipulasi apa sahaja sumber untuk

<sup>158</sup> Lihat wawancara TV3 dengan beliau selepas pemilihan Jawatan Ketua Pemuda UMNO diketahui.

<sup>159</sup> Beliau sebenarnya kecewa dengan tokoh kesayangannya yang kalah dalam pemilihan 1996 iaitu Rahim Tamby Chik dan Rafidah. Hal ini dinyatakan "...Mahathir condemned the corruption of UMNO candidates and delegates at the assembly. Yet he had long defended such supporters as Rahim and rafidah, even as they underwent investigations for their own alleged corruption..." (Case 1997: 406)

melonggokkan kekayaan peribadinya sebanyak yang mungkin.<sup>160</sup> Ketika ini mereka juga akan dikelilingi oleh elit ekonomi yang mempunyai tujuan yang sama. Pihak kedua ialah golongan peniaga atau korporat Melayu yang tidak terlibat dalam perebutan jawatan dalam parti tetapi mengambil kesempatan dari perebutan jawatan untuk menyokong aktor politik. Bagi Mereka yang menguasai ekonomi dan perniagaan tetapi jika tidak ada kuasa politik yang melindunginya perniagaan yang sebesar mana pun akan runtuh akhirnya. Dengan demikian mereka sanggup mengeluarkan wang berjuta ringgit untuk keperluan calon sokongan mereka dan apabila menang dengan hanya dua kontrak kerajaan sahaja mereka akan mendapat lebih RM500 juta (Ratnawati & Rashid 1995: 11). Tetapi perlindungan ini bukan sebagai "*patronage and client*", mereka tidak terikat dengan kuat kepada seseorang penaung malah tidak pula menuntut kesetiaan dan ketiauan terhadap penaung berkenaan. Mereka memerlukan elit politik ketika untuk mendapatkan sesuatu kepentingan, jika elit yang disokong itu sudah tidak berpotensi dalam masa depan politiknya bermakna sudah tidak ada peluang untuk memperolehi keuntungan, elit ekonomi ini akan mencari elit politik yang lain pula untuk disokong. Dengan keterkaitan yang sedemikian pasti sukar untuk membendung politik wang dalam UMNO yang semakin membudaya kini.<sup>161</sup>

---

<sup>160</sup> Disebabkan kuasa politik berada ditangan seseorang pemimpin, dan usaha perniagaan telah berjaya, dengan demikian telah berlaku percantuman hubungan antara ahli politik dan ahli perniagaan. Sehubungan dengan itu satu penumpuan kuasa politik dan kekayaan di tangan satu kelompok elit akan semakin terserlah (Gomez 1990: 190).

<sup>161</sup> Mahathir menyatakan bahawa politik wang sukar dibendung kerana banyak orang yang bercakap mengenainya tetapi mereka sendiri menggunakan sebagai kuasa untuk mengejar cita-cita. Mereka yang melakukannya adalah antara orang yang bercakap mengenai keburukan politik wang itu sendiri (Firdaus 1995: 23). Kenyataan ini bermaksud beliau sendiri termasuk dalam pengamal politik wang yang konsisten. Seperti ditegaskan oleh Tunku, Dr Mahathir serta BN telah menggunakan politik wang yang banyak untuk menangi Pemilihan UMNO 1987 dan pilihanraya 1990 (Yusuf Harun 1991: 308).

## 5.6 Eksistensi Kronisme Dalam Politik Melayu.

Kejayaan kerajaan dalam memainkan peranannya untuk menangani masalah kemunduran sosio-ekonomi orang Melayu melalui DEB, tidak dinafikan telah memacu orang Melayu ke tahap yang memberangsangkan dalam aspek berkenaan.<sup>162</sup> Melalui campur tangan kerajaan dan dengan dasar-dasar yang diperkenalkannya, ianya telah berjaya melahirkan sekelompok korporat atau ahli perniagaan Melayu yang berjaya,<sup>163</sup> “...although a small number of new Malay businesspeople seemed to have genuine entrepreneurial abilities, virtually all the big Malay tycoons depended heavily on their connections with politicians...” (Crough 1996: 216). Malah mampu pula menandingi golongan korporat asing di Malaysia.<sup>164</sup> Tidak dinafikan juga bahawa ramai di kalangan peniaga Melayu yang berjaya adalah berasal dari keluarga mereka yang sudah lama berkecimpung dalam bidang perniagaan (Popeneo 1970). Kejayaan menghasilkan korporat dan ahli peniagaan Melayu yang berjaya ini telah mewujudkan kelas kapitalis yang memonopoli kekayaan dan kuasa secara beriringan.<sup>165</sup>

Dalam usaha kerajaan untuk menghasilkan golongan peniaga Melayu yang berjaya, kemunculan mereka ini dianggap sebagai produk DEB, lebih banyak

<sup>162</sup> DEB diakui sebagai satu manifestasi dari kesungguhan dan kekuatan azam politik kerajaan, para pemimpin dan teknokrat Melayu dalam usaha untuk menyelesaikan masalah sosio-ekonomi orang Melayu (Firdaus 1991: 70).

<sup>163</sup> Kita mungkin berbangga kerana mendapat banyak orang Melayu telah menjadi tokoh korporat tetapi hakikatnya mereka tidaklah bermula dari bawah seperti kaum lain (Ungku Aziz 1997: 4).

<sup>164</sup> Dasar kerajaan telah memberikan peluang perniagaan kepada orang Melayu, tetapi naungan kerajaan juga yang akan menentukan siapa yang mendapat peluang tersebut (Crough 1986: 56).

<sup>165</sup> Ada yang beranggapan bahawa politik dan perniagaan itu perlu seiring kerana faktor semulajadi, semua orang dan negara melakukan sedemikian. Tetapi hakikatnya tidak sedemikian, sebahagian elit politik yang bertindak begitu memaksa amalan itu supaya dibenarkan.

mengundang gejala negatif dalam UMNO. Mereka dari kelas istimewa yang telah mengaut faedah besar dari dasar pelajaran misalnya, iaitu salah satu dasar penting selepas merdeka. Ini mewujudkan suatu lapisan yang merasa terhutang budi dan seterusnya akan menyokong pemerintah (Jomo 1988: 307).<sup>166</sup> Dengan peranan kerajaan untuk melahirkan kelas kapitalis Melayu,<sup>167</sup> melalui campur tangan kerajaan, maka telah muncul amalan kronisme. Kronisme yang diamalkan ini membuka peluang untuk mengaut kekayaan dan kemewahan dengan seluasnya (Syed Husin 1999: 56). Amalan ini apabila dilakukan secara konsisten maka ianya menjadi budaya dalam UMNO.<sup>168</sup> Gomez tidak merujuk secara lansung dengan etimologi kroni tetapi dapat diklasifikasikan kroni itu sebagai pilih kasih melalui naungan kerajaan dan naungan politik (Gomez 1990: 187-189). Yoshihara Kunio mengatakan bahawa kroni itu adalah peniaga-peniaga sektor swasta yang telah mendapat faedah besar daripada hubungan erat mereka dengan pemimpin negara (Yoshihara 1995: 84). Amalan mengutamakan rakan-rakan secara keterlaluan tanpa menimbang kelayakan mereka juga dikatakan sebagai kroni (Ahmad Azam 1998: 60-63). Hussain Mohamed melihat kronisme sebagai kroni-kroni atau sahabat handai yang terlibat dalam dunia korporat, melalui pemberian peruntukan atau peluang pemilikan saham dalam bentuk pelaburan tertentu kepada anggota, anak-beranak, keluarga pemimpin dan tokoh-tokoh politik (Hussain 1999: 24). Secara umumnya kroni dapat dikatakan sebagai sikap mengutamakan rakan untuk diberikan

<sup>166</sup> Tun Razak misalnya, menyebut kerajaan berkeinginan untuk mewujudkan kelas menengah Melayu tetapi bukan mewujudkan golongan elit (Milne 1976: 259).

<sup>167</sup> Jika kerajaan ingin menambah bahagian kekayaan bumiputera, cuma satu usaha sahaja yang berupaya untuk mencapainya iaitu dengan cara melalui kapitalisme pemerintah (Moore 1975: 56).

<sup>168</sup> Dalam konteks politik Malaysia hari ini isu kronisme ini dianggap sensitif kerana ianya melibatkan peribadi kepimpinan tertinggi UMNO dan mereka yang duduk dalam hirarki kepimpinan UMNO.

kepada mereka faedah yang boleh dimiliki. Kroni secara umum menunjukkan hubungan kenalan menjadi kretaria utama melakukan tindakan pemilihan calon, kenaikan pangkat, kontrak, lesen, tender atau anugerah tertentu. Tindakan ini dikatakan sebagai faktor informal, manakala tindakan yang mengikut prosedur dan tatacara birokrasi digolongkan sebagai faktor formal (Boissevain 1978). Dalam dimensi politik kroni, pembinaan pakatan atau gabungan berasaskan kepentingan sangat relevan. Kepentingan tertentu gabungan disatukan antara parti dengan parti atau dengan individu dan kelompok tertentu. Dampak dari perubahan kepentingan, akan terjadi pula perpecahan dalam gabungan. Anggota dari satu gabungan akan menjadi ahli gabungan lain kerana pilihan rasional atau untuk memenuhi kepentingannya (Nidzamuddin !993: 8). Dalam konteks sub judul ini, kroni merujuk kepada sikap kepimpinan UMNO yang mengamalkan pilih kasih dalam mengagihkan peluang ekonomi kepada rakan terdekat yang kemudiannya amalan kroni itu akan mendatangkan faedah pula kepada pemimpin UMNO berkenaan.

Sebelum 1980-an, amalan kroni belum dikesan berlaku dalam UMNO. Keadaan ini kerana kerajaan masih berada di tahap percubaan untuk membantu perekonomian Melayu. Kepimpinan ketika itu tidak meletakkan sasaran penglibatan kerajaan secara aktif dalam membantu peniaga Melayu. Walaupun Razaleigh telah diberi kepercayaan untuk menerajui Fleet Holdings, tetapi beliau dapat memisahkan antara politik dan perniagaan. Beliau telah menggunakan tenaga profesional dan berpengalaman dalam bidang perniagaan untuk menguruskan syarikat milik UMNO, di samping dengan campur tangan politik secara minima (Fo'ad 1988: 77). Sewaktu membeli Bian Chong Bank (

kemudian ditukar kepada *Bank of Commerce*), Razaleigh telah melantik Junus Sudin sebagai pentadbir perniagaan berkenaan. Ketika itu kepimpinan UMNO masih terpisah dengan dunia perniagaan walau pun dalam UMNO dibenarkan sistem pemegang amanah dijalankan.<sup>169</sup> Bermula pada awal 1980-an, keadaan ini telah berubah apabila aktor yang berada dalam sistem pemegang amanah turut terlibat dalam bidang perniagaan (Gomez 1990, 1991, 1993, 1994, 1996, & 1997, Searle 1999). Mereka akan menggunakan kesempatan dari kuasa yang ada untuk mengembangkan pengaruh dan dalam masa yang sama mencari peluang perniagaan, “...one hand the transition of politicians or former politicians to business is largely as a result of their own political standing or connections, while that of UMNO's proxy capitalists is due, at least initially to their position as trustees of UMNO's corporate assets...” (Searle 1999: 128). Amalan yang lazimnya berlaku dalam aktiviti perniagaan menular ke dalam amalan berpolitik seperti kronisme, nepotisme yang mementingkan rakan, keluarga dan keuntungan (Atory 1997). Penglibatan secara langsung anggota sistem pemegang amanah ini telah menimbulkan berbagai implikasi politik yang antaranya telah mengundang unsur-unsur pemimpin yang mementingkan perniagaan mereka dan kroninya.<sup>170</sup>

Dalam kes pembelian saham-saham NST oleh Fleet Holdings yang dimiliki oleh Daim dan rakan-rakannya, mereka telah mendapat keuntungan atas angin sebanyak RM

<sup>169</sup> Sistem pemegang amanah dibenarkan oleh pendaftar syarikat. Dalam konteks UMNO, MT telah menurunkan kuasa pemegang amanah kepada Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha dan Bendahari UMNO (Fo'ad 1988: 45).

<sup>170</sup> Keadaan ini akan mengwujudkan "...political party holdings have now been officially wound down, but the shares have been transferred to groups or individuals with close links to UMNO..." (Southall 1997: 17).

26.46 juta. Ini terjadi kerana saham-saham berkenaan pada mulanya hanya bernilai RM1.30 dan RM1.80 seunit, tetapi telah dijual dengan RM3.00 seunit (Fo'ad 1988: 79). Apabila aktor yang berada dalam sistem pemegang amanah peringkat kepimpinan UMNO turut terlibat dalam bidang perniagaan, wujud pula sistem proksi, iaitu dengan melantik kroni untuk mewakili kepentingan tokoh politik tertentu, “...it appears that the other UMNO leaders, through their own business proxies, are developing their own business interest, including separate corporate bases...” (Gomez 1994: 45). Walaupun proksi secara hakikatnya bukanlah pemilik dan penguasa sebenar dalam sesebuah perniagaan yang diamanahkan kepadanya, tetapi amalan sedemikian akan cenderung menjurus kepada amalan kroni yang secara sedar mulai tumbuh dalam UMNO.<sup>171</sup> Amalan kroni jelas wujud di era Mahathir dengan ditunjangi oleh beberapa latar belakang. Beliau memang bercita-cita untuk membentuk sejumlah jutawan Melayu sebagaimana tersirat melalui kritikan beliau dalam buku Dilema Melayu.<sup>172</sup> Kesempatan menjadi pemimpin UMNO telah digunakan sebaiknya untuk memenuhi idea beliau yang sebelum ini dianggap kontroversi oleh Tunku. Dalam tindakan ekonominya, Mahathir lebih mengutamakan kelas elit yang telah berjaya dalam perniagaan untuk terus dibantu (Wan Rahman 1998).<sup>173</sup> Mahathir berpendapat bahawa untuk memastikan saham orang Melayu berada di tangan orang Melayu caranya dengan memberikannya kepada orang Melayu yang paling berkebolehan untuk mengendalikannya, iaitu yang

<sup>171</sup> “...While UMNO's business trustees and proxies were identifiable in the 1970s and early 1980s, the case was no longer as straight forward in the late 1980s, especially since UMNO's main corporate assets are no longer under the legal jurisdiction of the party...” (Gomez 1994: 157).

<sup>172</sup> “...Jika segelintir orang Melayu tidak kaya, nescaya orang-orang Melayu yang miskin juga tidak akan menikmati untungnya... peniaga Melayu yang kaya inilah diharapkan akan dapat menyumbangkan modal dan pengetahuan yang boleh didapati di kalangan orang Melayu ...” (Mahathir 1982: 53).

<sup>173</sup> Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif. 1998, seorang Pensyarah Politik Malaysia di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pakar teori dan ekonomi politik Malaysia Temubual. 8 Julai.

dimaksudkan adalah golongan kaya dengan demikian satu kumpulan kapitalis baru mesti dibentuk (Gomez 1990: 187).<sup>174</sup> Dasar penswastaan adalah contoh terbaik untuk melihat bagaimana amalan kroni dilakukan oleh kepimpinan UMNO, “...privatisation, part of Malaysia's liberalisation package, appears to have been especially abused for the development and consolidation of politically linked business...” (Gomez & Jomo: 178). Di mana pada tahun 1983 misalnya, Fleet Holdings diberikan lesen untuk mengoperasikan TV3, Hatibudi pula telah diberikan tender untuk Projek Lebuhraya Utara Selatan yang bernilai 3.4 bilion (Crough 1996). Pemberian tander UEM ini kepada Hatibudi telah mengundang kontroversi yang dibangkitkan oleh Lim Kit Siang kerana telah memberikan keuntungan kepada kroni pemimpin UMNO.

Masalah kroni semakin menjadi budaya dalam UMNO apabila kemasukan Daim ke dalam kepimpinan UMNO.<sup>175</sup> Beliau merupakan jutawan<sup>176</sup> yang dibawa masuk oleh Mahathir ke dalam kepimpinan UMNO dan perkembangan seterusnya memperlihatkan beliau menggunakan pula kesempatan atas kedudukannya untuk memanipulasi kepentingan perniagaannya. Daim dianggap mempunyai hubungan yang paling baik dengan Mahathir yang turut memperkuat berlakunya campur tangan kerajaan dalam melahirkan sejumlah besar kapitalis Melayu (Yoshihara 1995: 94). Kenaikan beliau yang mendadak dalam politik dan korporat berlaku hasil hubungan yang rapat

<sup>174</sup> Usaha awal kerajaan untuk membentuk satu kelas kapitalis Melayu dapat dikaitkan dengan keputusan usul yang pernah diutarakan oleh kepimpinan UMNO terdahulu (Jomo 1988: 286).

<sup>175</sup> Peranan beliau seterusnya dilihat sebagai "...groomed a group of young Malay managers, mostly qualified accountants in their early thirties, who played important roles in the management and growth of UMNO's corporate investment (Searle 1999: 135).

<sup>176</sup> Daim dianggap orang Melayu paling kaya di Malaysia untuk tahun-tahun 1982 (ASWJ 1982: 24-25), 1984 (ASWJ 1984), 1986 (ASWJ 1986: 26-27).

dengan Mahathir (Gomez 1990: 41). Diakui Daim telah melahirkan beberapa jutawan Melayu yang berkebolehan yang akan menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai orang Melayu dalam dunia perniagaan. Jika dahulu orang Melayu jauh ketinggalan dalam bidang perniagaan tetapi di era Mahathir, dengan dibantu oleh Daim peluang yang ada telah diberikan kepada orang Melayu melalui bantuan kerajaan (Fatini 1997: 124),

*“...while Mahathir's desire for bumiputera capitalist development may have inspired this trend, Daim has shown the way... his become a corporate player of some repute before his ministerial appointment, and many conglomeratisation exercises in the 1989s, especially those involving UMNO assets, seem to bear his mark...”*(Gomez 1991: 16).

Bagi ahli perniagaan yang ingin menggunakan kesempatan hubungan dengan elit politik<sup>177</sup> ianya akan membolehkan mereka berpeluang untuk mendapat keuntungan dari segi ekonomi, dengan dilantik sebagai proksi atau pemegang amanah (Gomez & Jomo 1997).<sup>178</sup> Di sisi lain kesempatan tersebut dianggap sangat penting kerana “... influential business elit were also exerting pressure on the political leadership for greater business opportunities...” (Searle 1999: 103). Meski pun mereka tidak berkuasa penuh tetapi hubungan dengan elit politik yang dijalin akan menjadikan mereka lebih rapat dengan elit berkenaan. Elit ekonomi atau kapitalis yang berusaha mewujudkan hubungan dengan kerajaan untuk kepentingan perniagaan boleh dipanggil pengaut sewa (*rent seekers*) kerana mereka pada hakikinya mencari peluang untuk menjadi penerima sewa

<sup>177</sup> Hubungan tidak semestinya terhadap parti yang kuat sahaja tetapi boleh juga melalui parti yang lemah seperti menurut Tornquist “...personal relationship between the stronger and weaker parties are necessary for appropriation of rents. The weaker party has to turn to specific powerful individuals in order to reproduce his position. The stronger party has to turn to specific individuals who need what he can offer in order to uphold his power and to be able to appropriate rent...”(Tornquist 1990: 37).

<sup>178</sup> Mereka yang mempunyai pengaruh kuat dari kepimpinan UMNO akan memperolehi keuntungan besar dari pemberian untuk projek seperti harta tanah, kontrak, pembinaan, saham (Crough 1986: 56).

yang diberikan kerajaan melalui penjualan sumbernya, tawaran perlindungan, pengeluaran kebenaran bagi aktiviti jenis tertentu yang dikawalnya (Yoshihara 1995: 81). Hubungan sedemikian akan dijadikan batu loncatan untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan yang lumayan, “...most of whom believed that links with UMNO leaders were essential for business success...” (Crough 1996: 115). Misalnya Junus Sudin, Mohd. Desa Pachi yang menjadi proksi dalam Fleet Holdings, mereka juga kemudiannya menjadi pengarah dalam syarikat awam lain (Gomez 1990: 189). Begitu juga dengan Halim Saad dari Hatibudi, Azman Hashim dan Ibrahim Mohamed yang turut menjadi pengarah kepada syarikat awam tersenarai. Dalam kes pemberian saham UEM kepada Hatibudi yang menjadi isunya ialah kerana Daim telah memberikan tander tersebut kepada kroninya iaitu Halim Saad yang pernah dididiknya sewaktu di Paremba dahulu. Selain Halim Saad, “...Wan Azmi Wan Hamzah, Razali Rahman a numbers of his close associates have figured prominently... apart from the fact that all these men had worked with Daim in Paremba...” (Gomez & Jomo 1997: 55).

Banyak lagi kes-kes amalan kroni dalam pemberian saham, tender dan keuntungan ekonomi lain oleh UMNO,<sup>179</sup> Untuk analisis ini memadai dengan mengambil beberapa kes yang relevan yang mewakili tahun 1980-an hingga pertengahan 1990-an. Pada penghujung 1990-an amalan kroni ini tidak dapat lagi disembunyikan oleh UMNO bahawa mereka memang pengamal yang konsisten. Isu kroni ini menjadi tumpuan kerana ianya ada kaitan dengan kejatuhan Soeharto pada Mei 1998, yang

---

<sup>179</sup> Untuk melihat secara terperinci kaitan antara elit politik dan elit ekonomi dalam kepentingan ekonomi sila lihat (Gomez (1990, 1991, 1994,), Gomez & Jomo (1997), Peter Searle (1999).

dikaitkan dengan amalan kronisme, korupsi dan nepotisme (KKN). Pada era Soekarno, kronisme belum tumbuh, tetapi ianya subur ketika Soeharto. Selama 32 tahun pemerintahannya, Soeharto didakwa telah menolong memperkayakan sahabat handainya dengan menggunakan harta dan kekayaan negara (Samad Ismail 1998: 4). Angin kronisme dan reformasi di Indonesia melanda negara ini. Isu kroni ini telah dibangkitkan oleh Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agung UMNO 1998 (MASSA 1998: 31). Beliau mengatakan kronisme wujud dalam UMNO apabila agihan kekayaan diberikan dikalangan rakan-taulan dan saudara-mara.<sup>180</sup> Zahid dianggap berani kerana mengkritik kepimpinan UMNO. Tetapi media yang berkepentingan menganggapnya sebagai “Pak Turut dan bebal”, yang dianggap oleh Mahathir dan kroninya sebagai serangan terhadap usaha-usaha untuk menjatuhkannya (Syed Husin 1998: 13-14). Sedangkan Zahid sendiri turut mendapat faedah dari kedudukannya kerana “...*his also the Deputy Chairman of Kretam Holdings, is controlled by UMNO youth...*” (Gomez & Jomo 1997: 146). Mahathir telah mengeluarkan senarai penerima saham, tender, lesen dan sebagainya yang dianggap lengkap melalui akhbar-akhbar arus perdana.<sup>181</sup> Senarai yang panjang untuk tempoh 1993-1997 itu memuatkan 285 projek yang dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu 171 mendapat kelulusan penuh dan 114 mendapat kelulusan prinsip (MASSA 1998: 30). Kerajaan kononnya bersikap telus dengan mengumumkan senarai mereka yang mendapat projek penswastaan tetapi senarai itu tidak lengkap dan masih ada maklumat yang disembunyikan. Pendedahan senarai itu jika membawa kepada pendedahan lebih banyak maklumat merupakan langkah yang baik (Jomo 1998). Salah satu sebab Pernoda

<sup>180</sup> Sila lihat petikan ucapan Zahid dalam (MASSA 1998:33).

<sup>181</sup> Untuk keterangan lanjut sila lihat Mingguan Malaysia. 1998. 21 Jun: 2, 10, 11, 14. Dan Utusan Malaysia 1998. 22 Jun: 4, 12, 20, 24 - 28).

dan kepimpinan UMNO gagal menyelesaikan isu kronisme kerana kebanyakan dari mereka turut berkepentingan (Jomo 1998: 25).

Amalan kroni dalam UMNO teserlah apabila Anwar Ibrahim dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 22 September 1998 dan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 3 September 1998.<sup>182</sup> Anwar mendakwa Mahathir mengamalkan sikap kroni dan nepotisme dalam mengagihkan kekayaan negara dengan menguasai berpuluh syarikat sebagai pemilik atau pengarah (Syed Husin 1999: 56). Dalam menyenaraikan penerima saham pada Jun 1998, nama Nazri Abdullah, Kadir Jasin, Khalid Ahmad dan Mohd. Nor Mutalib tidak dimasukan sedangkan mereka adalah kroni Mahathir dan beliau turut mempunyai kepentingan dalam MRCB, Real Mild dan Konsortium Perkapalan. Sebelum MRCB diserahkan kepada keempat tokoh korporat berkenaan, “...on MRCB's board of directors during this reverse takeover was Wan Azmi Wan Hamzah (as Chairman) and Mirzan Mahathir...” (Gomez 1994: 135). Amalan ini terserlah ketika negara dilanda gawat politik dan ekonomi. Mahathir telah wang Petronas untuk menyelamatkan Konsortium Perkapalan milik anaknya sebesar RM 2 bilion (Anwar 1998: 13), “...one of these corporations which had accumulated huge debts was Konsortium Perkapalan, a shipping firm associated with Mirzan, the Prime Minister's son (Chandra 1998: 236). Beliau juga didakwa menggunakan Dana Harta dan Dana

---

<sup>182</sup> Anwar telah mengariskan pemecatannya atas beberapa faktor. Antaranya kelantangan beliau untuk membentras kronisme dalam UMNO, Akta Rasuah yang diluluskan ketika memangku jawatan PM. Melalui Akta Rasuah ini mana-mana pengamalnya boleh didakwa walaupun sudah 10 tahun kes berkenaan dilakukan, ketegasan beliau untuk tidak menyelamatkan mana-mana korporat yang tidak cekap tanpa pilih kasih, ketegasannya untuk menghentikan projek Bakun, Linear City dan Putrajaya Fasa berikutnya, teguran terhadap amalan kronisme dan nepotisme Mahathir dalam usaha beliau untuk menyelamatkan Konsortium Perkapalan milik Mirzan dan mengarahkan Badan Pencegah Rasuah membuka semula fail-fail rasuah Rafidah, Rahim, Eric Chia yang mana mereka selama ini dilindungi oleh Mahathir (Anuar 1999: 5-13).

Modal untuk menyelamatkan Tajudin Ramli,<sup>183</sup> yang hampir muflis kerana Malaysian Airline System menanggung hutang bank sebanyak RM800 juta (Gomez 1993). Melalui dana tersebut beliau turut menyelamatkan Halim Saad, tuan punya Renong yang hampir muflis. Selain dua jutawan ini diselamatkan, yang dianggap kroni Mahathir, “...*the prominent new capitalist linked to UMNO leaders include Wan Azmi Wan Hamzah, Samsudin Abu Hasan, Ahmad Sebi Abu Bakar...*” (Gomez & Jomo 1997: 121). Melalui amalan kronisme ini, tidak kurang dari 50 keluarga telah menjadi kaya raya (Syed Husin 1999: 56). Di samping amalan kroni terhadap elit ekonomi yang dilakukan oleh Mahathir, Anwar juga mendedahkan sikap kronisme terhadap elit politik UMNO yang ada kaitan dengan perekonomian.<sup>184</sup> Mahathir didakwa melindungi kes-kes rasuah terhadap Rafidah Aziz, Megat Junid, Daim dan Rahim Tamby Chik yang merupakan kroninya (Anwar 1999: 7-8).

Mahathir tidak pula berdiam dengan dakwaan Anwar tersebut, beliau mengatakan bahawa kerajaan akan terus mengamalkan dasar kronisme dalam usaha membantu orang Melayu yang terjejas kesan daripada kegawatan ekonomi walaupun tindakan tersebut tidak disenangi oleh banyak pihak (Utusan Malaysia 1999: 2). Apabila melihat senarai

<sup>183</sup> Penggunaan kedua-dua Dana ini dianggap tidak memihak kepada rakyat tetapi lebih melindungi konglomerat sahaja (Alfitra 1998: 30).

<sup>184</sup> Dalam konteks kronisme politik, tindakan-tindakan Mahathir dianggap memperkuatkan dakwaan berkenaan. Antaranya beliau telah melantik Sanusi Joned sebagai Menteri Besar Kedah walaupun beliau telah kalah dalam pemilihan Ketua Bahagian serta ditolak oleh sebahagian besar ADUN. Mengelakkan Rafidah Aziz sebagai Menteri Penuh walaupun kalah dalam mempertahankan jawatan Ketua Wanita UMNO sebaliknya lambat melantik Zaharah Sulaiman sebagai menteri walaupun menang dalam jawatan Ketua Wanita UMNO. Menerima kembali Mohamad Mohd. Taib ke dalam MT walaupun beliau menghadapi masalah moral. Melantik Ibrahim Ali sebagai Tim. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri walaupun tidak pernah menang dalam pilihanraya sejak 1995. Menerima Mokhtar Hashim sebagai anggota UMNO (kini Bendahari UMNO Bahagian Tampin) walaupun telah disabitkan kesalahan jenayah berat (membunuh). Tindakan ini bukan semata berkembangnya budaya kronisme dalam UMNO tetapi turut mengembangkan kepincangan budaya telus yang dicanangkan oleh UMNO sendiri.

yang dipaparkan kepada umum, ianya turut menjelaskan bahawa Kroni Anwar juga mendapat faedah yang sama daripada agihan kekayaan negara. Nama-nama seperti Kamaruddin Jaafar, Kamarudin Mohd. Nor, Rustam Sani, Rahim Gause, Zahid Hamidi, Ruslan Kassim, Afifuddin Omar, Ibrahim Saad adalah diantara yang mendapat bahagiannya. Pada Perhimpunan Agung UMNO 1999, yang boleh dianggap “sampah” itu telah dijadikan medan ‘agenda membelasah’ Anwar habis-habisan dari semua sudut. Bermula dari ucapan Presiden hingga kepada pantun seloka perwakilan turut menghukum psikologi Anwar tanpa henti. Segala keburukan Anwar didedahkan satu persatu di perhimpunan tersebut kecuali kes rasuah yang sedang dibicarakan di mahkamah.

Dalam melihat kes Anwar-Mahathir, kedua-duanya cuba mempertahankan status quo terhadap amalan kronisme masing-masing (Wan Rahman 1998). Apa yang menarik ialah dakwaan pihak luar dari UMNO yang selama ini mengatakan UMNO mengamalkan kronisme dalam pengagihan kekayaan negara sentiasa ditolak oleh kepimpinan UMNO. Namun, hakikat yang sukar dinafikan lagi ialah apabila bekas Timbalan Presiden UMNO sendiri telah mendedahkan keadaan yang sebenarnya maka ia dapat dipercayai kebenarannya.<sup>185</sup> Kebenaran itu bukan semata wujudnya kronisme tetapi anak-anak Mahathir seperti Mokhzani, Mirzan dan Mukhriz turut membuktikan adanya amalan nepotisme dalam UMNO (MASSA 1998: 31). Tindakan Mahathir membala dakwaan

---

<sup>185</sup> Mahathir dengan berterus terang mengatakan "... kita mengaku kepada seluruh dunia bahawa kita pilih orang untuk diberikan kontrak, tak ada tender... kita beri kepada kontraktor Melayu sebab mereka lebih tertekan semasa ekonomi gawat... kerajaan akan amalkan kronisme, pilih kawan-kawan sahaja untuk mendapatkan projek. Kita akan tolong kawan walaupun seluruh dunia mengecam..." (Utusan Malaysia 1999: 2)

Anwar lebih menyerlahkan lagi kesahihanya bahawa budaya kronisme dalam UMNO memang wujud. Sejauh ini, sukar untuk mempercayai ketelusan kepimpinan politik UMNO dalam menjalankan amanah rakyat. Tindakan dan cara untuk membendungnya sukar diambil jika yang melakukan amalan berkenaan adalah yang melibatkan kepentingan masing-masing (Rais 1996: 15). Dalam keadaan ini jelaslah bahawa UMNO telah dijadikan alat untuk kepentingan tertentu oleh ahli korporat (Mingguan Malaysia 1996: 7). Keadaan sebenar akan kelihatan juga apabila terjadi perselisihan dan polimik dalam kepimpinan UMNO.<sup>186</sup> Jika amalan kronisme tidak dibendung ianya akan mewujudkan jenjang kelas sosial yang ketara dalam masyarakat. Amalan sedemikian akan mewujudkan taraf hidup beberapa kerat jutawan yang telah meningkat, sedangkan kemunculan sebilangan mereka tidak dapat menyelesaikan masalah besar seperti kemiskinan yang menjadi harapan orang Melayu (Syed Husin 1979: 116). Jika terjadinya hal sedemikian maka matlamat penyusunan semula masyarakat belum berhasil dilaksanakan.<sup>187</sup> Situasi ini nampaknya bertepatan dengan ramalan Thillainathan bahawa walaupun 30 persenkekayaan sektor syarikat akan dimiliki oleh orang Melayu menjelang 1990-an, tetapi kebanyakan kekayaan tersebut tertumpu di tangan segelintir elit Melayu sahaja (Jomo 1988: 309).<sup>188</sup>

---

<sup>186</sup> Ketika Anwar masih berkuasa, beliau mengakui akan terus memberi sokongan kepada dasar kerajaan untuk membangunkan syarikat Melayu termasuk warga korporat Melayu (Anwar 1998: 1).

<sup>187</sup> Kegagalan menyusun semula masyarakat kerana pengamalan konsep ekonomi bebas yang boleh mewujudkan sebilangan kecil kapitalis Melayu yang jauh lebih besar pendapatannya (Syed Husin 1979: 115)

<sup>188</sup> "...Thus while the bumiputra corporate shareholding figure in 1990 was considerably short of the NEP's 30% target, actual bumiputra corporate power is probably underestimated by these figures because of the strategic nature of bumiputra shareholding..." (Gomez & Jomo 1997: 179).

### **5. 7 Manifestasi Dinamisme Dalam Dimensi Krisis Kepimpinan UMNO.**

Jika ditinjau dalam mana-mana pemerintahan yang pernah berkuasa di negara mana pun, salah satu aspek yang tidak dapat lari dari pemerintahan tersebut ialah adanya krisis kepimpinan atau dikenali juga ‘krisis dalaman’.<sup>189</sup> UMNO juga tidak lari dari mengalami krisis dikalangan pemimpinnya. Di bawah sub judul ini akan ditelusuri dengan menganalisa beberapa krisis yang pernah berlaku di dalam UMNO.<sup>190</sup> Krisis kepimpinan UMNO yang dimaksudkan ialah krisis yang pernah terjadi dikalangan pemimpin peringkat tertinggi parti yang merujuk kepada era Tunku, Tun Razak, Hussein Onn dan Mahathir. Apa yang akan ditinjau ialah, faktor krisis dan bagaimana krisis berkenaan berpengaruh kepada perubahan sistem sosio-politik Melayu.

Era Dato’ Onn, tidak ada krisis kepimpinan yang terjadi di dalam UMNO. Kepimpinannya tidak pernah dicabar oleh sesiapa (Rahmah Kassim 1997).<sup>191</sup> Keinginan beliau untuk membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu telah menyebabkan sebahagian besar kepimpinan UMNO tidak bersetuju dengan idea berkenaan. Tetapi mereka tetap tidak menolak Dato’ Onn keluar dari UMNO, malah beliau pula yang

---

<sup>189</sup> Krisis ini disebabkan antaranya keinginan untuk memiliki dan mempertahankan kuasa (Nordin 1978). Disebabkan kuasa, mereka akan mempunyai kedudukan yang menguntungkan supaya mereka dapat memperkuat dan mengukuhkan peraturan yang dapat memenuhi kepentingan mereka (David Barry 1993: 15).

<sup>190</sup> Krisis kepimpinan dalam UMNO mengambarkan kurangnya tahap kematangan dalam parti berkenaan kerana akibat krisis kepimpinannya, terjadi perebutan kuasa yang berterusan, perletakan jawatan, pengharaman UMNO, pemecatan kepimpinan dan yang lebih sadisme ialah pecahan Melayu (Zakry 1992: 389-340).

<sup>191</sup> Rahmah Kassim (Datuk). 1997, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Chembong, Rembau. Beliau adalah wakil rakyat wanita Melayu pertama selepas merdeka, yang diberikan kepercayaan oleh Tunku untuk menjadi ADUN. Temubual. 8 Jun.

mengugut untuk meninggalkan UMNO jika idea berkenaan tidak diterima (Ramlah 1996). Apabila beliau keluar dari tunggak kepimpinan UMNO, beliau telah dipujuk oleh barisan kepimpinan UMNO untuk kembali menerajui UMNO. Beliau kembali semula sebagai Presiden UMNO, tetapi apabila kali kedua beliau keluar dari UMNO, atas alasan yang sama, sebahagian besar anggota UMNO turut mengikuti langkah beliau untuk menubuhkan IMP.<sup>192</sup> Kedudukan beliau tidak dicabar sewaktu menerajui UMNO dan kepimpinannya tidak mengundang sebarang krisis perebutan jawatan yang disandangnya.<sup>193</sup>

Peralihan kuasa kepada Tunku bukan melalui prosedur yang biasa diamalkan oleh UMNO, kerana beliau bukan Timbalan Presiden UMNO ketika itu. Tun Razak ketika itu adalah Timbalan Presiden UMNO dan sepatutnya menjadi Presiden UMNO, merasakan belum bersedia dan tidak berpengalaman (Shaw 1977).<sup>194</sup> Beliau telah memujuk Tunku untuk menjadi pemimpin UMNO bagi mengantikan Dato' Onn.<sup>195</sup> Kesediaan Tunku untuk menjadi Presiden UMNO, telah menjadi pelopor kepada kemerdekaannya (Yusuf Harun 1991). Sepanjang menerajui UMNO, terdapat dua krisis yang dianggap penting

<sup>192</sup> Hussein Onn adalah salah seorang pemimpin UMNO yang turut mengikut ayahnya keluar dari UMNO dan seterusnya menaja penubuhan IMP. Selepas IMP berkubur, beliau telah berangkat ke Lincoln Inn untuk menduduki LLB di sana.

<sup>193</sup> Merebut jawatan pada dasarnya bukanlah tradisi orang Melayu. Sifat sopan santun, malu alah, merendah diri dan menghormati tamu menjadikan orang Melayu tidak berminat untuk merebut sesuatu kedudukan. Norma tradisi Melayu berkenaan menunjukkan secara berterus terang bahawa seseorang itu tidak berkeinginan untuk memegang jawatan (Aminudin 1996: 11).

<sup>194</sup> Ketika itu orang Melayu masih lagi kuat berpegang kepada sistem politik tradisi yang menganggap raja atau keturunannya adalah golongan yang sangat dimuliakan dan dihormati. Dengan memilih Tunku seorang anak raja Kedah sudah pasti rasa hormat, kagum dan taat masyarakat ketika itu akan diberikan sepenuhnya kepada pemimpin UMNO berkenaan, yang sekaligus sebagai pemimpin negara.

<sup>195</sup> Tunku bukan dilantik secara langsung sebagai Presiden UMNO tetapi beliau dipilih secara demokrasi melalui Mesyuarat Tahunan UMNO pada 26 Ogos 1951. Tunku dipilih sebagai Presiden UMNO setelah mendapat 57 undi (Yusuf 1991: 101).

yang berkaitan dengan kepimpinan beliau. Tunku telah menggugurkan Aziz Ishak dari jawatan Menteri Pertanian kerana dianggap telah membelakanginya dalam urusan kerajaan. Aziz dikatakan telah membatalkan 350 permit mengilang beras milik orang Cina dan diberikan kepada orang Melayu, meluluskan pembinaan Kilang Baja Urea serta membina koperasi Petani (Yazid 1992). Tindakan Aziz dikecam oleh orang Cina dan orang tengah yang dianggap akan merugikan mereka. Oleh kerana Tunku memang menyayangi dan lebih berkompromi dengan orang Cina maka Aziz Ishak dipecat. Krisis kedua ialah lanjutan dari sikap kompromi Tunku terhadap orang Cina, sehingga beliau dianggap tidak menolong orang Melayu dalam menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka (Shaw 1977). Kritikan Mahathir telah menjerat dirinya sendiri apabila beliau dipecat dari keanggotaan UMNO (Morais 1982). Dari dua-dua krisis ini, kedudukan dan kepimpinan Tunku memang tidak dicabar tetapi kepimpinannya diragui kerana Tunku dianggap tidak bersungguh dalam menangani masalah sosio-ekonomi Melayu (Mahathir 1982). Dalam konteks ini kelihatan dengan jelas bahawa nilai tradisi politik Melayu masih kuat diamalkan oleh anggota UMNO. Meski pun ada beberapa polimik dikalangan mereka nilai kepatuhan kepada pemimpin mengatas segalanya (Atory 1996). Tidak wujud kelompok atau puak tertentu yang berambisi untuk mengulingkan kepimpinan yang sedia ada (Rahmah Kassim 1997).

Selepas 13 Mei 1969 kepimpinan Tunku direhatkan dengan Tun Razak mengambil alih tugas sebagai pengurus MAGERAN (Comber 1985). Pada tahun 1971, dengan resminya Tun Razak menjadi Presiden UMNO sekaligus sebagai Perdana Menteri ke tiga. Ketika ini beliau cuba membentuk barisan kepimpinan baru dalam

kerajaan dengan mengurangkan orang lama yang masih berada di dalam kabinet dan UMNO (Shamsul 1988).<sup>196</sup> Istilah order baru dan order lama muncul dengan menggambarkan bahawa terdapat semacam polimik antara kepimpinan baru dan kepimpinan Tunku.<sup>197</sup> Kepimpinan lama atau “...old leadership, within UMNO and subsequently a crisis erupted within UMNO's national leadership which affected the grass-roots leadership as well...” (Shamsul 1988: 171). Tun Razak menyisihkan beberapa orang lama secara sistematis Misalnya, Khir Johari menjadi Duta Besar di Amerika Syarikat, Sardon Jubir ke New York sebagai Wakil Tetap Malaysia Ke PBB, Senu Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung UMNO. Walau pun pertentangan antara order lama dengan order baru ini muncul, tetapi tidak ada krisis kepimpinan yang membolehkan kedudukan dan kepimpinannya dipertikaikan atau digugat. Krisis antara orang lama dengan orang baru itu dapat diatasi oleh kebijaksanaan Tun Razak (Nawawi 1997). Hakikat ini membuktikan bahawa tidak ada perubahan dalam nilai politik tradisi Melayu yang masih berpegang kepada kepatuhan nilai dan hormat ketua terhadap kepimpinannya (Rahmah Kassim 1997).

Tun Razak digantikan oleh Hussein Onn yang boleh dianggap tidak berpengalaman dan belum bersedia menjadi ketua negara kerana baru dibawa masuk ke dalam UMNO oleh Tun Razak (Shaw 1977). Namun, beliau selaku Timbalan Perdana

<sup>196</sup> Walau bagaimanapun, kumpulan berkuasa (kepimpinan UMNO) tidak seharusnya dianggap sebagai bersikap sinisme. Mereka mungkin mempercayai bahawa tindakan mereka itu betul dan sesuai dengan perinsip awal mereka (David Barry 1993: 18).

<sup>197</sup> Istilah order baru dan order lama ini muncul adalah kesan dari pengaruh politik Indonesia. Sekitar 1968 telah berlaku peralihan kuasa di antara Soekarno dan Soeharto secara tertulis. Pertukaran kuasa di bawah Soeharto ini dinamakan sebagai era order baru, manakala order lama adalah merujuk kepada zaman pemerintahan Soekarno.

Menteri dan Timbalan Presiden UMNO terpaksa memikul tugas berkenaan. Era Hussein, krisis kepimpinan mula muncul apabila kedudukan dan jawatannya digugat serta dicabar oleh anggota UMNO sendiri.<sup>198</sup> Ini merupakan era baru dalam kepimpinan UMNO apabila buat pertama kalinya jawatan Presiden UMNO dicabar, “...in scanning the UMNO record, one notes that deputy president has been challenged, with 1978 marking the first such election after Tun Razak's death and the president has been challenged during this period...” (Case 1996: 396). Beliau telah dicabar oleh Sulaiman Palestine dalam Pemilihan Agung UMNO 1978 (Shamsul 1988: 171), walau pun beliau menang dengan majoriti besar tetapi manifestasi terhadap cabaran itu menandakan berakhirnya amalan politik tradisi Melayu yang memberikan ketaatan dan kepatuhan kepada pemimpin (Norazit 1983). Krisis kepimpinan seterusnya yang dianggap mengugat kedudukan Hussein ialah tindakan beliau dalam menangani masalah Harun Idris. Selaku Ketua Pemuda UMNO, “...Harun, a new leadership had consolidated its position as the central leadership both within UMNO and in the National Front coalition. They achieved a resounding victory in the election...” (Shamsul 1988: 171). Tetapi apabila beliau disabitkan dengan kesalahan rasuah, Harun dipenjarakan. Hussein Onn telah menyingkirkan diri dari UMNO tetapi tindakan beliau dipertikaikan oleh Pemuda UMNO sehingga dia dalam Perhimpunan Agung UMNO 1976, MT didesak untuk menerima kembali Harun Idris ke pangkuhan UMNO. Atas desakan tersebut keanggotaan Harun dipulihkan semula. Krisis ini menunjukkan kepimpinan Hussein Onn selaku Presiden

---

<sup>198</sup> Perebutan jawatan dalam UMNO mula wujud apabila orang Melayu masuk ke arena politik yang lebih profesional. Keinginan tinggi dengan percubaan merebut jawatan dalam UMNO pada mulanya berlaku di peringkat MT (Aminudin 1996: 11).

UMNO yang tidak konsisten dan konsikuen dalam mengambil keputusan. Atas alasan kesihatan beliau kemudiannya telah mengundurkan diri dari kepimpinan UMNO.

Berikut pengunduran Hussein Onn, Dr. Mahathir mengambil alih teraju UMNO dan kerajaan. Tokoh yang naik sebagai Timbalan Presiden UMNO dengan agak kontroversi kerana melangkahi Naib-Naib Presiden yang kanan dalam UMNO yang ketika itu disandang oleh Razaleigh dan Ghafar Baba (Morais 1982). Tetapi oleh kerana hak melantik Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri adalah di tangan Perdana Menteri maka apabila Hussein berundur dari kekuasaan, Mahathir berasib baik. Beliau menghadapi beberapa krisis kepimpinan.<sup>199</sup> Terdapat dua krisis kepimpinan yang dianggap penting telah berlaku di era kepimpinan beliau. Pada tahun 1987, telah berlaku pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO yang disaingi oleh Tengku Razaleigh (Stephen Chee 1989).<sup>200</sup> Muncul kelompok dalam UMNO yang berebut jawatan tertinggi parti (Syed Husin 1999: 56).<sup>201</sup> Kelompok ini memperjuangkan tokoh masing-masing yang menjadi sajungan.<sup>202</sup> Razaleigh telah bergabung dengan Musa “...three weeks to go before the closing of nominations, the Razaleigh-Musa group was drawing

<sup>199</sup> Era Mahathir sebenarnya penuh dengan berantakan atau konflik, ketegangan politik dalam UMNO, pemimpin-pemimpinnya yang keras kepala, tidak mahu mangalah dan tidak mahu juga beralih (Atory 1998: 339).

<sup>200</sup> Sebelum Razaleigh menentang Presiden UMNO pada tahun 1987, beliau pernah juga menguji kekuatannya melalui perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 dan tahun 1984 untuk menentang Musa Hitam, “...had fought each other for the deputy's post, with Musa, then backed by Mahathir, winning both times...”(Kenneth James 1988: 154). Razaleigh tidak berhenti ditahap itu sahaja, beliau sebaliknya mengumpul kekuatan baru malah telah bergabung pula dengan Musa Hitam untuk menjatuhkan Mahathir pada 1987 (Atory 1998: 47).

<sup>201</sup> Oleh kerana kedudukan seseorang dalam parti menentukan kedudukan dalam kerajaan, pemilihan di dalam parti dari semasa ke semasa menjadi rebutan dan saingan antara individu atau kumpulan (Mahadzir 1996: 158).

<sup>202</sup> Di kalangan golongan pemerintah di peringkat tertinggi, mungkin juga wujud kelompok yang bersaingan untuk mendapatkan kuasa politik supaya mereka boleh membolot kekayaan ekonomi (Syed Husin 1999: 56).

*open support from the top echelon of UMNO leaders, including cabinet members..."* (Kenneth James 1988: 154). Mahathir membentuk pula gabungan Ghafar Baba-Anwar Ibrahim. Ketika itu beliau telah mendedahkan keburukkan sikap Musa, "...*Mahathir expose of Musa's letter to him in July 1984 asking that the defeated Razaleigh be kept out of the cabinet...*"(Shamsul 1988: 173). Perjuangan kelompok ini telah disertai oleh elit ekonomi. Pertandingan yang dianggap seru itu berakhir dengan pengharaman UMNO di mahkamah (K. S. Nathan 1989). <sup>203</sup> Ada kelompok dalam UMNO yang telah mencari penaja bagi perjuangan masing-masing untuk tujuan mendapatkan jawatan berkenaan (Abu Hassan 1985: 4). Langkah kelompok-kelompok berkenaan mencemaskan hingga "..."*Mahathir may be concerned about how corruption might finally be eroding his personal power...*" (Case 1996: 410). Kegagalan Mahathir menangani krisis ini dengan bijaksana telah menyebabkan UMNO terpecah kepada dua "...*Mahathir resurrected the party as "UMNO Baru", but closed it to Razaleigh and his staunchest supporters. The later founded a new party, Parti Semangat 46...*" (Khoo Boo Teik 1997: 166). <sup>204</sup> Usaha Mahathir untuk menghidupkan UMNO Baru telah dilakukan "...*was registered on February 3, 1988, amid reports that no one other than the Prime Minister and the registrar knew exactly when the old UMNO was deregistered, thus enabling Mahathir's second application to succeed...*" (K. S. Nathan 1989: 131). Sebahagian

<sup>203</sup> Abdullah Ahmad Badawi adalah salah seorang elit politik yang bertanggungjawab ke atas pengharaman UMNO tersebut (Atory 1993, 1998).

<sup>204</sup> Parti Semangat 46 "...*was the product of a power struggle in the UMNO, the dominant political organization in the country prior to its deregistration in 1988...*"(Hari Singh 1991: 712).

besar pemimpin UMNO telah keluar untuk menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 (Fawzi Basri 1996),<sup>205</sup> Malah ada cawangan UMNO telah dibubarkan dan ditukar dengan cawangan Semangat 46 (Samad Ismail 1998: 28). Mahathir telah memecat beberapa orang menteri kabinetnya yang dianggap penyokong team B, iaitu Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim, Kadir Sheikh Fadzir, Zainal Abidin Zain, Shahrir Samad, Rahmah Othman, Radzi Sheikh Ahmad, Adib Adam dan Manan Osman (Stephen Chee 1989: 218, Atory 1998: 106). Dengan ini bermulalah juga era perpecahan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu.<sup>206</sup>

Krisis kepimpinan berikutnya yang dianggap hebat dalam mellinium ini ialah krisis kepimpinan antara Mahathir dengan Anwar Ibrahim. Anwar yang selama ini diketahui umum telah membina kareir politiknya dalam UMNO dengan dibantu oleh Mahathir (Hussain 1997), akhirnya menjadi musuh yang digeruni oleh Mahathir dan kroninya. Dalam politik tidak terdapat kawan atau lawan yang kekal, semuanya boleh berlaku “...politics as the arts of the possible...” (Abdad 1989: 43).<sup>207</sup> Pemecatan Anwar Ibrahim dari kabinet dan keanggotaan UMNO, mewarnai krisis kepimpinan Mahathir yang dianggap sebagai mengundang berbagai kesan sampingan yang melanda UMNO,

<sup>205</sup> Untuk keterangan lanjut tentang perebutan kuasa antara Mahathir dan Razaleigh sila lihat Atory (1993), (1998).

<sup>206</sup> Perpecahan ini bukan sahaja berlaku akibat perbezaan fahaman politik tetapi juga berpunca daripada persaingan merebut pengaruh politik dalam parti dan juga untuk tujuan mengaut kekayaan dalam ekonomi (ATMA 1998: 94). Perpecahan Melayu ekoran peristiwa 24 April 1987 amat perit. Ia telah mengambil masa terlalu panjang untuk pulih sepenuhnya. Walaupun pada zahirnya luka itu kelihatan sembah tetapi parutnya tetap ada (Abu Hassan 1994: 145).

<sup>207</sup> Dalam melihat krisis kedua tokoh ini, bolehlah diandaikan Mahathir sebagai Tuah dan Anwar sebagai Jebat. Masing-masing terdorong untuk membuat jasa dan membala jasa pada pegangan masing-masing. Tuah mengorbankan sahabatnya untuk kebaktian dan jasa kepada negara. Sementara Jebat sanggup menderhaka kerana berhasrat untuk membuat jasa dan menuntut bela atas penghukuman yang dikira kurang adil dan tidak tepat itu (Hussain 1992: 92).

orang Melayu dan negara. Dengan tuduhan meliwat dan salah guna kuasa, karier politik Anwar dikuburkan untuk sementara, “...*Mahathir may be personally convinced that Anuar is a sodomite. One detects in Mahathir a strong revulsion for what is legally and morally describable as unnatural sex...*”(Chandra 1998: 237). <sup>208</sup> Dalam konteks pemecatan Anwar ini, kedudukan dan kepimpinan Mahathir belum lagi dicabar apatah lagi ditandingi oleh Anwar. Mahathir merasakan kedudukannya tidak selamat jika Anwar bertanding jawatan Presiden UMNO dan mungkin akan mengalahkan beliau (Syed Husin 1998: 15). <sup>209</sup> Keadaan ini diyakini dengan melihat fenomena kepimpinan dan barisan muda yang berada di dalam UMNO yang cenderung kepada Anwar yang dianggap sebagai pejuang kelas marhain. Tambahan pula Anwar sering melaungkan reformasi ke dalam UMNO jika tidak “...*we may see the Indonesia situation where the people demand changes...*”(Peter Symonds 1998: 1).

Beberapa tindakan Anwar sebelum ini juga telah dilihat sebagai perangkap yang akan menjerat Mahathir dan kroninya. Sewaktu memangku jawatan Perdana Menteri selama tiga bulan, beliau telah meluluskan Akta Rasuah yang membolehkan pelakunya dikenakan hukuman walaupun sudah 10 tahun kejadian berkenaan berlaku. Beliau telah menghentikan dengan serta-merta projek mega seperti empangan Bakun, City Linear dan Putrajaya Fasa II. Beliau mengumumkan ketika negara dilanda kegawatan, bahawa kerajaan akan mengutamakan rakyat yang miskin dari membantu jutawan dan korporat

---

<sup>208</sup> Berbagai-bagai tuduhan telah dihadapkan ke atas Anwar; meliwat, salahlaku seks, agen CIA, korupsi, mengganggu kerja polis yang menyiasat, mangganggu ketenteraman awam dan memberi ucapan menghasut rakyat (Samad Ismail 1998: 28).

<sup>209</sup> Mahathir begitu percaya dengan teori propaganda Hitler yang mengatakan pembohongan itu jika sentiasa diulangi, kelak manusia akan mempercayainya sebagai benar (Anwar 1998: 11).

yang sompong ketika ekonomi cergas (Anwar 1998). Tindakan Anwar ini memang popular dikalangan rakyat tetapi di kalangan elit politik dan elit ekonomi ianya dianggap sebagai perangkap yang menakutkan. Situasi ini membuktikan “...brought to the surface certain differences in approach between Mahathir and Anuar in their handling of the economic crisis...” (Chandra 1998: 235). Di kalangan korporat kaya-raya dengan bantuan Mahathir, mereka mengharapkan status quo mereka dipertahankan dan mereka mahu Mahathir terus berkuasa kerana perniagaan mereka akan dilindungi. Keadaan ini dilihat sebagai “...the virulence and viciousness of the annihilation can perhaps be best explained by the fact that Anuar was, all saind and done, Mahathir's protage...” (Chandra 1998: 237). Jika pun tidak, pengantinya adalah dikalangan elit politik yang boleh memberikan perlindungan kepada mereka (Syed Husin 1998: 15). Elit berkenaan tentunya bukan Anwar.<sup>210</sup> Krisis kepimpinan antara Mahathir dengan Anwar ini memperlihatkan dengan amat jelas adanya perubahan dalam dimensi krisis kepimpinan UMNO. Kepimpinan yang sedang berkuasa walaupun belum dicabar tetapi awal-awal lagi telah mengambil langkah proteksi agar kepimpinannya bersinambung (Jamaie 1993).<sup>211</sup> Hal ini dilakukan berdasarkan pemimpin yang dirasakan tergugat dan untuk

<sup>210</sup> Antara tokoh politik yang dianggap dapat menjadi pelindung setelah Mahathir keluar dari tampuk kekuasaan antaranya ialah Zahid Hamidi, Muhamad Muhd. Taib atau Daim Zainuddin. Zahid dan Muhamad adalah tokoh muda yang turut berkepentingan dalam politik dan perniagaan, oleh itu kedua tokoh ini setidaknya boleh diletakkan sedikit harapan. Daim walaupun menjangkau usia 61 tahun, tetapi masa depannya dalam politik dan perniagaan boleh dikatakan masih panjang. Namun, untuk meletakkan harapan kepada Daim dianggap tidak menentu kerana Daim sejak dari awal pembabitannya dalam dunia politik bukan sebagai seorang ‘politiking’ tetapi sebagai managemen yang konsisten.

<sup>211</sup> Beberapa langkah awal Mahathir untuk tujuan proteksi ialah dengan melantik Daim sebagai Ketua Eksekutif MTEN dan Menteri Tugas-Tugas Khas untuk menangani kegawatan ekonomi. Bagi manguasai media, Mahathir telah menukar editor Utusan Malaysia dan Berita Harian serta Ketua Eksekutif TV3 dari jawatan masing-masing yang dianggap sebelum ini pro-Anwar. Tujuannya supaya media yang ada akan menjadi penyokong terhadap semua tindakan Mahathir (Syed Husin 1998: 14-15). Pengangkatan Daim Zainuddin setidaknya melangkahi wewenang Anwar yang menunjukkan adanya ketidakpercayaan Mahathir pada Anwar (D&R 1998: 28).

mempertahankan kepentingan tersebut, pemimpin yang bertindak selaku aktor dalam hal ini mengambil sikap rasional untuk melindungi kepentingan-kepentingannya (Weber 1949). Bagi jutawan dan golongan peniaga yang turut berkepentingan telah mengambil kesempatan dari krisis ini dengan menunjukkan sokongan mereka kepada kepimpinan Mahathir. Mereka inilah yang akhirnya dapat mempengaruhi Mahathir untuk bertindak menyingkirkan Anwar (Syed Husin 1999: 56). Dengan cara sedemikian, perniagaan dan syarikat korporat mereka akan terus selamat.<sup>212</sup>

Seperkara yang menarik dalam krisis kepimpinan antara Mahathir dan Anwar ini ialah sokongan yang diberikan kepada kedua tokoh berkenaan bukan semata-mata dari elit politik dan masyarakat biasa tetapi juga dari golongan korporat, iaitu satu golongan yang sebelum ini memisahkan diri dari elit politik dan golongan yang dibantu sebahagian besarnya melalui dasar kerajaan (Chandra 1998), “...*throughout its tenure, the party has taken care to supplement its appeals with steady flows of patronage, usually in the form of state contracts, licenses and development grants...*” (Case 1994: 917). Golongan korporat yang selama ini bersembunyi di belakang tokoh tertentu untuk mendapatkan kekayaan negara tetapi dengan berlakunya krisis antara Mahathir dan Anwar, mereka dengan jelas muncul sebagai kroni-kroni yang mendukung persaingan kuasa antara keduanya (Syed Husin 1998: 14).<sup>213</sup> Bagi elit politik, situasi begini amat menguntungkan

---

<sup>212</sup> Dalam hal ini, mereka telah menjadikan parti sebagai alat untuk menjadi kaya raya. UMNO nampaknya telah mengembangkan peranannya sebagai batu loncatan untuk membolehkan tokoh, pemimpin dan penyokongnya mendapatkan kekayaan dan hidup mewah (Hussain 1996: 202).

<sup>213</sup> Suasana politik akhir-akhir ini semakin merosot, semangat nasionalisme yang dulunya menjadi asas perjuangan kemerdekaan negara sekarang nyata kian terhakis, digantikan pula oleh semangat materialistik dan perebutan kuasa serta kedudukan (ATMA 1998: 88).

sebahagian dari mereka kerana sebelum ini ada dikalangan mereka lebih senioriti dari Anwar di dalam UMNO, tetapi mereka dilangkahi oleh Anwar dengan mendadak (Hussain 1997: 248). Ketika Anwar di luar UMNO, beliau adalah pengkritik dan pemidato yang lantang menghentam dasar-dasar kerajaan. Ketika itu sebahagian dari mereka inilah yang menangkis serangan Anwar tersebut, tetapi apabila Anwar dibawa masuk oleh Mahathir,<sup>214</sup> mereka merasa jawatan tertinggi dalam hirarki UMNO semakin tertutup. Dengan krisis ini semua peluang terbuka semula.

Keadaan sedemikian adalah manifestasi dari budaya politik UMNO yang menjadi asas kepada rentetan peristiwa selanjutnya dalam UMNO. Krisis kepimpinan Mahathir - Razaleigh, sebahagian besar elit politik yang mendukung pihak yang kalah telah berpatah balik untuk menyokong pihak yang menang (Hari Singh 1991).<sup>215</sup> Tindakan ini kerana untuk menjaga masa depan politik masing-masing. Najib Razak misalnya, adalah tergolong dalam team B tetapi pada saat akhir pengundian dijalankan, beliau telah berpatah balik menyokong team A. Mungkin faktor ini, 43 undi yang dimenangi oleh Mahathir datangnya dari kem Najib. Begitu juga dengan elit politik yang menjadi pendukung antara Anwar dan Mahathir. Mereka akan terus berlindung di bawah tokoh tertentu sekiranya situasi dalam kepimpinan UMNO itu tidak bergolak. Tetapi jika terjadi krisis di dalam Kepimpinan UMNO, mereka akan mendukung salah satu pihak

---

<sup>214</sup> Tanpa tajaan Mahathir, adalah mustahil bagi Anwar untuk naik begitu mendadak dalam parti dan kerajaan (Chamil 1988: 197).

<sup>215</sup> Dalam kes Anwar ini, beliau tidak menentang Mahathir secara terang. Bagi Mahathir, ternyata penyandang Timbalan Perdana Menteri untuk menjadi Perdana Menteri hanya metos, kerana dalam tradisi UMNO, setiap Timbalan Perdana Menteri adalah penganti Perdana Menteri, tetapi selama Mahathir berkuasa hal ini tidak terjadi (Alfitra 1998: 30). Krisis ini diibaratkan "...kalah menjadi abu, menang jadi arang, say a Malay proverb. In some sense the proverb summarized quite accurately the fate of both camps..."(Shamsul 1988: 181).

terlebih dahulu, jika didapati tokoh yang didukung itu dirasakan sudah tidak selamat lagi untuk dinaungi mereka akan cepat bertukar untuk menyokong pihak yang ditentang pula. Fenomena dukungan ini bukan sahaja berlaku dikalangan elit politik, hal yang serupa juga terjadi di kalangan peniaga, usahawan dan korporat yang digolongan sebagai elit ekonomi yang akan mendukung salah satu pihak yang sedang berkrisis (Case 1994). Tidak ada beza dari segi mempertahankan kepentingan antara elit politik dan elit ekonomi ini dalam UMNO. Mana-mana tokoh yang boleh melindungi kepentingan perniagaan mereka, tokoh berkenaanlah yang akan disokong. Dalam dimensi krisis kepimpinan UMNO, jelas kelihatan bahawa telah berlaku dinamisme dalam bentuk krisis itu sendiri.<sup>216</sup> Pada era awal kepimpinan UMNO, krisis hanya melibatkan elit politik sahaja.<sup>217</sup> Dengan perubahan corak kepimpinan UMNO yang menekankan pembangunan ekonomi, yang ingin melibatkan orang Melayu dalam bidang perniagaan maka telah muncul sebilangan jutawan atau korporat Melayu, “...*the links between UMNO, government and private entrepreneur expanded...*” (Peter Symonds 1998: 2).<sup>218</sup> Dengan kemunculan golongan ini ianya turut mewarnai bentuk krisis kepimpinan UMNO, iaitu apabila golongan elit ekonomi turut berkepentingan di dalam krisis kepimpinan berkenaan.

---

<sup>216</sup> Di bawah pemerintahan Tunku, terdapat sangat sedikit campur tangan kerajaan dalam urusan ekonomi, maka kegiatan mengaut sewa (rent seeker) berada pada paras sederhana. Dengan pelancaran DEB, kerajaan mula campurtangan secara besar-besaran dalam hal ekonomi dan telah melahirkan sejumlah besar kapitalis yang ada kaitan dengan kerajaan (Yoshihara 1995: 108).

<sup>217</sup> Sebelum itu budaya persaingan bukan menjadi amalan UMNO tetapi “...by 1981 all the important posts in UMNO, including that the president and deputy president, had been contested...” (Hari Singh 1991: 714).

<sup>218</sup> Keadaan menjadi semakin buruk bila pemimpin berkenaan lebih ghairah memanipulasi dasar-dasar yang mereka gubal bagi memastikan kepentingan diri sendiri dan untuk mengukuhkan pengaruh politik masing-masing (ATMA 1998: 89).

golongan bangsawan yang terpisah dari masalah keterbelakangan sosio-ekonomi seperti orang Melayu lainnya. Sistem vernakular tidak lebih dari memperkuat jurang pemisahan yang telah wujud sebelumnya. Bagi pihak kolonial, selain dari mewujudkan jurang sedemikian sistem berkenaan hanya untuk membantu pribumi dari masalah buta huruf.

Pasca merdeka, bermulalah episode pemerintahan sendiri yang didominasi oleh UMNO. Ketika ini masalah kemunduran dan ketinggalan orang Melayu dalam perekonomian dibangkitkan kembali. Beberapa orang intelektual Melayu telah memberikan pandangan dan kritikan betapa pentingnya kerajaan memperjuangkan pula kedudukan sosio-ekonomi Melayu. Antara mereka yang berpandangan sedemikian ialah Aziz Ishak dan Mahathir Mohamad. Tindakan Aziz Ishak yang cuba mempertingkatkan ekonomi orang Melayu dianggap membelakangi kepimpinan Tunku. Aziz kemudiannya dipecat dari jawatannya sebagai Menteri Pertanian. Manakala Mahathir pula sentiasa mengkritik dasar dan tindakan Tunku yang lebih mengutamakan orang Cina. Tunku dituduh tidak membantu meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu tetapi lebih memihak kepada kepentingan kapitalis Cina. Akibatnya Mahathir dipecat dari UMNO. Bagi Tunku, ketika negara baru mencapai kemerdekaan, aspek pertama yang perlu ditangani ialah soal memantapkan kekuatan politik. Tanah Melayu atau Malaysia kemudiannya, perlu memastikan terlebih dahulu kekuatan politiknya. Antaranya dengan memperkenalkan negara kepada negara luar atau mencari pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Permasalahan sosio-ekonomi dianggap akan datang kemudian setelah soal yang asas itu dapat dilakukan. Tunku menghadapi banyak halangan untuk memenuhi tuntutan terhadap asas ekonomi negara. Di samping masalah Konfrantasi dengan

Indonesia pemisahan Singapura dan ancaman komunis menyita banyak masanya untuk menyelesaikan masalah-masalah berkenaan terlebih dahulu.

Walau pun desakan terhadap kerajaan terus diterima dari orang Melayu supaya kerajaan segera menangani masalah kemunduran ekonomi mereka. Namun, bagi Tunku beliau tetap beranggapan bahawa orang Melayu memadai dengan menguasai politik, dengan membiarkan orang Cina menguasai ekonomi negara. Anggapan sedemikian semakin memperkuat andaian sesetengah intelektual dan ahli politik Melayu bahawa Tunku lebih mengutamakan orang Cina dalam soal pengagihan kekayaan negara. Akibatnya jurang sosio-ekonomi antara kaum semakin ketara. Desakan yang berterusan dari orang Melayu menyebabkan Tun Razak, selaku Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Pembangunan Luar Bandar telah mencari inisiatif dengan menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera I dan Kongres Ekonomi Bumuputera II. Dalam kedua-dua kongres ini telah dibincangkan masalah kemunduran orang Melayu dan cara mengatasinya. Hasilnya kerajaan telah bersetuju untuk mempertingkatkan peranan RIDA yang ditukar kepada MARA serta menubuhkan Bank Bumiputra. Bagaimanapun langkah ini pada aspek operasionalnya gagal berjalan dengan sempurna kerana tidak ada campurtangan kerajaan secara langsung. Dengan demikian, pemisahan jurang ekonomi serta keistimewaan yang diberikan oleh Tunku ini menyebabkan orang Cina merasakan mereka perlu pula mendapatkan kuasa politik supaya mereka akan menjadi lebih kuat dan mantap. Gejala sedemikian telah menyebabkan berlakunya ketegangan kaum dan saling mencurigai antara etnik yang mana manifestasi ketegangan berkenaan digambarkan melalui pilihanraya 1969.

Rentetan peristiwa di atas, DEB diperkenalkan bagi mencapai dua tujuan utama iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum. Melalui dasar ini kerajaan telah meletakkan sebahagian besar keistimewaan orang Melayu untuk dibantu. Dengan meletakkan sasaran 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam pemilikan ekuiti diharapkan akan menjadikan orang Melayu turut sama dalam kerancakan perekonomian negara. Sebagai pemangkin kepada DEB ini, UMNO di bawah kepimpinan Tun Razak telah mengambil inisiatif untuk terlibat dalam perniagaan. Tetapi era Tun Razak keterlibatan kerajaan terhadap perniagaan orang Melayu adalah secara tidak langsung. Antara langkah awal yang dilakukan oleh UMNO untuk membantu orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan ialah dengan membentuk MARA. Melalui MARA, kerajaan bertujuan untuk menyediakan latihan, kemahiran, asas teknikal, pendidikan, asas perniagaan baik atas skala kecil atau besar serta pendedahan kepada sektor-sektor industri. Untuk mempertingkatkan lagi usaha kerajaan dalam membantu orang Melayu terlibat dalam perniagaan secara kecil atau besar, kerajaan telah menubuhkan PERNAS. Melalui PERNAS, berbagai lapangan perniagaan telah diceburi seperti pelaburan, perhotelan, kewangan, perniagaan runcit, perindustrian, pembinaan. Dalam hal ini bidang yang sebelum ini tidak pernah diceburi oleh orang Melayu, telah mula diterokai. Sementara itu kerajaan juga telah menubuhkan UDA dengan tujuan supaya dapat memastikan orang Melayu turut terlibat dalam pembangunan dan pengstrukturkan semula bandar. Bagi orang Melayu yang mempunyai semangat untuk bermiaga mereka disediakan tapak, ruang niaga serta modal untuk memulakan perniagaan. UDA telah membina bangunan-bangunannya sendiri untuk tujuan berkenaan dengan kadar sewa yang berpatutan. Disamping itu, UDA juga bertindak dengan menjadi

penyewa kepada lain-lain bangunan yang sudah siap untuk disewakan pula kepada orang-orang Melayu. Melalui ketiga-tiga institusi amanah ini, UMNO berjaya meletakkan peranannya sebagai pemangkin untuk membantu orang Melayu terlibat dalam perniagaan. Di samping itu UMNO juga secara tidak langsung telah melibatkan diri dalam perniagaan sejak 1972 melalui syarikatnya Fleet Holdings. Asas perniagaan UMNO adalah untuk mencari sumber kewangan sendiri supaya tidak terlalu bergantung kepada sumbangan dari taipan Cina serta MCA. Keinginan UMNO untuk membina bangunannya sendiri turut menyumbang kepada perubahan prinsip asalnya. Untuk membina bangunannya sendiri, UMNO telah membentuk tabung khas yang mendapat donasi dari individu, korporat atau pertubuhan tertentu. Dengan hanya mengharapkan bantuan dan sumbangan dari luar adalah tidak mencukupi, oleh itu UMNO perlu melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Keterlibatan UMNO dalam bidang perniagaan disebabkan oleh adanya aktor yang berperanan ke arah berkenaan. Antara aktor yang berperanan ialah Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau telah diberikan kepercayaan oleh Tun Razak untuk mengendalikan Fleet Holdings, PERNAS, dan Bank Bumiputra. Disamping menjalankan tugas kabinetnya, beliau dipertanggungjawabkan untuk memastikan perniagaan syarikat dan kepentingan UMNO berjalan dengan lancar. Ketika ini, Razaleigh adalah pengurus kepada tabung UMNO yang dibentuk untuk membina bangunannya sendiri. Beliau telah menggunakan Sistem Pemegang Amanah untuk menjalankan syarikat perniagaan UMNO, yang nampaknya terpisah antara ahli politik dan ahli perniagaan. Melalui usaha Razaleigh, PERNAS telah berjaya membuka lembaran baru dalam perniagaan orang Melayu untuk

terlibat dengan perniagaan di peringkat antarabangsa. Usaha Razaleigh dalam mengembangkan korporat UMNO digantikan oleh Daim Zainuddin pada tahun 1984. Ketika ini Mahathir telah mengambil alih kuasa dari Hussein Onn. Daim, dianggap aktor kedua yang berperanan besar dalam memperluaskan korporat UMNO. Di ketika ini, sudah nampak dengan jelas bahawa ada kepentingan ekonomi yang dimainkan oleh elit politik yang terlibat dalam perniagaan syarikat milik UMNO. Jika sebelum ini melalui sistem pemegang amanah, mereka yang dilantik bersikap profesional dalam perniagaan, tetapi sewaktu Daim mengambil alih pengurus Fleet Holdings serta Bendahari UMNO, kelihatan kepentingan perniagaan beliau dilindungi. Hal ini terjadi kerana Daim yang dilantik oleh Mahathir, adalah seorang ahli perniagaan yang telah berjaya. Dengan jawatan dan kedudukan yang diperolehi dalam UMNO, peluang untuk menguasai kepentingannya terbuka dengan luas. Dalam konteks ini elit politik mempunyai kepentingan dalam pengagihan ekonomi negara melalui kedudukan dan jawatan yang dipegang.

Sebagai seorang jutawan yang telah berjaya, di peringkat awalnya beliau juga telah menggunakan elit politik untuk membantu cita-cita perniagaannya. Beliau telah mendapat bantuan Harun Idris serta beberapa elit politik di Selangor untuk mendapatkan projek Taman Bukit Malurinya. Beliau juga telah berjaya melahirkan beberapa jutawan Melayu yang dianggap sebagai anak didiknya sewaktu di Paremba. Antara mereka ialah, Halim Saad, Tajudin Ramli, Azman Hashim, Wan Azmi Wan Hamzah yang pernah berkerja di bawahnya. Mereka adalah kroni-kroni kepimpinan UMNO yang membina empayar perniagaan yang turut mendapat perlindungan dari elit politik UMNO.

Seorang lagi aktor yang berperanan besar sebagai pengasas perniagaan dalam UMNO dan kepada orang Melayu ialah Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun seorang lulusan perubatan umum, tetapi asas perniagaan yang dimiliki sejak kecil telah meletakkan beliau sebagai pencetus perniagaan di kalangan orang Melayu dan UMNO. Ketika era Tunku, beliau dengan lantang dan kritis telah menyatakan tiada usaha dilakukan untuk mengeluarkan orang Melayu dari kemunduran dan keterbelakangan sosio-ekonominya. Beliau mendesak Tunku meletakkan jawatan kerana keterbelakangan itu serta lebih menyayangi orang Cina. Akibatnya beliau dipecat dari UMNO. Langkah awal yang dilakukan oleh Mahathir untuk mempergiatkan penglibatan ekonomi orang Melayu ialah dengan campurtangan kerajaan secara langsung melalui dasar-dasarnya. Beliau telah melantik Daim sebagai Menteri Kewangan, Bendahari UMNO serta menerajui korporat milik UMNO untuk kesinambungan perniagaan syarikat UMNO. Campur tangan kerajaan, menurut Mahathir harus dilakukan sejak zaman Tunku lagi. Oleh itu apabila beliau menjadi pemimpin UMNO beberapa dasar yang dapat menjadi asas dan realiti keterlibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan telah dilancarkan. Misalnya, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Persyarikatan dan Dasar Penswastaan, yang melibatkan orang Melayu dalam perniagaan. Bagi mengantikan DEB yang telah tamat tempoh, Mahathir telah melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJPII) untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Di sebalik kejayaan peranan tersebut turut terkandung beberapa implikasi terhadap sistem sosio-politik Melayu. Bersesuaian dengan teori pembangunan ekonomi, perkembangan ekonomi yang terlalu pantas akan mengakibatkan implikasi di sebalik

perkembangannya. Implikasi pertama yang dapat dikesan ialah terdapatnya perubahan terhadap pola sistem politik Melayu itu sendiri. Pola politik Melayu yang pada asalnya adalah berbentuk hubungan *tradisional-bases* telah bertukar corak kepada hubungan *business-bases*. Hal ini terjadi kerana berlaku perubahan terhadap corak ekonomi tradisi (sara diri) yang telah berubah kepada corak ekonomi perniagaan (kapitalis). Keadaan ini menyebabkan elit politik mula bergantung kepada elit ekonomi dan bukan kelas bawahan. Manakala nilai ketataan dan kepatuhan dalam hubungan *tradisional-bases* telah longgar kerana elit politik dilingkari pula oleh elit ekonomi yang sentiasa mencari kepentingan peribadi. Implikasi kedua ialah berlakunya perubahan terhadap pola kepimpinan yang sangat jelas antara era Tunku, Tun Razak, Hussein Onn dan Mahathir. Ketiga-tiga tokoh terdahulu, penglibatan UMNO dalam bidang perniagaan adalah diperangkat minima./ Era Tun Razak dan Hussein Onn telah cuba meletakkan asas perniagaan terhadap orang Melayu tetapi dalam aspek perlaksanaannya, di era Razak, pembangunan ekonomi lebih menekankan kepada pembangunan luar bandar, manakala di era Hussein Onn asas perniagaan yang ada hanya dilihat sebagai memelihara asas-asas yang telah ditinggalkan oleh Tun Razak lantaran kurangnya karismatik beliau. Di era Mahathir orientasi perniagaan telah dikembangkan dengan berbagai dasar sosio-ekonomi yang bertujuan menjurus kepada sebuah negara perniagaan. Ini membuktikan bahawa Mahathir adalah pemimpin UMNO yang telah berjaya membentuk negara yang berorientasikan perniagaan.

Pada tahap awal kepimpinan UMNO, ianya telah dipelopori oleh elit politik Melayu yang terdiri dari tiga kumpulan utama iaitu aristokrat, guru dan pegawai

kerajaan. Perkembangan pendidikan yang disedari sebagai agen perubahan telah mengubah bentuk budaya politik Melayu. Melalui DEB, orang Melayu telah diberikan keutamaan dari segi kouta pendidikan dan biasiswa yang membolehkan ramai diantara mereka mendapat pendidikan tinggi. Dengan adanya peluang pendidikan yang terbuka luas serta kebebasan berpolitik, ruang untuk mereka menceburi politik semakin luas dan tidak terhad. Lantaran itu implikasi yang wujud ialah di tahap ini kegiatan politik dianggap sebagai kegiatan profesional, bukan sebagai wadah sukarela, dengan demikian hirarki politik UMNO bukan lagi dikuasai oleh golongan aristokrat atau bangsawan sahaja tetapi turut diisi oleh kumpulan profesional dan korporat yang semakin merosak UMNO. Namun, tidak dinafikan keberadaan golongan aristokrat dan elit Melayu dalam hirarki kepimpinan UMNO masih kental, lantaran itu kepimpinan UMNO hari ini masih dibayangi oleh pewaris-pewaris dari generasi elit Melayu, yang suatu ketika dahulu pernah memimpin UMNO.

Kejayaan UMNO dalam membantu orang Melayu mempertingkatkan kedudukan ekonominya telah menyebabkan munculnya sekelompok korporat atau jutawan Melayu yang dibanggakan. Mereka dibantu oleh kerajaan dalam mendapatkan peluang perniagaan. Perniagaan yang mereka jalankan bukan hanya di peringkat dalam negara tetapi juga ke peringkat antara bangsa. Kelompok ini adalah yang dikenali sebagai Melayu Baru model UMNO tetapi tidak banyak beza dengan konsep Melayu tradisi. Kemunculan dan kesinambungan mereka dalam perniagaan adalah melalui bantuan dan perlindungan elit politik UMNO. Kemunculan kelompok ini tidak dapat menyelesaikan masalah global tentang kemiskinan malah telah menjadi parasit dalam pengagihan

kekayaan negara yang dimonopoli oleh kalangan kroni. Hal ini terjadi kerana wujud ketergantungan kepentingan antara elit ekonomi dan elit politik yang kuat. Implikasi berikutnya ialah munculnya unsur politik wang dalam UMNO. Gejala politik wang memang menjadi budaya dan amalan dalam UMNO. UMNO dijadikan alat yang boleh mendatangkan kesenangan dan kemewahan sukar dinafikan lagi. Aprisiasi orang Melayu untuk menjadi kaya maka jalan yang singkat ialah dengan menjadi ahli politik UMNO. Dengan demikian, berlakulah perebutan jawatan di semua peringkat baik Cawangan, Bahagian, MT atau jawatan tertinggi dalam UMNO. Kepimpinan UMNO yang sering bercakap soal ketelusan dan menghindari rasuah kepada kepimpinan peringkat bawahannya sebenarnya tidak mengamalkan budaya itu. Mereka lebih bercakaran sesama sendiri serta meminggirkan prinsip asal perjuangan asalkan kuasa dapat diperolehi. Dalam proses perebutan jawatan ini wang dihamburkan. Kelompok tertentu akan menjadi penaja kepada elit politik tertentu yang kemudiannya penaja berkenaan akan mendapatkan semula pelaburannya jika tokoh yang disokong itu berjaya. Dalam UMNO untuk bertanding, seseorang itu perlu menggunakan wang yang banyak manakala bagi elit ekonomi, untuk kesinambungan perniagaan mereka perlu laburkan wang. Dengan cara yang sedemikian budaya politik wang yang negatif itu akan terus subur dalam UMNO.

Oleh kerana jawatan dalam UMNO bakal mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda, maka terdapat kepentingan bersama antara elit politik dan elit ekonomi. Bagi elit politik yang berkuasa dan terlibat pula dalam perniagaan, mereka akan mengutamakan agihan kekayaan negara kepada kroni-kroni dan kaum keluarga mereka. Dengan demikian amalan kronisme dan nepotisme tumbuh dan berakar dalam UMNO.

Kemunculan sekelompok jutawan Melayu tadi hanya akan berligar di kalangan mereka sahaja tidak kepada orang Melayu lainnya. Projek-projek kerajaan telah diberikan kepada sekelompok jutawan Melayu yang telah berjaya dengan alasan untuk memenuhi hasrat kerajaan dalam konteks memelihara kepentingan Melayu. Bagi elit ekonomi mereka akan terus bergantung kepada tokoh politik tertentu untuk memastikan survival perniagaan mereka. Jika tokoh politik atau elit ekonomi berkenaan menghadapi masalah, amalan kronisme ini akan melepaskan mereka dari tindakan atau hukuman. Hakikatnya sejak sebahagian besar elit Melayu menguasai politik dan ekonomi secara serentak, kuasa berkenaan telah disalahgunakan untuk menambah aset kroni mereka dan tidak mengatasi masalah kemunduran Melayu secara global..

Implikasi terakhir yang ditemui dalam kajian ini ialah peranan yang dimainkan oleh elit ekonomi jika terjadinya krisis di kalangan pemimpin UMNO. Kejayaan kerajaan melahirkan kelompok jutawan Melayu telah mendatangkan kesan terhadap krisis-krisis kepimpinan yang berlaku di dalam UMNO. Elit ekonomi sedemikian menjadikan kepimpinan UMNO menjadi berantakan, politik wang hidup subur, hilangnya budaya ketelusan, jawatan-jawatan dalam UMNO menjadi rebutan yang tidak berkesudahan dan budaya cantas-mencantas terus diamalkan. Oleh kerana mereka perlu bernaung di belakang tokoh-tokoh tertentu maka dengan tindakan yang dianggap rasional, mereka akan menaja tokoh-tokoh tertentu ketika terjadinya krisis. Hal ini dapat dilihat ketika krisis Musa-Razaleigh, Mahathir-Razaleigh dan Mahathir-Anwar. Ketergantungan ini merupakan pelaburan bagi elit ekonomi berkenaan dan seolah-olah tidak dapat lari pula kerana selama ini seseorang tokoh berkenaan dianggap telah

menjadi patronnya. Dengan amalan sedemikian maka wang digunakan untuk mencapai tujuan. Amalan ini sukar dibentras kerana tiada kejujuran oleh kalangan kepimpinan UMNO sendiri dan perebutan jawatan di kalangan mereka yang sering mengundang persengketaan serta kerakusan anggota UMNO untuk menjadikan parti sebagai lombongkekayaan yang telah menjadi budaya dalam UMNO. Dalam konteks budaya politik UMNO hari ini, dengan jelas menunjukkan bahawa elit politik dan elit ekonomi bukan dua kelas yang terpisah dari segi hubungan dan peranan dalam perekonomian negara. Keduanya adalah elit bersama yang merupakan rakan gabungan yang saling memerlukan untuk tujuan kapitalis dan menimbunkan kekayaan serta mengukuhkan kuasa selagi mampu. Budaya berkenaan memperlihatkan penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan diri. Hubungan di antara perniagaan dan pemerintah memang sukar untuk dielakkan dan tidak dinafikan boleh membantu proses pertumbuhan ekonomi. Tetapi ia juga akan mengakibatkan berlakunya pemusatan kuasa dan pengagihan kekayaan yang tidak adil jika kuasa yang ada disalahgunakan oleh kepimpinan UMNO.